



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI TERENGGANU
Tahun 2011



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI TERENGGANU
Tahun 2011



KANDUNGAN

KANDUNGAN


PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Jabatan Kerja Raya Pembangunan Sektor Pelancongan	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pejabat Daerah Kuala Terengganu Pejabat Daerah Besut Program Bantuan Rumah	16
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pejabat Daerah Kuala Terengganu Pejabat Daerah Dungun Pejabat Daerah Setiu Pengurusan Peruntukan Khas Ahli Dewan Undangan Negeri	23
Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Pejabat Tanah Kuala Terengganu Pejabat Tanah Marang Pengurusan Pengambilan Tanah	31
Pejabat Tanah Besut Pejabat Tanah Dungun Pengurusan Pengeluaran Dan Pengalihan Bahan Batuan	46
Majlis Daerah Besut Projek Pakej A, Jerteh Souq	59
Majlis Daerah Hulu Terengganu Pelaksanaan Projek-projek Yang Dibiayai Oleh Kerajaan Negeri Di Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Hulu Terengganu	71
Majlis Sukan Negeri Terengganu Penyediaan Kemudahan Dan Peralatan Sukan	80

PERKARA**MUKA SURAT****BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

Pendahuluan	93
Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.	93
Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu Cas Ligas Sdn. Bhd.	104
Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu PTB Research Institute Sdn. Bhd.	116
Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu TTI Management Sdn. Bhd.	126

BAHAGIAN III - PERKARA AM

Pendahuluan	139
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 Dan 2010	139
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	141
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	141
PENUTUP	145



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi dan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2011 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 11 Jabatan, 3 Agensi dan 4 Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

Bahagian I	:	Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri
Bahagian II	:	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
Bahagian III	:	Perkara Am

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri Terengganu pada tahun 2011 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah kelewatan menyiapkan projek, nilai pemberian kerja melebihi had pengecualian sebut harga yang ditetapkan, penggunaan peruntukan khas ADUN tidak mengikut garis panduan, kualiti kerja kurang memuaskan, penggunaan bangunan sebelum Sijil Kelayakan Menduduki/Perakuan Siap atau Sijil Kelayakan Menduduki Sementara dikeluarkan, pengeluaran bahan batuan di lokasi yang tidak diluluskan dan kerja tidak mematuhi spesifikasi. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 41 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Di samping mengikut kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan “**Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan**” bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.




(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

24 Mei 2012



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA

- Pembangunan Sektor Pelancongan

1.1. Kerajaan Negeri telah menetapkan tahun 2013 sebagai Tahun Melawat Terengganu dan seterusnya menjadikannya sebagai acara tahunan negeri. Kerajaan Negeri akan terus menyertai galakan dan ekspo pelancongan serta melaksanakan acara pelancongan berasaskan destinasi. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membina dan menaik taraf kemudahan awam bagi menggalakkan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara seperti pembinaan laluan pejalan kaki ke tapak *solar hybrid* dan menyediakan sistem pembedungan berpusat bagi mengelak pencemaran air dan menjamin ekosistem di Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Bagi tahun 2008 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM41.70 juta di bawah pembangunan pelancongan dan RM29.18 juta bagi penggalakan pelancongan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati Kerajaan Negeri telah berjaya mencapai sasaran kedatangan pelancong pada tahun 2011. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti dalam pelaksanaan projek pembangunan pelancongan antaranya kelewatan menyiapkan projek pelancongan dan projek yang mengalami kerosakan.

1.3. Bagaimanapun, pelaksanaan projek pembangunan sektor pelancongan boleh dipertingkatkan dengan mengambil kira syor Audit seperti berikut:

1.3.1. Kerajaan Negeri perlu membuat perancangan dan kajian dengan teliti serta terperinci bagi projek-projek pembinaan yang akan dilaksanakan supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

1.3.2. Kerajaan Negeri perlu memastikan koordinasi antara Jabatan/Agensi Kerajaan dengan pihak swasta yang terlibat dipertingkatkan bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek.

1.3.3. JKR perlu memastikan kerosakan yang berlaku dibaiki dengan kadar segera supaya dapat digunakan.

1.3.4. JKR perlu membuat pemantauan yang lebih teliti bagi memastikan kerja-kerja dilaksanakan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

**2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU
PEJABAT DAERAH BESUT
- Program Bantuan Rumah**

2.1. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menjamin dan memelihara kesejahteraan hidup rakyat khususnya golongan miskin. Bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup golongan miskin, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Bantuan Rumah bertujuan menyediakan tempat kediaman yang sempurna dan selamat serta dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan tandas. Program Bantuan Rumah terdiri daripada 3 komponen iaitu bina baru, baik pulih dan tukar atap.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2011 mendapati prestasi Program Bantuan Rumah pada tahun 2009 hingga 2011 adalah baik dengan pencapaian 97.7% bagi bina baru dan 105.7% bagi baik pulih. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program ini yang dikenal pasti seperti berikut:

2.2.1. Nilai pemberian kerja melebihi had pengecualian sebut harga yang ditetapkan.

2.2.2. Tiada keseragaman dalam pelaksanaan komponen tukar atap.

2.2.3. Butiran kerja tidak disediakan.

2.2.4. Harga atap yang dibayar melebihi kadar harga yang dibenarkan.

2.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan Program Bantuan Rumah adalah disyorkan langkah-langkah berikut diambil:

2.3.1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan garis panduan yang lengkap supaya pelaksanaan Program Bantuan Rumah dapat diselaraskan di semua peringkat daerah dan Dewan Undangan Negeri.

2.3.2. Pejabat Daerah hendaklah mematuhi sepenuhnya peraturan dan prosedur kerja.

2.3.3. Pejabat Daerah hendaklah menyediakan butiran kerja bagi setiap kerja yang akan dilaksanakan.

2.3.4. Pejabat Daerah hendaklah membuat pengesahan siap kerja dan menyemak dengan teliti bil tuntutan yang dikemukakan oleh kontraktor sebelum membuat pembayaran.

**3. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU
PEJABAT DAERAH DUNGUN
PEJABAT DAERAH SETIU**

- Pengurusan Peruntukan Khas Ahli Dewan Undangan Negeri

3.1. Peruntukan Khas Ahli Dewan Undangan Negeri adalah peruntukan yang diberi kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk melaksanakan pelbagai program dan projek kemasyarakatan bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing. Peruntukan ini disalurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK) kepada Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal dan pemberian peruntukan dibuat secara berperingkat. Perancangan dan pelaksanaan program dan projek di peringkat DUN dilaksanakan oleh Pejabat Khidmat Masyarakat DUN (PKMD). Bagi pelaksanaan program dan projek di bawah peruntukan ini, Pejabat SUK telah mengeluarkan Garis Panduan Ke Atas Perkara Dibenarkan Untuk Perbelanjaan Pembangunan Dan Bantuan Am Kawasan Pilihanraya Negeri Terengganu (Garis Panduan). Garis Panduan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Ketetapan Tatacara Perbelanjaan ADUN dan Penggunaan Peruntukan Khas ADUN Yang Tidak Dibenarkan. Bagi tahun 2009 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan khas ADUN berjumlah RM89.60 juta yang melibatkan 32 kawasan DUN.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya, peruntukan khas ADUN telah digunakan bagi manfaat masyarakat setempat dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti/program/projek bagi kawasan DUN masing-masing. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti/program/projek tersebut seperti berikut:

3.2.1. Penggunaan peruntukan khas ADUN tidak mengikut garis panduan.

3.2.2. Bayaran 2 kali kepada Pejabat Khidmat Masyarakat DUN.

3.2.3. Prosedur pelaksanaan kerja tidak dipatuhi.

3.3. Bagi memastikan peruntukan khas ADUN ini dapat dimanfaatkan secara optimum di samping mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa adalah disyorkan tindakan-tindakan berikut diberi pertimbangan:

3.3.1. Pejabat Daerah perlu memastikan peruntukan khas ADUN digunakan untuk program dan projek yang dibenarkan sebagaimana Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat SUK.

3.3.2. Pejabat Daerah perlu membuat siasatan terhadap bayaran 2 kali dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pihak yang terlibat.

3.3.3. Pejabat Daerah perlu memastikan prosedur pelaksanaan kerja mematuhi peraturan yang ditetapkan.

3.3.4. Pejabat SUK perlu menyediakan satu garis panduan yang lengkap dan jelas bagi memastikan setiap perbelanjaan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

4. PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

PEJABAT TANAH KUALA TERENGGANU

PEJABAT TANAH MARANG

- Pengurusan Pengambilan Tanah

4.1. Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan menetapkan hal ehwal pentadbiran tanah di negeri adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Manakala Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri membuat pengambilan tanah bagi tujuan awam, kemajuan ekonomi, perlombongan, kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian, rekreasi ataupun kombinasi daripada tujuan tersebut. Permohonan pengambilan tanah boleh dibuat oleh Kerajaan, perbadanan, syarikat dan orang perseorangan. Tujuan pengambilan tanah yang diluluskan antaranya untuk melaksanakan projek jalan raya, masjid, tapak perpindahan, tapak perkuburan, taman rekreasi dan balai raya. Berdasarkan rekod di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian (PTG), sebanyak 284 daripada 400 permohonan pengambilan tanah telah diluluskan bagi tahun 2006 hingga 2011 dengan nilai pampasan berjumlah RM323.87 juta.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pengambilan tanah adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

4.2.1. Permintaan ukur tidak dibuat.

4.2.2. Permohonan bantahan belum dirujuk ke mahkamah.

4.2.3. Agensi pemohon tidak mengisytiharkan pengambilan di bawah Seksyen 4 APT 1960 bagi tanah yang melibatkan jajaran.

4.2.4. Projek pembinaan longkang dilaksanakan sebelum pengambilan tanah.

4.2.5. Pengurusan rekod pengambilan tanah tidak teratur.

4.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pengambilan tanah, Pejabat Tanah adalah disyorkan tindakan seperti berikut:

4.3.1. Pentadbir Tanah perlu mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan bagi memastikan pengambilan tanah adalah teratur serta kepentingan Kerajaan dan rakyat tidak terjejas.

4.3.2. Pentadbir Tanah perlu memastikan pengurusan borang dan rekod pengambilan tanah dipatuhi sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang.

5. PEJABAT TANAH BESUT

PEJABAT TANAH DUNGUN

- Pengurusan Pengeluaran Dan Pengalihan Bahan Batuan

5.1. Bahan batuan seperti mana mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 adalah bermaksud apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit biasa, tanah gembur, tanah liat biasa, tanah lumpur, tanah rumput, gambur, karang dan cengkerang. Selain itu, apa-apa bahan batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah dan termasuk bahan-bahan yang diproses darinya dan yang diiktiraf di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perlombongan pada masa itu berkuat kuasa. Di bawah Seksyen 14 KTN 1965, Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan pengeluaran, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan dari tanah Kerajaan, tanah beri milik, tanah lombong dan tanah rizab. Secara keseluruhannya, Pejabat Tanah di Negeri Terengganu telah mengutip hasil bahan batuan sejumlah RM26.44 juta bagi tahun 2008 hingga 2011.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan pengeluaran dan pengalihan bahan batuan di Daerah Dungun dan Besut adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

5.2.1. Bayaran kompaun tidak dijelaskan.

5.2.2. Laporan daripada jabatan teknikal tidak diperolehi.

5.2.3. Borang Permohonan Permit Pengalihan Bahan Batuan tidak lengkap.

5.2.4. Deposit untuk pengalihan tanah merah tidak dikutip.

5.2.5. Permit Pengalihan Bahan Batuan dikeluarkan kepada pengusaha pasir yang tamat tempoh lesen dan yang tidak diluluskan lesen.

5.2.6. Pengeluaran bahan batuan di lokasi yang tidak diluluskan.

5.2.7. Pengalihan bahan batuan secara tidak sah.

5.3. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbaiki dan tidak berulang lagi pada masa akan datang, Pejabat Tanah adalah disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

5.3.1. Pejabat Tanah hendaklah mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan.

5.3.2. Pejabat Tanah hendaklah mempertingkatkan proses permohonan dan kelulusan dengan mematuhi semua prosedur dan peraturan yang ditetapkan serta menguatkuasakan sepenuhnya Peraturan Tanah Negeri Terengganu dan KTN.

5.3.3. Pejabat Tanah hendaklah menjalankan pemantauan yang lebih kerap di lokasi pengeluaran dan pengalihan bahan batuan bagi mengelakkan kes pengalihan bahan batuan secara tidak sah.

5.3.4. Pejabat Tanah hendaklah mematuhi sepenuhnya kawalan pengeluaran bahan batuan seperti pengurusan doket dan penyediaan Laporan Jualan Bulanan Bahan Batuan bagi mengelakkan penyalahgunaan doket.

6. MAJLIS DAERAH BESUT

- Projek Pakej A, Jerteh Souq

6.1. Pelaksanaan projek Pakej A, Jerteh Souq (Projek) merupakan satu daripada 9 pakej yang terdapat dalam Projek Pembangunan Semula Dan Rejuvinasi Pusat Perniagaan Bandar Jerteh, Besut. Pelaksanaan Pakej A adalah membina Bazar A dengan melibatkan kerja-kerja membaik pulih dan kerja infrastruktur serta menanam cerucuk Bazar B dengan kos berjumlah RM22.5 juta. Projek ini dilaksanakan oleh kontraktor dengan pemantauan dibuat oleh sebuah firma perunding sebagai wakil Pegawai Penguasa dan dibantu oleh 3 buah firma perunding lain yang terdiri daripada Perunding Sivill Dan Struktur, Perunding Mekanikal Dan Elektrik dan Perunding Ukur Bahan.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara umumnya, pelaksanaan Projek adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

6.2.1. Yuran perkhidmatan perunding terlebih bayar.

6.2.2. Kelewatan menyiapkan projek.

6.2.3. Permohonan perakuan kelambatan dan lanjutan masa lewat diluluskan.

6.2.4. Pelepasan tanggungjawab perunding terhadap perubahan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.

6.2.5. Kualiti kerja tidak memuaskan.

6.2.6. Penggunaan bangunan sebelum Sijil Kelayakan Menduduki/Perakuan Siap atau Sijil Kelayakan Menduduki Sementara dikeluarkan.

6.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perancangan dan pelaksanaan projek yang lain adalah disyorkan supaya Majlis Daerah Besut mengambil langkah-langkah berikut:

6.3.1. Memastikan bayaran dibuat mengikut kadar yang ditetapkan serta memastikan perunding yang dilantik melaksanakan tanggungjawabnya bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

6.3.2. Memastikan kecacatan dan kerosakan yang berlaku diperbaiki dengan kadar segera dan pemantauan hendaklah dilakukan bagi memastikan kecacatan berkenaan dibaiki.

6.3.3. Memastikan Sijil Kelayakan Menduduki/Perakuan Siap atau Sijil Kelayakan Menduduki Sementara dikeluarkan sebelum kebenaran diberi untuk menduduki bangunan tersebut bagi menjamin keselamatan pengguna.

7. MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

- Pelaksanaan Projek-projek Yang Dibiayai Oleh Kerajaan Negeri Di Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Hulu Terengganu

7.1. Objektif utama Majlis Daerah Hulu Terengganu (Majlis) ditubuhkan adalah bagi menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam dan infrastruktur serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam untuk masyarakat setempat. Majlis merupakan Pegawai Penguasa untuk projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri seperti membina pasar, membina terminal pengangkutan awam dan memasang serta menaik taraf longkang. Majlis menjalankan urusan perolehan seperti membuat tawaran dan mengeluarkan tender manakala pemilihan kontraktor dibuat oleh Lembaga Perolehan Negeri. Bagi tahun 2009 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM22.04 juta untuk menyiapkan 17 projek di kawasan pentadbiran Majlis. Antara projek tersebut adalah membina pasar, membina terminal pengangkutan awam dan memasang serta menaik taraf longkang.

7.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek seperti berikut:

7.2.1. Projek lewat disiapkan.

7.2.2. Kualiti kerja kurang memuaskan.

7.2.3. Penggunaan bangunan sebelum Perakuan Siap Dan Pematuhan dikeluarkan.

7.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain adalah disyorkan Majlis mengambil langkah-langkah berikut:

7.3.1. Memastikan perancangan dibuat dengan teliti dan koordinasi serta komunikasi antara jabatan/agensi yang terlibat perlu ditingkatkan agar proses-proses berkaitan seperti pengambilan balik tanah, perpindahan pejabat dan keperluan ulasan daripada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta pihak swasta seperti Tenaga Nasional Berhad dapat diselesaikan bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek.

7.3.2. Memastikan Perakuan Siap Dan Pematuhan dikeluarkan sebelum kebenaran diberi untuk menduduki bangunan Pasar Besar Kuala Berang bagi menjamin keselamatan peniaga dan pengguna.

8. MAJLIS SUKAN NEGERI TERENGGANU

- Penyediaan Kemudahan Dan Peralatan Sukan

8.1. Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) telah ditubuhkan pada tahun 1972 selaras dengan ketetapan Seksyen 7(1) Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 yang menghendaki Majlis Sukan Negeri ditubuhkan di setiap negeri. Objektif MSNT adalah antaranya untuk memastikan kemudahan sukan yang mencukupi bagi pembangunan sukan daripada peringkat akar umbi selaras dengan Dasar Sukan Negara. Selain itu, MSNT bertanggungjawab menyenggara semua harta milik MSNT supaya berada pada tahap boleh guna yang tinggi; merancang, mencadang dan menasihati Kerajaan Negeri dalam penyediaan pusat latihan baru dan pengendalian pusat latihan sedia ada; serta menggalakkan kepelbagaian dan penggunaan optimum kemudahan milik MSNT. Antara kemudahan sukan milik MSNT adalah trek latihan olahraga, dewan gimnasium, pusat latihan angkat berat, gelanggang silat dan gelanggang sukan ekstrem. Pada tahun 2009 hingga 2011, MSNT telah membelanjakan sejumlah RM3.22 juta bagi menyediakan kemudahan dan peralatan sukan.

8.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya penyediaan kemudahan dan peralatan sukan MSNT adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil tindakan seperti berikut:

8.2.1. Projek lewat disiapkan.

8.2.2. Kerja tidak mematuhi spesifikasi.

8.2.3. Kemudahan sukan tidak disenggarakan dengan baik.

8.2.4. Daftar pengagihan peralatan sukan tidak disediakan.

8.2.5. Peralatan sukan belum diagihkan.

8.2.6. Inden kerja tidak lengkap.

8.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, MSNT adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

8.3.1. Memastikan projek-projek disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan supaya kemudahan yang dibina dapat digunakan tepat pada masanya.

8.3.2. Memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut pelan dan spesifikasi yang ditetapkan dan sebarang perubahan kerja hendaklah mendapat kelulusan secara bertulis.

8.3.3. Kemudahan dan peralatan sukan hendaklah disenggarakan dan dibaiki bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna terjamin.

8.3.4. Daftar pengagihan peralatan sukan hendaklah disediakan dan peralatan yang belum diagih didaftarkan dan dilabelkan supaya MSNT dapat melaksanakan pemantauan dengan lebih berkesan.

8.3.5. Memastikan maklumat dalam inden kerja dilengkapkan supaya segala arahan kerja adalah jelas maksudnya serta diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

9. TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.

- Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

9.1. Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. (Syarikat) pada asalnya adalah sebuah Jabatan Penerbitan di bawah Yayasan Islam Terengganu dan telah diperbadankan sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad di bawah Akta Syarikat 1965 pada 11 September 1985 dengan nama Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.. Modal dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal dibayar berjumlah RM9.09 juta. Pada 1 Mac 2007, Syarikat telah diambil alih oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Menteri Besar Diperbadankan. Syarikat menjalankan aktiviti dalam bidang percetakan.

9.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah baik kerana telah memperoleh keuntungan terkumpul pada tahun 2010 sejumlah RM2.62 juta berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM0.17 juta dan RM1.74 juta masing-masingnya pada tahun 2009 dan 2008. Keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2010 dan 2009 juga telah meningkat berbanding tahun 2008. Pengauditan terhadap pengurusan aktiviti dan tadbir urus pula mendapati ia dilaksanakan dengan teratur kecuali penyimpanan bahan siap bercetak dan stok bahan mentah kurang memuaskan di mana bahan-bahan tersebut tidak disusun dengan sempurna dan stok bahan mentah yang lama tidak digunakan; dan pengurusan aset yang kurang memuaskan.

9.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan, Syarikat disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

9.3.1. Mempelbagaikan dan mempertingkatkan aktiviti promosi serta menambah baik pengurusan bahan siap bercetak dan stok bahan mentah.

9.3.2. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

9.3.3. Menyediakan prosedur kerja sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan dan aset.

10. PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

- Cas Ligas Sdn. Bhd.

10.1. Cas Ligas Sdn. Bhd. (CLSB) dahulunya dikenali sebagai Cahligah Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat subsidiari milikan penuh kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. CLSB ditubuhkan pada 22 Ogos 2007 dengan modal dibayar

berjumlah RM0.25 juta. Penubuhan CLSB bertujuan bagi meningkatkan tahap mobiliti pengangkutan penduduk dari satu kawasan ke satu kawasan, menyediakan sistem perkhidmatan untuk kemudahan para pelancong serta menyediakan perkhidmatan awam yang lebih murah, efisien dan selesa. Perkhidmatan awam yang disediakan adalah perkhidmatan bas yang berkonsepkan tradisional dengan menggabungkan ukiran kayu dan songket yang melambangkan kesenian dan warisan masyarakat tempatan.

10.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan CLSB adalah memuaskan. Penyata kewangan 2010 menunjukkan CLSB masih mempunyai keuntungan terkumpul sejumlah RM0.57 juta walaupun mengalami kerugian sebelum cukai sejumlah RM0.43 juta pada tahun 2010 berbanding keuntungan sebelum cukai sejumlah RM1.08 juta pada tahun 2009. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti dan tadbir urus CLSB mendapati beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti kaedah pembayaran tambang bas dan penyimpanan wang kutipan tambang kurang memuaskan; reka bentuk dalaman bas tidak menyediakan pemegang bagi penumpang berdiri, papan tanda destinasi bas yang hilang dan rosak serta *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak disediakan sepenuhnya.

10.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang adalah disyorkan supaya pengurusan CLSB mengambil tindakan seperti berikut:

10.3.1. Menambah laluan/kekerapan perjalanan bas bagi meningkatkan pendapatan.

10.3.2. Mengambil kira cadangan dan pandangan yang diberikan oleh penumpang bagi meningkatkan mutu perkhidmatan bas.

10.3.3. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

10.3.4. Kerajaan Negeri perlu meneruskan bantuan kewangan dan sokongan kepada CLSB untuk memastikan operasi syarikat dapat berkembang dan seterusnya meningkatkan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

11. LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU

- PTB Research Institute Sdn. Bhd.

11.1. PTB Research Institute Sdn. Bhd. (Syarikat) telah ditubuhkan pada 26 Mac 1998 dan telah diambil alih oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu pada Ogos 2008. Syarikat memiliki modal dibenarkan dan modal berbayar berjumlah RM100,000 dan telah memeterai perjanjian pengurusan hotel dengan Ri-Yaz Hotels & Resorts Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Syarikat adalah

pemilik hartanah yang dibangunkan sebagai hotel dan resort di Pulau Duyong Besar, Kuala Terengganu.

11.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2011 hingga Mac 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan kerana Syarikat mengalami kerugian sebelum cukai bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 antara RM1.06 juta hingga RM3.64 juta. Pengauditan terhadap aktiviti utama dan tadbir urus Syarikat mendapati beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian antaranya kemudahan yang dibina seperti spa dan kafeteria tidak beroperasi; kerosakan pada bangunan serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan belum ditubuhkan.

11.3. Syor Audit bagi mengatasi kelemahan dan meningkatkan pengurusan Syarikat ini adalah seperti berikut:

11.3.1. Mengenal pasti punca penurunan pengunjung yang menginap serta mengambil tindakan terhadap maklum balas pengunjung bagi meningkatkan perkhidmatan yang diberikan.

11.3.2. Mengambil tindakan pembaikan terhadap kerosakan yang berlaku bagi mengelak aduan/rungutan daripada pengunjung.

11.3.3. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

11.3.4. Menyediakan prosedur kerja sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan dan aset.

12. PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

- TTI Management Sdn. Bhd.

12.1. TTI Management Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat milik penuh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu telah diperbadankan sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad di bawah Akta Syarikat 1965 pada 10 Julai 2007. Syarikat ini mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.50 juta. Aktiviti utama Syarikat adalah mengurus dan mengendalikan Taman Tamadun Islam (TTI) yang terletak di atas Pulau Wan Man, Kuala Terengganu. TTI merupakan sebuah taman tema yang dibangunkan sebagai suatu pelaburan strategik Kerajaan Negeri di dalam sektor pelancongan Negeri Terengganu. Ia berunsurkan pendidikan dan lipur diri serta berprinsipkan taman rakyat dengan tidak meletakkan keuntungan sebagai matlamat utama. Syarikat juga menyediakan perkhidmatan perundingan dan konsultasi, restoran dan katering serta penyewaan pusat konvensyen.


Manakala aktiviti sampingan lain termasuk sewaan rumah rehat, penjualan pokok dan tanaman hiasan.

12.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan. Syarikat mencatatkan keuntungan pada tahun 2009 dan 2010 berbanding kerugian pada tahun 2008. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti dan tadbir urus Syarikat mendapati beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti pembinaan bangunan Muzium Lebah telah tergendala dan pematuhan terhadap pekeliling.

12.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang adalah disyorkan supaya pengurusan Syarikat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

12.3.1. Mengambil tindakan menyegerakan pembinaan bangunan Muzium Lebah yang tergendala.

12.3.2. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program atau aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah memilih 8 aktiviti untuk dikaji iaitu Pembangunan Sektor Pelancongan, Program Bantuan Rumah, Pengurusan Peruntukan Khas Ahli Dewan Undangan Negeri, Pengurusan Pengambilan Tanah, Pengurusan Pengeluaran Dan Pengalihan Bahan Batuan, Projek Pakej A Jerneh Souq, Pelaksanaan Projek-projek Yang Dibiayai Oleh Kerajaan Negeri Di Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Hulu Terengganu dan Penyediaan Kemudahan Dan Peralatan Sukan. Pemerhatian Audit daripada kajian tersebut telah dimaklumkan kepada Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian** ini.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA

2. PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Hala Tuju Pembangunan Negeri Terengganu bagi tahun 2009 hingga 2013 yang digubal adalah untuk memberi penekanan kepada sektor yang boleh menjana kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Salah satu sektor yang diberi tumpuan ialah sektor pelancongan. Matlamat utama pembangunan sektor pelancongan negeri adalah untuk meningkatkan kadar kedatangan pelancong, memperkasakan produk pelancongan dan merakyatkan pelancongan melalui penglibatan masyarakat dalam aktiviti sampingan dan memberi manfaat kepada rakyat. Strategi yang diambil untuk mencapai matlamat tersebut antaranya memantapkan infrastruktur dan informatif pelancongan, merancang program promosi dan penganjuran acara pelancongan.

2.1.2. Kerajaan Negeri telah menetapkan tahun 2013 sebagai Tahun Melawat Terengganu dan seterusnya menjadikannya sebagai acara tahunan negeri. Sebagai sebahagian daripada kempen Melawat Terengganu Setiap Tahun, Kerajaan Negeri akan terus menyertai galakan dan ekspo pelancongan serta melaksanakan acara pelancongan berasaskan destinasi seperti *Kapas-Marang International Swimathon*, *Fiesta Candat Sotong*, *Pesta Terengganu*, *Perhentian Island Challenge*, *Sultan's Cup Terengganu Endurance Challenge*, *Terengganu Masters Golf Invitational*, *Monsoon Cup* dan *Kenyir Lake International Triathlon*. Projek

pelancongan negeri yang lain antaranya projek pembangunan di pulau-pulau, pembinaan dan penambahbaikan bot *river cruise* Sungai Terengganu dan Taman Tamadun Islam Fasa II. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membina dan menaik taraf kemudahan awam bagi menggalakkan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara seperti pembinaan laluan pejalan kaki ke tapak *solar hybrid* dan menyediakan sistem pembetulan berpusat bagi mengelak pencemaran air dan menjamin ekosistem di Pulau Redang dan Pulau Perhentian.

2.1.3. Bagi tahun 2008 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM41.70 juta di bawah pembangunan pelancongan dan RM29.18 juta bagi penggalakan pelancongan seperti **Jadual 2.1**. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK) melalui Unit Pelancongan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN) berperanan bagi menyelaras dan melaksanakan program pembangunan sektor pelancongan negeri.

Jadual 2.1
Peruntukan Pembangunan Dan Penggalakan Pelancongan Bagi Tahun 2008 Hingga 2011

Bil.	Aktiviti Pelancongan	Tahun				Jumlah (RM Juta)
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
1.	Pembangunan	16.00	2.00	17.70	6.00	41.70
2.	Penggalakan	9.00	6.00	8.00	6.18	29.18
Jumlah		25.00	8.00	25.70	12.18	70.88

Sumber: Buku Anggaran Belanjawan Dan Penyata Akaun Awam Negeri Terengganu Tahun 2008 Hingga 2011

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembangunan sektor pelancongan diuruskan dengan teratur dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop kajian meliputi aktiviti penggalakan dan pembangunan pelancongan Negeri Terengganu bagi tahun 2008 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di Pejabat SUK (Unit Pelancongan), UPEN (Unit Pelancongan Dan Sektor Perkhidmatan) dan agensi lain yang terlibat iaitu Jabatan Kerja Raya (Ibu Pejabat, Kuala Terengganu dan Besut), Pejabat Daerah Marang, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Jabatan Alam Sekitar, Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia dan Pejabat Pelancongan Negeri. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, lawatan ke lokasi projek dan temu bual dengan pelancong dan pegawai terlibat turut diadakan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati Kerajaan Negeri telah berjaya mencapai sasaran kedatangan pelancong pada tahun 2011.

Pelbagai aktiviti promosi dan acara pelancongan diadakan bagi menarik kedatangan pelancong antaranya *Monsoon Cup*, *Perhentian Island Challenge*, *Sultan's Cup Terengganu Endurance Challenge* dan *Kenyir Lake International Triathlon*. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti dalam pelaksanaan projek pembangunan pelancongan antaranya kelewatan menyiapkan projek pelancongan dan projek yang mengalami kerosakan. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

2.4.1. Prestasi Kedatangan Pelancong

2.4.1.1. Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong sebanyak 25% pada setiap tahun berdasarkan jumlah kedatangan pelancong pada tahun sebelumnya. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011, kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara adalah seramai 3.95 juta orang iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan seramai 3.52 juta orang. Manakala bagi tahun 2008 hingga 2010, jumlah kedatangan pelancong setiap tahun antara 2.82 juta hingga 3.43 juta orang. Jumlah ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 3.58 juta hingga 4.28 juta orang. Keadaan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya kemelesetan ekonomi dunia, merebaknya penyakit H1N1 dan kejadian letupan gunung berapi di Negara Eropah. **Maklum balas Unit Pelancongan, Pejabat SUK bertarikh 3 April 2012 memaklumkan faktor kenaikan harga barangan dan petrol juga mempengaruhi kedatangan pelancong domestik.** Prestasi kedatangan pelancong bagi tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti **Jadual 2.2** dan **Carta 2.1**.

Jadual 2.2
Prestasi Kedatangan Pelancong Bagi Tahun 2008 Hingga 2011

Tahun	Kedatangan Pelancong		Perbezaan	
	Sasaran (Juta)	Sebenar (Juta)	Jumlah (Juta)	Peratus (%)
2008	3.58	3.43	-0.15	-4.2
2009	4.28	3.30	-0.98	-22.9
2010	4.12	2.82	-1.30	-31.6
2011	3.52	3.95	0.43	12.2
Jumlah	15.50	13.50	-2.00	-12.9

Sumber: Unit Pelancongan, Pejabat SUK



Sumber: Unit Pelancongan, Pejabat SUK


2.4.1.2. Analisis Audit selanjutnya menunjukkan bagi tahun 2008 hingga 2011, kedatangan pelancong adalah seramai 13.5 juta orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 11.92 juta orang (88.3%) merupakan pelancong domestik manakala 1.58 juta orang pelancong dari luar negara. Trend kedatangan pelancong domestik menunjukkan penurunan bagi tahun 2009 dan 2010 dan meningkat pada tahun 2011 kepada 3.28 juta orang berbanding 2.53 juta orang pada tahun 2010. Manakala kedatangan pelancong dari luar negara menunjukkan trend turun naik iaitu peningkatan pada tahun 2009 dan 2011 dan penurunan pada tahun 2010. Trend kedatangan pelancong adalah seperti **Jadual 2.3** dan **Carta 2.2**.

Jadual 2.3
Jumlah Pelancong Domestik Dan Luar Negara Bagi Tahun 2008 Hingga 2011

Kategori Pelancong	Tahun				Jumlah (Juta)
	2008 (Juta)	2009 (Juta)	2010 (Juta)	2011 (Juta)	
Pelancong Domestik	3.15	2.96	2.53	3.28	11.92
Pelancong Luar Negara	0.28	0.34	0.29	0.67	1.58
Jumlah	3.43	3.30	2.82	3.95	13.50

Sumber: Unit Pelancongan, Pejabat SUK

Carta 2.2
Trend Kedatangan Pelancong Domestik Dan Luar Negara
Bagi Tahun 2008 Hingga 2011



Sumber: Unit Pelancongan, Pejabat SUK

2.4.2. Pencapaian Aktiviti Promosi Produk Pelancongan

2.4.2.1. Sebagai sebahagian daripada kempen Melawat Terengganu Setiap Tahun, Kerajaan Negeri akan terus menyertai rombongan galakan dan ekspo pelancongan serta melaksanakan pelbagai acara pelancongan berasaskan destinasi. Pada tahun 2008 hingga 2011, sebanyak 191 aktiviti promosi dan misi pasaran serta acara pelancongan telah dirancang yang dianggarkan berjumlah RM29.18 juta. Semakan Audit mendapati sebanyak 297 aktiviti promosi dan misi pasaran serta acara pelancongan dengan kos sejumlah RM26.59 juta telah berjaya diadakan berbanding 191 aktiviti yang dirancang. Pencapaian pelaksanaan aktiviti promosi produk pelancongan melebihi perancangan sebanyak 155.5% seperti **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Perancangan Dan Pelaksanaan Program Promosi, Misi Pasaran Dan Acara Pelancongan
Bagi Tahun 2008 Hingga 2011

Bil.	Jenis Program	Tahun								Jumlah	
		2008		2009		2010		2011			
		R	L	R	L	R	L	R	L	R	L
Promosi Dan Misi Pasaran											
1.	Tempatan	30	30	10	16	8	44	3	49	51	139
2.	Antarabangsa	15	15	13	15	16	17	4	13	48	60
Jumlah		45	45	23	31	24	61	7	62	99	199
Acara Pelancongan											
1.	Tempatan	8	5	7	7	3	14	14	14	32	40
2.	Antarabangsa	18	13	10	10	12	20	20	15	60	58
Jumlah		26	18	17	17	15	34	34	29	92	98
Jumlah Keseluruhan		71	63	40	48	39	95	41	91	191	297
Kos (RM Juta)		9.00	9.18	6.00	4.91	8.00	5.87	6.18	6.63	29.18	26.59
Peratus (%) Pencapaian Aktiviti Promosi		88.7		120.0		243.6		222.0		155.5	

Sumber: Unit Pelancongan, Pejabat SUK

Nota: R – Rancang
L – Laksana

2.4.2.2. Maklum balas Unit Pelancongan, Pejabat SUK bertarikh 3 April 2012 sempena Tahun Melawat Terengganu 2013, Kerajaan Negeri telah mengadakan kempen sama ada di dalam dan di luar negara melalui penganjuran program promosi dengan kerjasama Tourism Malaysia serta menaja ruang pameran kepada pengusaha pelancongan Negeri Terengganu. Selain itu, pameran dan kempen promosi melalui media cetak, elektronik dan paparan luar seperti di lebuh raya utama dijalankan secara menyeluruh. Kempen promosi tidak saja tertumpu pada seminar dan media tetapi juga melalui acara pelancongan yang dijalankan sepanjang tahun bagi acara dalam dan luar negara.

Pada pendapat Audit, pencapaian aktiviti promosi, misi pasaran dan acara pelancongan telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Oleh itu, usaha ini perlu diteruskan bagi menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara melawat ke Negeri Terengganu.

2.4.3. Prestasi Pembangunan Projek Pelancongan

Pada tahun 2008 hingga Oktober 2010, sebanyak 12 projek pelancongan telah dilaksanakan yang melibatkan perbelanjaan sejumlah RM24.84 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 projek telah disiapkan manakala satu Projek Konservasi Surau Putih Di Pulau Duyung telah dibatalkan. Semakan Audit mendapati reka bentuk projek pelancongan disediakan oleh Perunding yang dilantik oleh UPEN manakala Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Daerah atau PMINT masing-masing bertindak sebagai agensi pelaksana yang merupakan Pegawai Penguasa yang bertanggungjawab memantau kerja di tapak pembinaan. Pemilihan kontraktor bagi projek-projek tersebut dibuat secara tender dan sebut harga mengikut harga projek berkenaan. Lawatan Audit bersama Pegawai JKR pada 3 hingga 5 Oktober 2011 ke Pulau Perhentian, Pulau Redang dan Pulau Bidong terhadap pembangunan projek pelancongan mendapati perkara seperti berikut:

2.4.3.1. Kelewatan Menyiapkan Projek Pelancongan

Semakan Audit terhadap 7 projek pelancongan yang bernilai RM19.90 juta seperti **Jadual 2.5** mendapati sebanyak 3 projek lewat disiapkan iaitu Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Awam Dari Pasir Panjang Ke Kawasan Perkampungan (Fasa 1), Pulau Redang, Kuala Terengganu; Memasang Dan Menyiapkan Pembedungan Di Pasir Panjang, Pulau Redang, Kuala Terengganu serta Membina Dan Menyiapkan Kemudahan Laluan Awam Ke Tapak *Solar Hybrid* Di Pulau Perhentian Kecil, Besut. Kesan ketara terhadap kelewatan projek-projek ini ialah kemudahan tersebut tidak dapat digunakan oleh pelancong dan pengusaha *chalet* seperti yang dijadualkan.

Jadual 2.5
Status Pembangunan Projek Pelancongan

Bil.	Nama Projek	Dokumen Kontrak			Tarikh Sebenar Siap (b)	Kelewatan (Hari) (a-b)	Kos Projek (RM Juta)	Kos Projek Sebenar (RM Juta)
		Tarikh Mula	Tarikh Siap (a)	Tempoh (Hari)				
1.	Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Awam Dari Pasir Panjang Ke Kawasan Perkampungan (Fasa 1) Di Pulau Redang	06.10.2008	29.11.2009	420	20.03.2011	475	4.65	4.40
2.	Memasang Dan Menyiapkan Pembetulan Di Pasir Panjang, Pulau Redang	06.10.2008	20.09.2009	350	15.05.2010	237	2.59	2.76
3.	Membina Dan Menyiapkan Kemudahan Laluan Awam Ke Tapak Solar Hybrid Di Pulau Perhentian Kecil	13.08.2007	27.07.2008	350	24.03.2009	240	5.99	5.99
4.	Pembinaan Jeti Di Pulau Bidong	06.10.2008	24.01.2010	476	24.01.2010	-	3.73	3.55
5.	Kerja Membaik Pulih Gerai Dan Tandas Perniagaan Di Pulau Kapas	30.09.2010	18.11.2010	49	10.11.2010	-	0.09	0.09
6.	Pembelian Bot River Cruise	14.06.2010	24.11.2010	164	24.11.2010	-	2.77	1.11
7.	Membaik Pulih Longkang Di Kawasan Solar Hybrid, Pulau Kapas	15.09.2010	09.11.2010	56	04.11.2010	-	0.08	0.08
Jumlah							19.90	17.98

Sumber: UPEN, JKR, PMINT Dan Pejabat Daerah Marang

a. Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Awam Dari Pasir Panjang Ke Kawasan Perkampungan (Fasa 1), Pulau Redang, Kuala Terengganu

Projek laluan pejalan kaki sepanjang 1.5 kilometer dari Pasir Panjang ke kawasan perkampungan (Fasa 1) di Pulau Redang bernilai RM4.65 juta adalah bagi memudahkan kereta *buggy* mengangkut barangan pelancong dari jeti terus ke *resort/chalet*. Pembinaan bermula pada 6 Oktober 2008 dan perlu disiapkan pada 29 November 2009 iaitu selama 420 hari. Bagaimanapun, projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan walaupun kontraktor telah diberikan lanjutan masa sebanyak 3 kali iaitu selama 355 hari sehingga 19 November 2010 seperti **Jadual 2.6**. Projek tersebut telah disiapkan pada 20 Mac 2011 dan kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM91,560 iaitu RM763 sehari selama 120 hari bermula 20 November 2010.

Jadual 2.6
Lanjutan Masa Yang Diluluskan

Lanjutan Masa	Tempoh	Bilangan (Hari)	Sebab Lanjutan Masa
1	29.11.2009 – 07.06.2010	190	Perubahan mereka bentuk semula kecerunan jalan. - Juru Perunding mereka bentuk semula perubahan kecerunan jalan 10% kepada 5% berdasarkan jenis kenderaan yang digunakan untuk pengangkutan barangan/penumpang. - Ini disebabkan pada peringkat awal untuk mendapatkan data ukur tambahan/laluan <i>alternative</i> pada masa itu sukar kerana musim tengkujuh dan bersetuju menetapkan kecerunan maksima 10% untuk tujuan tender.
2	07.06.2010 – 05.09.2010	90	Masalah pengangkutan tongkang yang membawa bekalan bahan binaan. - Tongkang yang membawa binaan tenggelam. - Musim tengkujuh.
3	05.09.2010 – 19.11.2010	75	Pengalihan paip air Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU). - Ini kerana laluan yang sama dengan kerja-kerja projek pemasangan paip air yang telah dipasang.
Jumlah		355	

Sumber: Fail Projek Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Awam Dari Pasir Panjang Ke Kawasan Perkampungan (Fasa 1), Pulau Redang, Kuala Terengganu

b. Memasang Dan Menyiapkan Pembedungan di Pasir Panjang, Pulau Redang, Kuala Terengganu

Projek memasang dan menyiapkan pembedungan di Pasir Panjang, Pulau Redang yang bernilai RM2.59 juta adalah untuk menyediakan kemudahan sistem pembedungan berpusat yang lebih sistematik dan mesra alam. Ia juga bagi mengelakkan berlakunya pencemaran pantai dan ancaman kepada kehidupan terumbu karang. Berdasarkan kontrak, tempoh menyiapkan projek adalah dari 6 Oktober 2008 hingga 20 September 2009 iaitu selama 350 hari. Bagaimanapun, projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan telah diluluskan lanjutan masa sebanyak 2 kali iaitu selama 120 hari sehingga 18 Januari 2010 seperti **Jadual 2.7**. Walaupun lanjutan masa telah diberikan, kontraktor masih tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh lanjutan masa. Projek hanya dapat disiapkan pada 15 Mei 2010 dan kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM11,475 iaitu pada kadar RM425 sehari selama 27 hari selepas mendapat kelulusan pengecualian denda Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sebanyak 90 hari daripada Bahagian Pembangunan Bumiputera, Negeri Terengganu, Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Jadual 2.7
Lanjutan Masa Yang Diluluskan

Lanjutan Masa	Tempoh	Bilangan (Hari)	Sebab Lanjutan Masa
1	21.09.2009 – 19.12.2009	90	<ul style="list-style-type: none"> Perubahan tapak bina (30 hari). - Disebabkan tapak tersebut berada di tengah projek laluan pejalan kaki yang telah dijalankan dan terpaksa mengalih tapak bina ke kawasan lain. Masalah mendapat tempahan tongkang (60 hari).
2	20.12.2009 – 18.01.2010	30	Kelewatan menerima <i>pump</i> daripada pembekal yang diimport dari Negara Jerman. (<i>Pump</i> direka bentuk semula mengikut kapasiti sebenar resort dan aras yang berbeza dan terpaksa mengimport dari kilang induk)
Jumlah		120	

Sumber: Fail Projek Memasang Dan Menyiapkan Pembetulan Di Pasir Panjang, Pulau Redang, Kuala Terengganu

c. Membina Dan Menyiapkan Kemudahan Laluan Awam Ke Tapak *Solar Hybrid* Di Pulau Perhentian Kecil, Besut

Projek membina dan menyiapkan kemudahan laluan awam ke tapak *solar hybrid* meliputi pembinaan jeti berlabuh dan berlepas, laluan pejalan kaki dan nodus yang bernilai RM5.99 juta. Tujuan pembinaan ini adalah sebagai daya tarikan dan kemudahan kepada pelancong mengunjungi tapak *solar hybrid* di Pulau Perhentian Kecil. Tempoh menyiapkan projek ini adalah selama 350 hari iaitu bermula pada 13 Ogos 2007 hingga 27 Julai 2008. Projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak dan telah diberikan lanjutan masa sebanyak 3 kali iaitu selama 212 hari sehingga 24 Februari 2009 seperti **Jadual 2.8**. Walaupun lanjutan masa telah diberi, kontraktor masih gagal menyiapkan projek tersebut dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Projek hanya disiapkan pada 24 Mac 2009 dan kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM31,024 iaitu pada kadar RM1,108 sehari selama 28 hari bermula 25 Februari 2009.

Jadual 2.8
Lanjutan Masa Yang Diluluskan

Lanjutan Masa	Tempoh	Bilangan (Hari)	Sebab Lanjutan Masa
1	28.07.2008 – 12.11.2008	108	Kesukaran penentuan laluan <i>board walk</i> di tapak berbanding reka bentuk asal. (Semasa proses tender, laluan <i>board walk</i> ke jeti masih peringkat perbincangan kerana kedua pihak belum menentukan kedudukan sebenar jeti. Pengukuran semula akan dibuat setelah kedudukan sebenar dikenal pasti)
2	13.11.2008 – 24.12.2008	42	Kesulitan kontraktor mendapat bekalan bahan binaan.
3	25.12.2008 – 24.02.2009	62	Kesulitan kontraktor mengangkut bekalan bahan binaan ke tapak.
Jumlah		212	

Sumber: Fail Projek Membina Dan Menyiapkan Kemudahan Laluan Awam Ke Tapak *Solar Hybrid* Di Pulau Perhentian Kecil, Besut

Pada pendapat Audit, perancangan perlu dibuat dengan teliti dan koordinasi antara Jabatan/Agensi Kerajaan dengan pihak swasta yang terlibat perlu dipertingkatkan agar proses berkaitan seperti perolehan dan pengangkutan bahan binaan dan pengalihan paip SATU dapat diselesaikan bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek.

2.4.3.2. Projek Yang Mengalami Kerosakan

Semakan Audit terhadap 2 projek pembangunan iaitu Kemudahan Laluan Awam Ke Tapak *Solar Hybrid* Di Pulau Perhentian Kecil dan Projek Pembetulan Di Pasir Panjang, Pulau Redang mendapati beberapa kerosakan seperti berikut:

a. Kemudahan Laluan Awam Ke Tapak *Solar Hybrid* Di Pulau Perhentian Kecil, Besut

- i. Berdasarkan aduan yang diterima, pihak JKR Daerah Besut telah menjalankan pemeriksaan pada 7 Februari 2011 dan mendapati jeti yang dibina telah runtuh. Mengikut laporan pemeriksaan yang dikemukakan oleh pihak Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur, keruntuhan jeti tersebut disebabkan kelemahan sistem *micropile* yang digunakan dan keseluruhan struktur tidak bergabung dengan baik. Kelemahan sistem *micropile* pula adalah berpunca daripada:
 - Kualiti kerja pembinaan termasuk *grout*, konkrit dan proses kerja mencercuk *micropile* tidak praktikal.
 - Perubahan reka bentuk menyebabkan perbezaan kedalaman *micropile* yang disoket telah dikurangkan daripada 6 meter kepada 3 meter.
 - Keadaan cuaca yang luar biasa.
- ii. Lawatan Audit bersama Pegawai JKR pada 4 Oktober 2011 ke lokasi projek mendapati jeti yang runtuh tersebut belum dibaiki seperti **Gambar 2.1**.

Gambar 2.1
Jeti Di Laluan Awam Ke Tapak Solar Hybrid Runtuh Belum Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Solar Hybrid, Pulau Perhentian Kecil, Besut
Tarikh: 4 Oktober 2011

iii. **Maklum balas JKR bertarikh 31 Mei 2012** memaklumkan beberapa tindakan telah diambil iaitu:

- JKR telah menulis surat kepada kontraktor untuk membina semula kepala jeti yang telah runtuh tetapi masih belum diambil tindakan.
- JKR bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap kontraktor kerana kegagalan tersebut.
- JKR juga sedang memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk memanggil tawaran bagi membina semula kepala jeti berkenaan dengan sebahagian kosnya ditanggung daripada baki bayaran kepada kontraktor terbabit.

b. Projek Pembetulan Di Pasir Panjang, Pulau Redang, Kuala Terengganu

- i. Projek pembinaan sistem pembetulan melibatkan Kerajaan Negeri dan pengusaha *resort* dan *chalet* di Pulau Redang. Kerajaan Negeri akan menanggung kos pembinaan loji kumbahan dan paip untuk mengalirkan kumbahan dari *pump sump* ke lurang akhir. Manakala pengusaha *resort* dan *chalet* diwajibkan menyambung paip pembetulan dari bangunan masing-masing masuk ke *pump sump* dan kos penyambungan adalah ditanggung oleh pengusaha. Pembinaan loji kumbahan dan paip mengalirkan *pump sump* ke lurang akhir telah siap dibina pada 15 Mei 2010 dan diserahkan kepada UPEN pada 30 Jun 2011. Bagaimanapun, sistem ini tidak dapat beroperasi disebabkan perkara berikut:
- Permohonan penyambungan elektrik dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) belum dilakukan oleh penguasa.

- Sebanyak 4 daripada 5 pengusaha belum membuat penyambungan *pump sump* ke paip *resort* dan *chalet* masing-masing.
 - Tapak tanah kawasan pementungan belum diwartakan untuk Indah Water Konsortium (IWK).
- ii. Lawatan Audit bersama Pegawai JKR Negeri pada 5 Oktober 2011 mendapati sistem pementungan tersebut masih belum beroperasi. Di samping itu, didapati tangki septik telah pecah dan kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan seperti **Gambar 2.2**. Kos pembaikan semula pementungan ditanggung oleh kontraktor dan pembekal tangki septik kerana ia masih dalam tempoh jaminan selama 5 tahun.
- iii. Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 28 Mac 2012, pihaknya telah menghantar surat kepada TNB pada 25 Mac 2012 sebagai persetujuan menggunakan nama UPEN bagi tujuan permulaan caj penyambungan sesalur TNB. Manakala maklum balas Jurutera Daerah Kuala Terengganu bertarikh 29 Mac 2012, menyatakan pihaknya telah menghantar surat kepada Pentadbir Tanah Kuala Terengganu semenjak 28 November 2010 hingga 26 Februari 2012 berhubung status tanah bagi tapak sistem pementungan di Pasir Panjang, Pulau Redang, Kuala Terengganu tetapi masih belum mendapat jawapan. Bagaimanapun, pembaikan tangki septik telah siap dijalankan seperti **Gambar 2.3**.

Gambar 2.2
Kerja-kerja Pembaikan Tangki Septik Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasir Panjang, Pulau Redang, Kuala Terengganu
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 2.3
Kerja-kerja Pembaikan Tangki Septik Telah Siap Dijalankan



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Pasir Panjang, Pulau Redang, Kuala Terengganu
Tarikh: 18 Jun 2012

Pada pendapat Audit, perkara seperti status tapak pembetulan, penyambungan elektrik dan *pump sump* perlu diselesaikan dengan segera supaya sistem pembetulan dapat beroperasi. Pemantauan hendaklah dilakukan bagi memastikan kerosakan yang berlaku diperbaiki dengan sempurna.

2.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya Kerajaan Negeri telah berjaya mencapai sasaran kedatangan pelancong yang ditetapkan. Bagaimanapun, pelaksanaan projek pembangunan sektor pelancongan boleh dipertingkatkan dengan mengambil kira syor Audit seperti berikut:

2.5.1. Kerajaan Negeri perlu membuat perancangan dan kajian dengan teliti serta terperinci bagi projek-projek pembinaan yang akan dilaksanakan supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

2.5.2. Kerajaan Negeri perlu memastikan koordinasi antara Jabatan/Agensi Kerajaan dengan pihak swasta yang terlibat dipertingkatkan bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek.

2.5.3. JKR perlu memastikan kerosakan yang berlaku dibaiki dengan kadar segera supaya dapat digunakan.

2.5.4. JKR perlu membuat pemantauan yang lebih teliti bagi memastikan kerja-kerja dilaksanakan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU
PEJABAT DAERAH BESUT**

3. PROGRAM BANTUAN RUMAH

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menjamin dan memelihara kesejahteraan hidup rakyat khususnya golongan miskin. Berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2007, miskin tegar didefinisikan sebagai golongan yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM430 dan miskin pula adalah golongan yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM720. Sehingga Disember 2010, jumlah penduduk miskin yang didaftarkan di bawah e-Kasih adalah seramai 27,255 orang.

3.1.2. Bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup golongan miskin, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Bantuan Rumah (PBR) bertujuan menyediakan tempat kediaman yang sempurna dan selamat serta dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan tandas. PBR terdiri daripada 3 komponen iaitu bina baru, baik pulih dan tukar atap.

3.1.3. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) melalui Bahagian Sosioekonomi bertanggungjawab menguruskan dan membiayai PBR. Peruntukan bagi program ini disalurkan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan seterusnya ke pejabat-pejabat daerah untuk dilaksanakan. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM95.63 juta bagi tahun 2009 hingga 2011 dan sejumlah RM76.21 juta telah dibelanjakan bagi menjayakan PBR di seluruh Negeri Terengganu.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Bantuan Rumah telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan Program Bantuan Rumah bagi tahun 2009 hingga 2011 di Daerah Kuala Terengganu dan Besut. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail yang berkaitan dengan program di UPEN dan pejabat daerah berkenaan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan penerima bantuan serta lawatan ke lokasi juga dijalankan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2011 mendapati prestasi Program Bantuan Rumah pada tahun 2009 hingga 2011 adalah baik dengan pencapaian 97.7% bagi bina baru dan 105.7% bagi baik pulih. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program ini seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Nilai pemberian kerja melebihi had pengecualian sebut harga yang ditetapkan.
- Tiada keseragaman dalam pelaksanaan komponen tukar atap.
- Butiran kerja tidak disediakan.
- Harga atap yang dibayar melebihi kadar harga yang dibenarkan.

3.4.1. Prestasi Program Bantuan Rumah

3.4.1.1. PBR terdiri daripada 3 komponen iaitu bina baru, baik pulih dan tukar atap. Mengikut perancangan bagi tahun 2009 hingga 2011 di Daerah Kuala Terengganu dan Besut, sebanyak 480 buah rumah terlibat dengan komponen bina baru dan sebanyak 420 buah rumah terlibat dengan komponen baik pulih. Manakala tidak ada sasaran bilangan penerima bantuan ditetapkan bagi komponen tukar atap. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 469 buah rumah (97.7%) telah siap dibina baru berbanding 480 buah rumah seperti yang dirancang. Sementara itu, sebanyak 444 buah rumah (105.7%) telah dibaik pulih berbanding 420 buah rumah seperti yang dirancang. Maklumat rancangan dan pelaksanaan PBR bagi komponen bina baru dan baik pulih bagi daerah tersebut adalah seperti **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Prestasi Program Bantuan Rumah (Bina Baru Dan Baik Pulih)
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Daerah	Tahun	Bilangan Dirancang (Unit)		Bilangan Dilaksanakan (Unit)	
		Bina Baru	Baik Pulih	Bina Baru	Baik Pulih
Kuala Terengganu	2009	110	135	99	159
	2010	110	99	110	99
	2011	110	66	110	66
Jumlah		330	300	319	324
Besut	2009	50	45	50	45
	2010	50	45	50	45
	2011	50	30	50	30
Jumlah		150	120	150	120
Jumlah Keseluruhan		480	420	469	444

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Terengganu Dan Besut

3.4.1.2. Analisis Audit mendapati pada tahun 2009, sebanyak 99 buah rumah (90%) berjaya dibina di Daerah Kuala Terengganu berbanding 110 buah rumah seperti yang dirancang. Manakala sebanyak 159 buah rumah telah berjaya dibaik pulih berbanding 135 buah rumah seperti yang dirancang. Bagi menampung permintaan program baik pulih rumah yang bertambah berbanding bilangan rumah yang dirancang, Pejabat Daerah telah menggunakan peruntukan bina baru bagi tujuan tersebut. Pelaksanaan PBR di Daerah Besut pula didapati sebanyak 50 buah rumah berjaya dibina baru dan sebanyak 45 buah rumah telah siap dibaik pulih iaitu sama seperti mana yang dirancang.

3.4.1.3. Bagi tahun 2010 dan 2011, bilangan rumah yang dibina baru dan dibaik pulih di Daerah Kuala Terengganu dan Besut menepati rancangan yang ditetapkan. Bagi komponen bantuan tukar atap pula, tidak ada sasaran penerima bantuan ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bagi tahun 2009 hingga 2011, seramai 2,998 penerima di Daerah Kuala Terengganu dan 1,397 penerima di Daerah Besut telah menerima bantuan tukar atap.

3.4.1.4. Bagi tahun 2009 hingga 2011, peruntukan yang diluluskan bagi melaksanakan PBR di Daerah Kuala Terengganu dan Besut adalah masing-masing berjumlah RM32.92 juta dan RM13.80 juta. Perbelanjaan yang telah dilakukan dalam menjayakan PBR bagi tempoh tersebut adalah masing-masing berjumlah RM29.34 juta dan RM12.25 juta. Secara keseluruhannya, sejumlah RM41.59 juta (89%) telah dibelanjakan daripada RM46.72 juta peruntukan yang diluluskan seperti **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan Program Bantuan Rumah
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Daerah	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
Kuala Terengganu	2009	12.44	11.93	95.9
	2010	10.42	8.13	78.0
	2011	10.06	9.28	92.2
Jumlah		32.92	29.34	89.1
Besut	2009	4.43	3.59	81.0
	2010	4.89	4.81	98.4
	2011	4.48	3.85	86.0
Jumlah		13.80	12.25	88.8
Jumlah Keseluruhan		46.72	41.59	89.0

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Terengganu Dan Besut

3.4.1.5. Gambar 3.1 dan Gambar 3.2 menunjukkan contoh rumah yang dibina baru di Daerah Besut dan Kuala Terengganu.

Gambar 3.1
Rumah Bina Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pengkalan Nangka, Besut
Tarikh: 24 Oktober 2011

Gambar 3.2
Rumah Bina Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu
Tarikh: 2 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan PBR adalah baik kerana bilangan rumah bagi bina baru dan baik pulih yang dirancang telah berjaya dilaksanakan.

3.4.2. Prosedur Pelaksanaan PBR

3.4.2.1. Nilai Pemberian Kerja Melebihi Had Pengecualian Sebut Harga Yang Ditetapkan

- a. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah memberi kelulusan pengecualian sebut harga kepada Pejabat Daerah untuk melantik terus kontraktor yang berkelayakan bagi pelaksanaan program bina baru, baik pulih dan tukar atap. Pengecualian ini dihadkan kepada nilai gabungan kerja-kerja kepada satu kontraktor tidak melebihi RM100,000 setahun. Perolehan kerja dibuat secara pemberian terus kepada kontraktor yang telah ditetapkan oleh Pejabat Dewan Undangan Negeri yang berkaitan. Semakan Audit mendapati berlaku kes di mana sebut harga bagi perolehan kerja kepada 7 kontraktor melebihi had pengecualian yang ditetapkan seperti **Jadual 3.3**. Tiada bukti menunjukkan kelulusan diperolehi daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri yang membenarkan lebihan tersebut.

Jadual 3.3**Pemberian Kerja Melebihi Had Yang Ditetapkan Bagi Satu Kontraktor**

Bil.	No. Inden Kerja	Komponen Kerja	Nilai Inden Kerja (RM)	Jumlah (RM)
a. Daerah Kuala Terengganu				
1.	IK 190/2010	Bina baru	33,000	132,000
	IK 188/2010	Bina baru	33,000	
	IK 189/2010	Bina baru	33,000	
	IK 24/2010	Baik pulih	11,000	
	IK 25/2010	Baik pulih	11,000	
	IK 302/2010	Baik pulih	11,000	
2.	IK 99/2010	Bina baru	33,000	121,000
	IK 98/2010	Bina baru	33,000	
	IK 97/2010	Bina baru	33,000	
	IK 22/2010	Baik pulih	11,000	
	IK 23/2010	Baik pulih	11,000	
b. Daerah Besut				
3.	IPDBRN29/2010	Bina baru	33,000	156,200
	IPDBBN 234/2010	Tukar atap	14,300	
	IPDBRN 75/2010	Tukar atap	88,000	
	IPDBBN 281/2010	Tukar atap	20,900	
4.	IPDBBN191/2010	Tukar atap	41,000	140,470
	IPDBBN148/2010	Tukar atap	99,470	
5.	IPDBRN 110/2010	Bina baru	33,000	125,000
	IPDBBN 264/2010	Baik pulih	11,000	
	IPDBBN 104/2010	Baik pulih	11,000	
	IPDBBN 273/2010	Tukar atap	70,000	
6.	I110880000106/2011	Bina baru	33,000	143,900
	I110880000105/2011	Baik pulih	11,000	
	I110880000180/2011	Tukar atap	99,900	
7.	I110880000098/2011	Baik pulih	11,000	110,900
	I110880000285/2011	Tukar atap	99,900	
Jumlah				929,470

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Terengganu Dan Besut

- b. Maklum balas daripada Pejabat Daerah Kuala Terengganu bertarikh 23 Februari 2012 memaklumkan perkara ini berlaku kerana sistem rekod yang tidak kemas dan kekurangan kakitangan. Manakala maklum balas Pejabat Daerah Besut bertarikh 16 Februari 2012 memaklumkan bahawa senarai kontraktor yang layak dihantar secara berperingkat dalam kuantiti yang banyak dan keadaan ini menyukarkan untuk membuat analisa kerana rekod dibuat secara manual.

3.4.2.2. Tiada Keseragaman Dalam Pelaksanaan Komponen Tukar Atap

- a. Kerajaan Negeri menetapkan bantuan tukar atap diberi dalam bentuk kepingan atap, kos gantian/tambahan kerangka dan upah yang berkaitan. Semakan Audit mendapati pelaksanaan bantuan tukar atap adalah berbeza antara daerah dan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dilawati seperti berikut:

i. Daerah Kuala Terengganu:

- Nilai bantuan tidak melebihi RM7,000 bagi sebuah rumah.

- Pembaikan hanya dibuat ke atas atap yang rosak sahaja.
- Membekalkan atap sahaja (DUN - Batu Buruk, Manir dan Bukit Tunggai).
- Membekal dan memasang atap (DUN - Tepoh, Batu Rakit dan Alur Limbat).
- Nilai pembaikan atap secara *lump sum* RM7,000 bagi setiap rumah (DUN - Wakaf Mempelam).

ii. Daerah Besut:

- Nilai bantuan tidak ditetapkan.
- Skop pembaikan tidak terhad ke atas atap yang rosak sahaja.
- Nilai bantuan tidak melebihi RM5,000 bagi sebuah rumah (DUN - Hulu Besut dan Kuala Besut).

- b. **Maklum balas daripada UPEN bertarikh 19 Februari 2012** menjelaskan bahawa syarat bantuan tidak memperincikan had nilai bantuan bagi sesebuah rumah kerana keperluan bagi membaiki atap sesebuah rumah adalah berbeza. Pegawai Daerah diberi kuasa untuk menentukan skop pembaikan dan tahap nilai bantuan yang bersesuaian.

3.4.2.3. Butiran Kerja Tidak Disediakan

Butiran kerja yang mengandungi keterangan kerja, kuantiti bahan dan nilai hendaklah disediakan bersama inden kerja yang dikeluarkan kepada kontraktor. Butiran kerja ini digunakan sebagai senarai semak semasa pengesahan kerja dan untuk pembayaran. Semakan Audit mendapati Pejabat Daerah Besut ada menyediakan butiran kerja bagi bina baru dan baik pulih rumah manakala Pejabat Daerah Kuala Terengganu didapati tidak menyediakan butiran kerja. Pengesahan terhadap kerja yang dilaksanakan sukar dilakukan sekiranya butiran kerja tidak disediakan. **Maklum balas daripada Pejabat Daerah Kuala Terengganu bertarikh 23 Februari 2012** memaklumkan bahawa masalah ini berlaku kerana kekurangan Juruteknik. Bagaimanapun, Juruteknik akan mengadakan lawatan tapak bagi mengesahkan kerja dilaksanakan dengan sempurna dan sepadan dengan kos inden kerja yang dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, peraturan dan prosedur kerja hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan garis panduan yang lengkap bagi pelaksanaan setiap komponen perlu disediakan supaya wujud keseragaman di semua peringkat.

3.4.3. Harga Atap Yang Dibayar Melebihi Kadar Harga Yang Dibenarkan

Arahan Perbendaharaan 180.1 menetapkan kerja-kerja kecil dan pembaikan yang tidak mengubah struktur asal bernilai tidak melebihi RM100,000 adalah tertakluk kepada Jadual Kadar Kejuruteraan Awam Dan Bangunan. Semakan Audit mendapati harga atap yang

dibayar melalui 3 baucar bayaran telah melebihi kadar harga yang dibenarkan seperti **Jadual 3.4. Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah Besut bertarikh 16 Februari 2012,** Jabatan tidak menyemak dengan teliti kadar tuntutan yang dibuat oleh kontraktor. Bagaimanapun, pihak kontraktor bersetuju melaksanakan kerja tambahan kepada penerima bantuan lain bagi mengganti balik nilai lebihan bayaran tersebut.

Jadual 3.4
Bayaran Atap Melebihi Kadar Harga Yang Dibenarkan

Bil.	No. Baucar Bayaran/ Tarikh	Penerima Bantuan	Jenis/ Saiz/ Kuantiti	Harga Atap Yang Dibayar (RM/Keping)	Harga Atap Mengikut Jadual Kadar Harga (RM/Keping)	Perbezaan Harga (RM/Keping)	Lebihan Bayaran (RM)
1.	V0003310/ 26.10.2010	A	Asbestos 10'(110 keping)	110	97	13	1,430
		B	Asbestos 10'(25 keping)	149	97	52	1,300
			9'(16 keping)	129	88	41	656
			7'(17 keping)	97	68	29	493
			5'(13 keping)	75	48	27	351
		C	Zink 17'(10 keping)	135	119	16	160
			14'(7 keping)	101	98	3	21
			12'(3 keping)	87	84	3	9
		C	Asbestos 6'(20 keping)	96	57	39	780
			7'(20 keping)	112	68	44	880
8'(20 keping)	128		78	50	1,000		
2.	V0003011/ 11.10.2010	D	Asbestos 10'(16 keping)	110	97	13	208
			9'(8 keping)	98	88	10	80
			7'(41 keping)	85	68	17	697
3.	V0003308/ 26.10.2010	E	Asbestos 10'(22 keping)	120	97	23	506
			8'(22 keping)	100	78	22	484
			Jumlah	1,732	1,330	402	9,055

Sumber: Pejabat Daerah Besut

Nota: ' - Kaki

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan Program Bantuan Rumah adalah disyorkan langkah-langkah berikut diambil:

3.5.1. Pejabat SUK hendaklah menyediakan garis panduan yang lengkap supaya pelaksanaan Program Bantuan Rumah dapat diselaraskan di semua peringkat daerah dan DUN.

3.5.2. Pejabat Daerah hendaklah mematuhi sepenuhnya peraturan dan prosedur kerja.

3.5.3. Pejabat Daerah hendaklah menyediakan butiran kerja bagi setiap kerja yang akan dilaksanakan.

3.5.4. Pejabat Daerah hendaklah membuat pengesahan siap kerja dan menyemak dengan teliti bil tuntutan yang dikemukakan oleh kontraktor sebelum membuat pembayaran.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU
PEJABAT DAERAH DUNGUN
PEJABAT DAERAH SETIU**

4. PENGURUSAN PERUNTUKAN KHAS AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Peruntukan Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) adalah untuk melaksanakan pelbagai program dan projek kemasyarakatan bagi memenuhi keperluan penduduk di satu-satu kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Peruntukan bagi maksud perbelanjaan mengurus dan pembangunan kepada setiap kawasan DUN disalurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK) kepada Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal dan pemberian peruntukan dibuat secara berperingkat. Perancangan dan pelaksanaan program dan projek di peringkat DUN dilaksanakan oleh Pejabat Khidmat Masyarakat DUN.

4.1.2. Bagi pelaksanaan program dan projek di bawah peruntukan ini, Pejabat SUK telah mengeluarkan Garis Panduan Ke Atas Perkara Dibenarkan Untuk Perbelanjaan Pembangunan Dan Bantuan Am Kawasan Pilihanraya Negeri Terengganu (Garis Panduan). Garis Panduan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Ketetapan Tatacara Perbelanjaan ADUN dan Penggunaan Peruntukan Khas ADUN Yang Tidak Dibenarkan. Setiap ADUN tidak boleh berbelanja melebihi peruntukan yang ditetapkan. Sekiranya ADUN memerlukan peruntukan segera untuk sesuatu perkara, permohonan hendaklah diangkat kepada Pegawai Daerah berkenaan untuk memohon kelulusan daripada YB Setiausaha Kerajaan Negeri. Semua perbelanjaan mestilah mematuhi tatacara kewangan yang berkuat kuasa pada masa kini serta mendapat kebenaran daripada Pegawai Daerah sebagai Pegawai Pengawal di peringkat daerah.

4.1.3. Bagi tahun 2009 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan khas ADUN berjumlah RM89.60 juta. Maklumat terperinci peruntukan yang diluluskan bagi 32 kawasan DUN di seluruh Negeri Terengganu adalah seperti **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Peruntukan Khas ADUN Yang Diluluskan
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Jumlah (RM Juta)
2009	17.60
2010	25.60
2011	46.40
Jumlah	89.60

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan peruntukan khas ADUN telah diuruskan dengan cekap dan berkesan mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan peruntukan khas ADUN bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dilaksanakan di 3 Pejabat Daerah iaitu Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Dungun dan Setiu melibatkan 9 kawasan DUN iaitu Ladang, Bandar, Batu Rakit, Bukit Tunggul, Sura, Rantau Abang, Paka, Permaisuri dan Langkap. Pengauditan juga dijalankan di Pejabat Khidmat Masyarakat DUN yang berkenaan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen seperti buku vot, rekod perbelanjaan, baucar bayaran serta fail yang berkaitan. Selain itu, lawatan ke lokasi dan temu bual dengan pegawai terlibat juga diadakan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya, peruntukan khas ADUN telah digunakan bagi manfaat masyarakat setempat dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti/program/projek bagi kawasan DUN masing-masing. Antara program kemasyarakatan yang dilaksanakan adalah bantuan pemberian cermin mata, bantuan kewangan kepada pelajar cemerlang dan bantuan kepada mangsa bencana alam. Manakala projek yang dilaksanakan adalah seperti membina tempat mengaji Al-Quran dan Fardu Ain, membina wakaf, membina jalan *crusher run* atau tanah merah dan membaiki surau. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Penggunaan peruntukan khas ADUN tidak mengikut garis panduan.
- Bayaran 2 kali kepada Pejabat Khidmat Masyarakat DUN.
- Prosedur pelaksanaan kerja tidak dipatuhi.

4.4.1. Penggunaan Peruntukan Khas ADUN Tidak Mengikut Garis Panduan

Berdasarkan Garis Panduan yang dikeluarkan, penggunaan peruntukan khas ADUN tidak boleh digunakan bagi tujuan lawatan sambil belajar; membiayai projek Jabatan; dan pemberian kepada individu, badan politik, kelab atau persatuan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan atau Pendaftar Syarikat yang menjalankan aktiviti komersial dan membuat keuntungan. Semakan Audit mendapati penggunaan peruntukan khas ADUN tidak mengikut Garis Panduan seperti berikut:

4.4.1.1. Bantuan Lawatan Sambil Belajar

Pada tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM363,365 telah dibelanjakan bagi bantuan lawatan sambil belajar/lawatan bermaklumat di dalam dan luar negara. Perbelanjaan tersebut merupakan perbelanjaan lawatan sambil belajar ke negeri di seluruh Malaysia melibatkan pelajar sekolah, Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung dan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru. Manakala lawatan bermaklumat melibatkan persatuan pelajar universiti dan pemimpin belia ke luar negara seperti Indonesia, China, Singapura dan Thailand. Pecahan perbelanjaan mengikut kawasan DUN adalah seperti **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Perbelanjaan Bantuan Lawatan Sambil Belajar/Lawatan Bermaklumat
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Kawasan DUN	Tahun			Jumlah (RM)
		2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	
1.	Batu Rakit	3,500	17,650	8,000	29,150
2.	Ladang	2,000	2,410	1,700	6,110
3.	Bandar	-	6,000	-	6,000
4.	Rantau Abang	24,422	14,900	5,000	44,322
5.	Sura	-	3,600	12,200	15,800
6.	Paka	12,600	18,500	18,484	49,584
7.	Langkap	4,000	56,012	4,000	64,012
8.	Permaisuri	56,249	55,300	36,838	148,387
Jumlah		102,771	174,372	86,222	363,365

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Dungun Dan Setiu

4.4.1.2. Perbelanjaan Oleh Pejabat Daerah Menggunakan Peruntukan Khas ADUN

Sejumlah RM205,274 daripada peruntukan khas ADUN telah digunakan untuk membiayai bayaran kerja dan program berkaitan Pejabat Daerah. Antara perbelanjaan tersebut adalah pembelian komputer riba bagi kegunaan pegawai Pejabat Daerah Dan Tanah, bayaran kerja pendawaian dan penyambungan bekalan air di gerai perniagaan milik Pejabat Daerah dan pengurusan pentadbiran Kelab Sukan Dan Kebajikan Pejabat Daerah Dan Tanah. Semakan Audit mendapati:

- a. Sebanyak 14 buah komputer riba telah dibeli pada tahun 2010 berjumlah RM16,290 untuk kegunaan Pejabat Daerah Kuala Terengganu dan 4 buah komputer riba untuk Pejabat Daerah Setiu pada tahun 2009 berjumlah RM5,968. Pemeriksaan Audit mendapati 6 daripada 14 buah komputer riba di Pejabat Daerah Kuala Terengganu tidak dapat dikesan semasa pengauditan dijalankan. Selain itu, Daftar Harta Modal juga tidak disediakan bagi pembelian komputer riba tersebut.
- b. Sejumlah RM40,000 telah dibelanjakan pada tahun 2010 bagi kerja pendawaian dan penyambungan bekalan air di gerai perniagaan milik Pejabat Daerah Dungun seperti **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Bayaran Kerja Pendawaian dan Penyambungan Bekalan Air
Di Gerai Perniagaan Milik Pejabat Daerah Dungun

Kawasan DUN	Perihal Projek	Amaun (RM)
Sura	Kerja penyambungan bekalan air ke bangunan kedai Kampung Tanjung Pagar	20,000
	Pendawaian semula elektrik di gerai perniagaan Kampung Tanjung Pagar	20,000
Jumlah		40,000

Sumber: Pejabat Daerah Dungun

4.4.1.3. Perbelanjaan Untuk Individu/Kelab/Persatuan

- a. Semakan Audit di Pejabat Daerah Setiu mendapati peruntukan khas ADUN telah dibelanjakan untuk kepentingan individu bagi tujuan modal perniagaan berjumlah RM71,976 dan projek perniagaan berjumlah RM109,100. Bantuan yang diberikan kepada individu bagi tujuan perniagaan adalah seperti pembelian mesin kelapa hidraulik bernilai RM8,100, membina rumah burung walet berjumlah RM16,000 dan membina 3 buah bangsal memproses belacan berjumlah RM30,000 seperti **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1
Rumah Burung Walet



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung Telok Tasek, DUN Permaisuri, Setiu
 Tarikh: 20 November 2011

Gambar 4.2
Bangsal Untuk Memproses Belacan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung Gong Batu, DUN Permaisuri, Setiu
 Tarikh: 20 November 2011

- b. Semakan Audit di Pejabat Daerah Kuala Terengganu pula mendapati peruntukan khas ADUN digunakan bagi tujuan pembangunan dan sumbangan kepada sebuah Kelab Sukan Berdaftar (Kelab 61) di DUN Bandar. Sumbangan yang diberikan adalah bagi tujuan membaiki dan menukar lantai kelab pada tahun 2010 yang berjumlah RM10,000 dan sumbangan kewangan untuk tujuan menaik taraf sistem siaraya pada tahun 2009 berjumlah RM9,900.

- c. Berdasarkan maklum balas, Pejabat Daerah Dungun bertarikh 28 Mei 2012 dan Pejabat Daerah Setiu bertarikh 11 April 2012 menyatakan tiada makluman berhubung kewujudan Garis Panduan bagi membelanjakan peruntukan khas ADUN. Kewujudan Garis Panduan ini hanya diketahui semasa *entrance conference* yang diadakan pada 15 September 2011.

Pada pendapat Audit, peruntukan khas ADUN perlu digunakan untuk program dan projek yang dibenarkan sebagaimana Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat SUK.

4.4.2. Bayaran 2 Kali Kepada Pejabat Khidmat Masyarakat DUN

Pejabat Khidmat Masyarakat DUN merupakan pejabat yang bertanggungjawab terhadap semua program dan projek kemasyarakatan di kawasan DUN masing-masing. Bagi perbelanjaan yang didahului oleh Pejabat Khidmat Masyarakat DUN, tuntutan balik akan dibuat kepada Pejabat Daerah dengan disertakan dokumen sokongan. Pejabat Daerah akan membuat bayaran mengikut tuntutan yang dikemukakan oleh Pejabat Khidmat Masyarakat DUN. Mengikut Arahan Perbendaharaan 57 (ii), Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab menentukan pengawasan yang sepatutnya dijalankan atas perbelanjaan di bawah kawalannya. Semakan Audit mendapati Pejabat Daerah Kuala Terengganu telah membuat 2 kali bayaran terhadap tuntutan yang sama kepada Pejabat Khidmat Masyarakat DUN Ladang seperti **Jadual 4.4. Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah Kuala Terengganu bertarikh 15 Mac 2012**, tindakan telah diambil dengan mengemukakan surat kepada Pejabat Khidmat Masyarakat DUN Ladang bagi menuntut kembali wang lebihan tersebut sejumlah RM15,134 kecuali bayaran balik perbelanjaan (nombor invois: 1005) berjumlah RM3,932 yang masih dalam semakan Pejabat Daerah tersebut.

Jadual 4.4
Bayaran 2 Kali Kepada Pejabat Khidmat Masyarakat DUN Ladang

Bil.	Perihal Tuntutan	Baucar Bayaran		Amaun (RM)
		Nombor	Tarikh	
1.	Bayaran bil elektrik dan ziarah pesakit (Nombor Tuntutan: 69/10 bertarikh 11 Julai 2010)	V0004130	07.09.2010	3,212
		V0006122	13.12.2010	3,212
2.	Perbelanjaan oleh pejabat DUN (Nombor Tuntutan: 73/10 bertarikh 26 Julai 2010)	V0004130	07.09.2010	3,050
		V0006122	13.12.2010	3,050
3.	Bayaran tuntutan menyediakan makan minum (Nombor Tuntutan: 70/10 bertarikh 19 Julai 2010)	V0004130	07.09.2010	3,805
		V0006122	13.12.2010	3,805
4.	Jamuan perjumpaan guru-guru (Nombor Tuntutan: 75/10 bertarikh 8 Ogos 2010)	V0005187	16.11.2010	712
		V0006122	13.12.2010	712
5.	Bayaran balik perbelanjaan (Nombor Invois: 1004)	V0005187	16.11.2010	4,355
		V0006122	13.12.2010	4,355
6.	Bayaran balik perbelanjaan (Nombor Invois: 1005)	V0005187	16.11.2010	3,932
		V0006121	13.12.2010	3,932
Jumlah Keseluruhan				38,132
Jumlah Terlebih Bayar				19,066

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Terengganu

Pada pendapat Audit, Pejabat Daerah perlu menyiasat setiap tuntutan yang dibayar 2 kali dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pihak yang terlibat.

4.4.3. Prosedur Pelaksanaan Kerja Tidak Dipatuhi

4.4.3.1. Kerja Tidak Mempunyai Spesifikasi Kerja

Arahan Perbendaharaan 174.1 (a) menyatakan spesifikasi bagi setiap perolehan hendaklah jelas supaya pembekal/kontraktor mendapat gambaran jelas mengenai kerja yang akan dilaksanakan. Semakan Audit mendapati Pejabat Daerah Kuala Terengganu dan Setiu tidak menyediakan spesifikasi kerja bagi setiap kerja yang dilaksanakan. Manakala di Daerah Dungun, spesifikasi kerja ada disediakan. Antara projek yang tidak mempunyai spesifikasi kerja adalah membaik pulih dan mengecat balai raya Kampung Bukit Bayas di DUN Ladang, menaik taraf gelanggang bola keranjang tertutup di kawasan perindustrian Chendering dan membina tempat perjumpaan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru Sekolah Kebangsaan Paya Bunga (kedua-dua di DUN Bandar) yang masing-masing bernilai RM20,000 seperti **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.

Gambar 4.3
Gelanggang Bola Keranjang Tertutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Chendering,
Kuala Terengganu
Tarikh: 4 Januari 2012

Gambar 4.4
Tempat Perjumpaan Ibu Bapa Dan Guru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Kebangsaan Paya Bunga,
Kuala Terengganu
Tarikh: 4 Januari 2012

4.4.3.2. Pelaksanaan Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

Pegawai Pengawal perlu memastikan kerja disiapkan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pelaksanaan kerja membina siap laluan pejalan kaki beratap di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Rasau, Paka, Dungun bernilai RM60,000 tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Mengikut spesifikasi kerja, lantai perlu disiapkan dengan konkrit gred 25 berketebalan 100 mm dan dilapisi dengan simen kalis air. Bagaimanapun, lawatan Audit ke lokasi mendapati lantai tidak berketebalan 100 mm dan lantai tidak dilapisi simen kalis air seperti **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.7**. Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah Dungun bertarikh 29 Februari 2012, kesilapan tersebut telah diakui dan surat bertarikh 25 Januari 2012 telah dikeluarkan

kepada kontraktor terlibat supaya membetulkan kesilapan. Lawatan Audit ke lokasi pada 26 Februari 2012 mendapati tindakan pembaikan telah diambil seperti **Gambar 4.6** dan **Gambar 4.8**.

Gambar 4.5
Lantai Tidak Berketebalan 100 mm



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMK Seri Rasau, Paka, Dungun
Tarikh: 5 Disember 2011

Gambar 4.6
Tindakan Pembaikan Telah Diambil



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMK Seri Rasau, Paka, Dungun
Tarikh: 26 Februari 2012

Gambar 4.7
Lantai Tidak Dilapisi Simen Kalis Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMK Seri Rasau, Paka, Dungun
Tarikh: 5 Disember 2011

Gambar 4.8
Lantai Dilapisi Simen Kalis Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMK Seri Rasau, Paka, Dungun
Tarikh: 26 Februari 2012

Pada pendapat Audit, prosedur pelaksanaan kerja tidak memuaskan kerana kerja tidak mempunyai spesifikasi kerja dan pelaksanaan kerja tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peruntukan khas ADUN ini dapat dimanfaatkan secara optimum di samping mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa adalah disyorkan tindakan-tindakan seperti berikut:

4.5.1. Pejabat Daerah perlu memastikan peruntukan khas ADUN digunakan untuk program dan projek yang dibenarkan sebagaimana Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat SUK.

4.5.2. Pejabat Daerah perlu membuat siasatan terhadap bayaran 2 kali dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pihak yang terlibat.

4.5.3. Pejabat Daerah perlu memastikan prosedur pelaksanaan kerja mematuhi peraturan yang ditetapkan.

4.5.4. Pejabat SUK perlu menyediakan satu garis panduan yang lengkap dan jelas bagi memastikan setiap perbelanjaan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
PEJABAT TANAH KUALA TERENGGANU
PEJABAT TANAH MARANG**

5. PENGURUSAN PENGAMBILAN TANAH

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan menetapkan hal ehwal pentadbiran tanah di negeri adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Manakala Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri membuat pengambilan tanah bagi tujuan awam, kemajuan ekonomi, perlombongan, kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian, rekreasi ataupun kombinasi daripada tujuan tersebut. Permohonan pengambilan tanah boleh dibuat oleh Kerajaan, perbadanan, syarikat dan orang perseorangan. Tujuan pengambilan tanah yang diluluskan antaranya untuk melaksanakan projek jalan raya, masjid, tapak perpindahan, tapak perkuburan, taman rekreasi dan balai raya.

5.1.2. Berdasarkan rekod di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian (PTG), sebanyak 284 daripada 400 permohonan pengambilan tanah telah diluluskan bagi tahun 2006 hingga 2011 dengan nilai pampasan berjumlah RM323.87 juta seperti **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Status Permohonan Pengambilan Tanah Bagi Tahun 2006 Hingga 2011

Bil.	Daerah	Permohonan				Jumlah
		Lulus	Ditolak	Dibatalkan	Dalam Proses	
1.	Kuala Terengganu	113	8	13	29	163
2.	Kemaman	28	2	2	3	35
3.	Setiu	11	-	2	4	17
4.	Besut	47	1	4	13	65
5.	Hulu Terengganu	42	-	1	10	53
6.	Dungun	9	-	-	2	11
7.	Marang	34	2	3	17	56
Jumlah		284	13	25	78	400

Sumber: Daftar Pengambilan Tanah Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah bagi menilai sama ada pengurusan pengambilan tanah telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan serta tanah yang diambil telah digunakan mengikut tujuan pengambilan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pengambilan tanah bagi tahun 2006 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di PTG, Pejabat Tanah Kuala Terengganu (PTKT) dan Pejabat Tanah Marang (PTM). Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod berkaitan. Sampel Audit yang dipilih adalah 40 fail permohonan di PTKT dan 15 fail permohonan di PTM. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan pemilik tanah serta lawatan ke lokasi tanah yang terlibat telah dijalankan.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pengambilan tanah adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Permintaan ukur tidak dibuat.
- Permohonan bantahan belum dirujuk ke mahkamah.
- Agensi pemohon tidak mengisytiharkan pengambilan di bawah seksyen 4 APT 1960 bagi tanah yang melibatkan jajaran.
- Projek pembinaan longkang dilaksanakan sebelum pengambilan tanah.
- Pengurusan rekod pengambilan tanah tidak teratur.

5.4.1. Prosedur Dan Proses Pengambilan Tanah

PTKT dan PTM perlu mematuhi prosedur dan proses yang ditetapkan untuk melicinkan urusan pengambilan tanah. Semakan Audit terhadap 55 daripada 219 fail permohonan di PTKT dan PTM mendapati perkara seperti berikut:

5.4.1.1. Permintaan Ukur Tidak Dibuat

Seksyen 25 dan 26 APT 1960 menghendaki pengukuran semula (permintaan ukur) dilakukan jika hanya sebahagian daripada sesuatu lot tanah telah diambil bagi menentukan keluasan sebenar selepas pengambilan, pindaan cukai terhadap baki keluasan tanah dan seterusnya mengeluarkan Hak Milik Sambungan. Semakan Audit terhadap pengambilan sebahagian lot tanah di Daerah Kuala Terengganu mendapati 19 daripada 57 lot tanah tidak dibuat permintaan ukur seperti **Jadual 5.2**. Kesannya, Hak Milik Sambungan tidak dapat dikeluarkan dan cukai tanah dibayar pada kadar yang lama. Berdasarkan maklum balas PTKT bertarikh 2 April 2012, permintaan ukur tidak dibuat adalah disebabkan faktor bantahan yang dikemukakan oleh pihak yang berkepentingan ke mahkamah turut mempengaruhi kelewatan dalam penyediaan permintaan ukur. Proses penyediaan dokumen bantahan ke mahkamah melibatkan fail yang sama dan ini

menyebabkan proses untuk membuat permintaan ukur tertunggak. Bagaimanapun setelah teguran Audit, tunggakan permintaan ukur tersebut telah diambil tindakan berdasarkan maklum balas PTKT bertarikh 7 Jun 2012.

Jadual 5.2
Permintaan Ukur Tidak Dibuat

Bil.	No. Fail	Tarikh Borang K	Jumlah Lot
1.	PTK.TR.07/62/2005/F/004	19.04.2007	3
2.	PTK.TR.07/62/2006/A/004	21.05.2007	12
3.	PTK.TR.05/62/2006/J/016	07.07.2008	1
4.	PTK.TR.03/62/2006/G/027	23.06.2009	2
5.	PTK.TR.12/62/2010/F/002	11.04.2011	1
Jumlah			19

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu

Nota: Borang K – Notis Bahawa Tanah Telah Diambil Milik

5.4.1.2. Bayaran Pampasan Berbeza Dengan Nilai Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta

- a. Mengikut Seksyen 12 (1) APT 1960, Pentadbir Tanah hendaklah membuat siasatan penuh tentang nilai kesemua tanah terlibat dan dengan secepat mungkin mentaksirkan amaun pampasan yang pada pendapatnya adalah berpatutan bagi setiap kes dengan mengikut pertimbangan ditetapkan dengan syarat bahawa Pentadbir Tanah boleh memperoleh suatu pendapat secara bertulis tentang semua tanah daripada penilai sebelum membuat sesuatu award. Mengikut tafsiran “penilai” ertinya pegawai penilai yang bekerja dengan Kerajaan atau penilai berdaftar atau pentafsir berdaftar di bawah Akta Penilai, Penaksir Dan Ejen Harta-harta 1981.
- b. Semakan Audit mendapati Pentadbir Tanah telah merujuk kepada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta untuk membuat penilaian bagi tanah yang terlibat dengan pengambilan. Hasil analisis Audit mendapati 48 daripada 103 lot tanah telah dibayar pampasan lebih tinggi berbanding penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta. Antara lot tanah terlibat adalah seperti **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3

Bayaran Pampasan Lebih Tinggi Berbanding Nilai Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta

Bil.	No. Fail	Tujuan Pengambilan	No. Lot/ No. Dokumen Hak Milik/ Keluasan (ha)	Jumlah Bayaran Pampasan (RM)	Nilai JPPH (RM)	Perbezaan (RM)	Peratus Beza (%)
a. Pejabat Tanah Kuala Terengganu							
1.	PTK.TR.05/62/ 2006/J/016	Tambahan Tapak Masjid Raja Di Kawasan Bukit Besar, Mukim Bukit Besar	438/ GM 341/ 0.2351	1,280,855	764,075	516,780	67.6
2.	PTK.TR.03/62/ 2008/J/005	Tapak Masjid Darat Batu Rakit, Mukim Batu Rakit	3479/ GM 9413/ 0.1766	60,132	40,088	20,044	50.0
3.	PTK.TR.73/62/ 2006/ D/001	Tapak Perpindahan Penduduk Kawasan Ladang Sekolah, Bandar Kuala Terengganu	1554/ GRN 8315/ 0.2097	1,352,346	1,048,330	304,016	29.0
			2262/ GRN 2253/ 0.1752	1,130,226	876,144	254,082	29.0
4.	PTK.TR.22/62/ 2007/H/019	Tapak Dewan Sivik Kampung Beladau Selat, Mukim Serada	2654/ GM 2162/ 1.145	1,200,000	924,228	275,772	29.8
5.	PTK.TR.73/62/ 2008/F/001	Projek Pembangunan Di Kawasan Kampung Ladang Tok Pelam, Bandar Kuala Terengganu	2174/ GRN 2187/ 0.1182	1,016,247	768,093	248,154	32.3
			2162/ GRN 14161/ 0.1161	1,626,027	1,277,592	348,435	27.3
b. Pejabat Tanah Marang							
6.	PTM.01/62/ 2005/004	Tapak Perumahan Awam Kos Rendah Alur Limbat, Mukim Alur Limbat	1920/ GM 4948/ 0.6625	225,913	205,375	20,538	10.0
			5321/ GM 1514/ 0.7224	230,446	209,496	20,950	10.0
			1642/ GM 5250/ 2.787	985,483	863,970	121,513	14.1
Jumlah				9,107,675	6,977,391	2,130,284	30.53

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu Dan Pejabat Tanah Marang

Nota: JPPH - Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta

- i. Berdasarkan maklum balas PTKT bertarikh 7 Jun 2012, kuasa pemutus terletak kepada budi bicara Pentadbir Tanah dalam menentukan nilai pampasan berdasarkan Jadual Pertama APT 1960. Merujuk kepada PTK.TR.05/62/2006/J/016 (Projek Tambahan Tapak Masjid Raja Di Kawasan Bukit Besar, Mukim Bukit Besar) bagi Lot 438 (GM 341), perbezaan sejumlah 67.6% adalah kerana Pentadbir Tanah mengambil kira pandangan daripada penilai swasta berdaftar yang menilai pampasan 2 kali ganda daripada nilai Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta di mana nilai tersebut difikirkan munasabah untuk diaward kepada pemilik tanah. Nilai ini juga turut mengambil kira lain-lain kos termasuk kos perpindahan, kos sewa sementara, kos roboh, utiliti dan sebagainya seperti mana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama APT 1960.
- ii. Manakala maklum balas PTM bertarikh 5 Jun 2012, menyatakan nilai yang diberikan oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta adalah panduan

kepada Pentadbir Tanah dalam menentukan jumlah pampasan yang akan diberikan kepada pihak berkepentingan tetapi Pentadbir Tanah mempunyai budi bicara dan pertimbangan untuk membuat keputusan terhadap jumlah pampasan yang sepatutnya dibayar kepada pihak berkepentingan setelah mengambil kira keterangan yang dikemukakan pihak berkepentingan semasa proses perbicaraan dan siasatan yang dibuat oleh Pentadbir Tanah.

- c. Sebanyak 12 daripada 103 lot tanah pula dibayar pampasan lebih rendah berbanding nilai yang dibuat oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta antaranya seperti **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Bayaran Pampasan Lebih Rendah Berbanding Nilai Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta

Bil.	No. Fail	Tujuan Pengambilan	No. Lot/ No. Dokumen Hak Milik/ Keluasan (ha)	Jumlah Bayaran Pampasan (RM)	Nilai JPPH (RM)	Perbezaan (RM)	Peratus Beza (%)
a. Pejabat Tanah Kuala Terengganu							
1.	PTK.TR.07/ 62/2005/K/ 004	Projek Pembinaan GHM Hotel Kuala Terengganu, Mukim Cendering	PT 899K (1794)/ HS(D) 2192/ 4.2274	4,200,000	6,594,744	-2,394,744	-36.3
2.	PTK.TR.12/ 62/2010/F/ 001	Tapak Lot Perpindahan Di Kawasan Kampung Jeram Manir Bagi Yang Terlibat Dengan Projek Jambatan Dan Jalan Jeram Fasa II, Mukim Manir	11190/ GM 2247/ 0.0651	40,000	58,590	-18,590	-31.7
			11201/ GM 2246/ 0.0906	65,000	81,540	-16,540	-20.3
			10607/ GM 2175/ 0.0679	50,000	61,110	-11,110	-18.2
3.	PTK.TR.12/ 62/2007/G/ 008	Tapak Padang Bola Di Kawasan Kampung Bukit Tok Beng, Mukim Kuala Nerus	12832/ GM 2162/ 0.2861	184,535	246,046	-61,511	-25.0
			12831/ GM 2161/ 0.3908	252,066	336,088	-84,022	-25.0
			12829/ GM 2159/ 0.414	267,030	318,780	-51,750	-16.2
			11978/ GM 3662/ 0.1649	106,361	126,973	-20,612	-16.2
			11979/ GM 3663/ 0.1744	112,488	134,288	-21,800	-16.2
			12830/ GM 2160/ 0.0353	22,769	27,181	-4,412	-16.2
b. Pejabat Tanah Marang							
4.	PTM.01/62/ 2005/0002	Tapak Padang Bola Kampung Alur Limbat, Mukim Alur Limbat	1829/ GM 1716/ 0.5362	146,000	171,584	-25,584	-14.9
Jumlah				5,446,249	8,156,924	2,710,675	-33.23

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu Dan Pejabat Tanah Marang

- i. Berdasarkan maklum balas PTKT bertarikh 7 Jun 2012, nilai Kerajaan oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta adalah sebagai panduan dan penetapan nilai siling supaya nilai yang kurang daripada nilai semasa kepada pihak berkepentingan dapat dielakkan.
- ii. Maklum balas PTM bertarikh 5 Jun 2012 memaklumkan jumlah pampasan Pentadbir Tanah lebih rendah berbanding nilai Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta disebabkan nilai Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta telah mengambil kira nilai tanah berkategori “Bangunan” bagi tanah yang sepatutnya berkategori “Tiada”. Pihak Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta telah membuat catatan bahawa kadar tanah syarat “Bangunan” dengan kenaikan lebih kurang 23%. Semasa perbicaraan dibuat, tanah tersebut adalah berkategori “Tiada”. Oleh itu, bayaran pampasan adalah mengikut nilai tanah berkategori “Tiada”.

5.4.1.3. Permohonan Bantahan Belum Dirujuk Ke Mahkamah

Seksyen 38 APT 1960 menetapkan Pentadbir Tanah perlu mengemukakan permohonan bantahan daripada pihak yang berkepentingan ke mahkamah dalam masa 6 bulan setelah pemohon menjelaskan deposit. Jika Pentadbir Tanah gagal membuat rujukan ke mahkamah dalam tempoh 6 bulan, Pentadbir Tanah atau pihak yang berkepentingan boleh memohon kepada mahkamah untuk melanjutkan tempoh tersebut. Semakan Audit terhadap Daftar Bantahan Mahkamah bagi tahun 2008 hingga 2010 di PTKT mendapati sebanyak 173 permohonan bantahan belum dirujuk ke mahkamah seperti **Jadual 5.5**. Manakala di PTM, semua permohonan bantahan telah dirujuk ke mahkamah. Berdasarkan maklum balas PTKT bertarikh 7 Jun 2012, permohonan bantahan tidak dapat dirujuk ke mahkamah kerana terdapat dokumen permohonan yang tidak lengkap dan masalah kekurangan kakitangan. PTKT telah mewujudkan *task force* bagi menyelesaikan rujukan bantahan ke mahkamah yang tertunggak. Sehingga bulan Jun 2012, sebanyak 157 daripada 173 permohonan bantahan yang tertunggak telah dirujuk ke mahkamah dan sebanyak 16 permohonan dalam proses penyediaan dokumen sebelum dirujuk ke mahkamah.

Jadual 5.5
Permohonan Bantahan Belum Dirujuk Ke Mahkamah

Tahun Pengambilan Tanah	Nombor Fail	Tarikh Pembayaran Deposit	Jumlah Permohonan
2008	PTK.TR.73/62/2006/A/014	03.09.2008	1
2009	PTK.TR.08/62/2006/J/002	28.01.2009	1
2010	PTK.TR.15/62/2005/K/002	28.01.2010 – 07.02.2010	9
	PTK.TR.06/62/2005/A/006	24.05.2010 – 26.05.2010	3
	PTK.TR.09/62/2007/B/006	02.06.2010 – 20.06.2010	8
	PTK.TR.12/62/2007/F/006	16.02.2010	1
	PTK.TR.73/62/2008/F/001	14.06.2010 – 01.03.2011	116
	PTK.TR.12/62/2008/K/001	01.08.2010 – 05.09.2010	27
	PTK.TR.12/62/2008/D/001	27.01.2010 – 16.02.2010	4
	PTK.TR.05/62/2008/J/007	20.09.2010	2
PTK.TR.16/62/2008/J/012	04.10.2010	1	
Jumlah			173

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu

5.4.1.4. Agensi Pemohon Tidak Mengisytiharkan Pengambilan Di Bawah Seksyen 4 APT 1960 Bagi Tanah Yang Melibatkan Jajaran

- a. Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 1 Tahun 2003 antaranya menetapkan Agensi yang memerlukan tanah bagi sesuatu projek hendaklah mencari dan menentukan tapak atau jajaran yang sesuai iaitu 2 tahun sebelum pelaksanaannya. Agensi berkenaan hendaklah berunding dengan Pejabat Daerah, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian mengenai kesesuaian lokasi dengan perancangan guna tanah sekitarnya, keadaan fizikal tanah, aksesibiliti serta mengambil kira isu-isu sosial dan ekonomi penduduk tempatan. Pekeliling di atas juga menetapkan bagi sebarang projek baru berupa jajaran, Agensi pemohon dikehendaki memohon pengisytiharan pengambilan tanah di bawah Seksyen 4 APT 1960 terlebih dahulu.

- b. Semakan Audit mendapati pengambilan tanah bagi Projek Pembinaan Jalan Dan Jambatan Dari Jeram Tok Kong Ke Bukit Guntung, Mukim Manir, Kuala Terengganu yang melibatkan 76 lot tanah bagi Fasa I dan 184 lot tanah bagi Fasa II tidak diwartakan di bawah Seksyen 4 APT 1960 terlebih dahulu di mana Agensi pemohon diberi tempoh 1 tahun selepas pewartaan di bawah Seksyen 4 APT 1960 (Borang A) untuk menyelesaikan kajian dan memutuskan sama ada hendak meneruskan pengambilan balik tanah atau tidak. Sebaliknya ia telah terus diwartakan di bawah Seksyen 8 APT 1960 (Borang D) masing-masing pada 24 Jun 2010 dan 28 Oktober 2010 tanpa menjalankan kajian keadaan fizikal tanah, aksesibiliti serta mengambil kira isu-isu sosial dan ekonomi penduduk tempatan. **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.2** menunjukkan tapak projek terlibat. **Berdasarkan maklum balas PTKT bertarikh 29 Mac 2012, projek ini adalah melibatkan projek yang perlu dilakukan dengan segera.**

Gambar 5.1
Kerja Pembinaan Jalan
Sedang Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Manir, Kuala Terengganu
Tarikh: 15 September 2011

Gambar 5.2
Sebahagian Jalan Yang Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Manir, Kuala Terengganu
Tarikh: 15 September 2011

5.4.1.5. Projek Pembinaan Longkang Dilaksanakan Sebelum Pengambilan Tanah

Pada tahun 2006, Majlis Daerah Marang telah melaksanakan Projek Pembinaan Longkang Di Jalan Masuk Perpindahan Pulau Kekabu, Mukim Rusila yang melibatkan 6 lot tanah iaitu Lot 2463 (GM 240), Lot 2464 (GM 241), Lot 3966 (GM 2541), Lot 3967 (GM 2542), Lot 3968 (GM 2543) dan Lot 3969 (GM 2544). Tanah yang digunakan bagi pembinaan longkang adalah seluas 0.0945 hektar dengan anggaran pampasan berjumlah RM89,703. Semakan Audit mendapati Majlis Daerah Marang tidak membuat permohonan pengambilan tanah yang terlibat sebelum melaksanakan projek berkenaan. Setelah menerima aduan daripada pemilik tanah, Majlis Daerah Marang telah mengemukakan permohonan pengambilan tanah kepada PTG pada bulan April 2011. Bagaimanapun, permohonan ini telah ditangguhkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. **Gambar 5.3** dan **Gambar 5.4** menunjukkan longkang yang dibina di atas tanah tersebut. **Mengikut maklum balas PTM bertarikh 5 Jun 2012, keadaan ini disebabkan Majlis Daerah Marang tidak merujuk kepada PTM sebelum melaksanakan projek tersebut dan perkara ini adalah di luar kawalan Pentadbir Tanah. Adalah menjadi tanggungjawab Agensi berkaitan untuk memastikan pembinaan projek dimulakan setelah proses pengambilan tanah selesai. Pihak Audit dimaklumkan, pewartaan telah dibuat terhadap tanah berkenaan pada bulan Februari 2012.**

Gambar 5.3
Pembinaan Longkang Dilaksanakan
Sebelum Pengambilan Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Rusila, Marang
Tarikh: 30 November 2011

Gambar 5.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Rusila, Marang
Tarikh: 30 November 2011

Pada pendapat Audit, PTKT dan PTM perlu mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan bagi memastikan pengambilan tanah adalah teratur serta kepentingan Kerajaan dan rakyat tidak terjejas.

5.4.2. Pengurusan Borang Dan Rekod Pengambilan Tanah

Sistem maklumat yang lengkap dan kemas kini boleh membantu melancarkan pengurusan pengambilan tanah. Pengauditan yang dijalankan terhadap borang dan rekod berkaitan mendapati perkara seperti berikut:

5.4.2.1. Maklumat Dalam Warta Berbeza Dengan Borang D Dan Borang K

Seksyen 8 APT 1960 menyatakan apabila Pihak Berkuasa Negeri memutuskan bahawa mana-mana tanah yang diperlukan bagi maksud Seksyen 3, maka pengisytiharan dalam Perisytiharan Pengambilan Tanah Yang Dicadangkan (Borang D) hendaklah disiarkan dalam warta. Suatu pengisytiharan dalam Borang D hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa semua tanah dijadualkan yang disebut dalam borang itu diperlukan bagi maksud yang dinyatakan di dalamnya. Seksyen 22 APT 1960 pula menetapkan Pentadbir Tanah boleh mengambil milikan formal mana-mana tanah yang dijadualkan dengan menghantar Borang K iaitu Notis Bahawa Tanah Telah Diambil Milik kepada pemilik tanah. Semakan Audit terhadap warta, Borang D dan Borang K mendapati berlaku 8 kes di PTKT dan satu kes di PTM yang melibatkan perbezaan maklumat seperti **Jadual 5.6**. Keadaan ini berlaku disebabkan penyemakan semula tidak dibuat terhadap dokumen terlibat yang boleh memberi kesan kepada ketepatan serta kesahihan maklumat sekiranya berlaku perkara berbangkit. **Berdasarkan maklum balas PTKT bertarikh 7 Jun 2012 dan PTM bertarikh 5 Jun 2012 memaklumkan bahawa tindakan pembetulan warta telah dibuat. Jika perbezaan keluasan tanah tidak melebihi suku hektar atau 1%, pewartaan atau pengisytiharan semula tidak perlu dibuat.**

Jadual 5.6

Maklumat Dalam Warta Berbeza Dengan Perisytiharan Pengambilan Tanah Yang Dicadangkan (Borang D) Dan Notis Bahawa Tanah Telah Diambil Milik (Borang K)

Bil.	No. Fail/ Tujuan Pengambilan	No. Warta/ Tarikh	Perihal Perbezaan	Catatan Dalam Warta	Catatan Borang K
a. Pejabat Tanah Kuala Terengganu					
1.	PTK.TR.12/62/2010/F/002 Lot Perpindahan Di Kawasan Jeram Tok Kong & Kampung Jeram Banggol Binjai Bagi Yang Terlibat Dengan Projek Jambatan & Jalan Jeram Fasa I, Mukim Kuala Nerus	1248/ 28.10.2010	Keluasan Lot Asal: (Lot 4837/ GM 13954)	3.8062 ha	2.2435 ha
2.	PTK.TR.00/62/2009/A/005 Pembinaan Jalan & Jambatan Dari Jeram Tok Kong Ke Bukit Guntung Fasa I, Mukim Manir	710/ 24.06.2010	Keluasan Lot Asal: (Lot 1570/GM 11045)	0.1512 ha	0.1518 ha
			Keluasan Lot Asal: (Lot 8238/GM 276)	0.3185 ha	0.3186 ha
			Keluasan Lot Asal: (Lot 4799/GM 13923)	0.1946 ha	0.1947 ha
			Keluasan Lot Asal: (Lot 3738/GM 12857)	0.4047 ha	0.1638 ha
			No. Lot: (GM 15276)	14974	24974
			No. Dokumen Hak Milik: (Lot 5254)	GM 20871	GM 20872
3.	PTK.TR.15/62/2009/K/006 Tapak Pembangunan Semula Pasar Cabang Tiga, Mukim Losong	466/ 28.04.2011	No. Lot: (GM 451)	1700 (2430)	1708 (2430)
Bil.	No. Fail/ Tujuan Pengambilan	No. Warta/ Tarikh	Perihal Perbezaan	Catatan Dalam Warta	Catatan Borang D
b. Pejabat Tanah Marang					
4.	PTM.02/62/2010/0003 Taman Rekreasi Bandar Wakaf Tapai Fasa II, Mukim Bukit Payung	50/ 20.01.2011	No. Dokumen Hak Milik: (Lot 4521)	GM 7636	GM 7637

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian, Pejabat Tanah Kuala Terengganu Dan Pejabat Tanah Marang

5.4.2.2. Pengurusan Cek Bayaran Pampasan Pengambilan Tanah

Pekeliling KPTG Bil. 3 Tahun 1999 telah menggariskan tindakan yang perlu diambil oleh Pentadbir Tanah bagi menguruskan bayaran pampasan menggunakan cek untuk mengelakkan berlaku perkara seperti cek tidak dapat diserahkan dengan segera sebelum tempoh sah laku cek luput dan cek tidak diserahkan kepada penerima. Bagi mengelakkan berlakunya perkara ini, Pentadbir Tanah hendaklah menggunakan borang “akuan penerimaan” dan Buku Rekod Penerimaan Dan Penyerahan Cek Bayaran Pampasan. Semakan Audit di PTKT dan PTM mendapati akuan penerimaan ada disediakan tetapi tidak mengikut format yang ditetapkan. Manakala Buku Rekod Penerimaan Dan Penyerahan Cek Bayaran Pampasan tidak diselenggarakan. Ketiadaan buku rekod berkenaan menyebabkan penerimaan dan penyerahan cek bayaran pampasan tidak dapat dipantau. Berdasarkan maklum balas PTKT bertarikh 21 Mac 2012 dan PTM bertarikh 14 Februari 2012 memaklumkan tindakan akan diambil seperti ditetapkan oleh pekeling ini.

5.4.2.3. Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah Tidak Lengkap

Pekeliling KPTG Bil. 27 Tahun 1977 antaranya menetapkan Pentadbir Tanah perlu menyelenggarakan daftar kemajuan pengambilan tanah yang lengkap dan kemas kini bagi merekodkan semua tindakan pengambilan tanah. Setiap kes pengambilan tanah hendaklah direkodkan dalam daftar tersebut selepas sahaja pengisytiharannya diwartakan di bawah Seksyen 8 APT 1960. Semakan Audit mendapati PTKT dan PTM tidak menyelenggarakan daftar tersebut dengan lengkap. Ruangan yang tidak diisi adalah seperti tarikh penyerahan, tarikh tampal, tarikh memulai bicara dan jumlah ganti rugi. Kesannya, setiap perkembangan terkini bagi setiap pengambilan tanah perlu dirujuk pada fail permohonan dan mengambil masa untuk memperoleh maklumat yang diperlukan. **Maklum balas PTKT bertarikh 21 Mac 2012 dan PTM bertarikh 14 Februari 2012 memaklumkan bahawa tindakan telah diambil bagi mengemas kini dan menyelenggarakan Buku Rekod Kemajuan.**

5.4.2.4. Dokumen Hak Milik Tidak Diuruskan Dengan Teratur

- a. Seksyen 27 (1) APT 1960 menetapkan dokumen hak milik keluaran yang diserahkan menurut Seksyen 24 APT 1960 hendaklah disimpan oleh pihak berkuasa pendaftaran yang berkenaan dan dilupuskan mengikut cara yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati dokumen hak milik yang diserahkan oleh pemilik tanah disimpan dalam fail pengambilan tanah di Unit Pengambilan Tanah dan tidak diserahkan kepada Bahagian Pendaftaran untuk dilupuskan. Antara contoh dokumen hak milik berkenaan adalah seperti **Jadual 5.7. Maklum balas PTKT bertarikh 21 Mac 2012 dan PTM bertarikh 14 Februari 2012 memaklumkan telah menyerahkan hak milik tersebut ke Bahagian Pendaftaran untuk pelupusan.**

Jadual 5.7
Dokumen Hak Milik Tidak Diuruskan Dengan Teratur

Bil.	No. Fail	No. Dokumen Hak Milik	No. Lot
a. Pejabat Tanah Kuala Terengganu			
1.	PTK.TR.12/62/2007/G/008	GM 2161	12831
		GM 3661	11977
2.	PTK.TR.03/62/2008/J/008	GM 4210	10688
3.	PTK.TR.03/62/2007/J/006	GM 2673	2612
		GM 3103	8657
4.	PTK.TR.12/62/2005/J/003	GM 6884	11341
5.	PTK.TR.08/62/2006/J/002	GM 1689	337
6.	PTK.TR.05/62/2009/J/018	GM 12634	6998
		GM 12631	6995
		GM 12630	6994
7.	PTK.TR.00/62/2009/A/005	GM 15273	24971
		GM 13925	4802
		GM 15280	24978
		GM 15277	24975
		GM 15271	24969
b. Pejabat Tanah Marang			
8.	PTM.06/62/2005/0003	GM 139	1500
		GM 3678	1480
		GM 3677	1479
		GM 4192	5205
		GM 4193	5204
		GM 4194	5203

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu Dan Pejabat Tanah Marang

- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 6 daripada 14 dokumen hak milik bagi cadangan pengambilan tanah untuk Tapak Letak Kenderaan Wisma Darul Iman Dan Tambahan Bangunan, Bandar Kuala Terengganu tidak dikembalikan kepada pemilik tanah setelah pengambilan tersebut ditarik balik dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali Ke 20 Tahun 2011 pada 1 Jun 2011 seperti **Jadual 5.8**. Berdasarkan maklum balas PTKT bertarikh 21 Mac 2012, PTKT bercadang untuk membuat siasatan dan perbicaraan semula serta mengambil tindakan mengembalikan dokumen hak milik kepada pemilik tanah berkenaan.

Jadual 5.8
Dokumen Hak Milik Tidak Dikembalikan
Kepada Pemilik Tanah

Bil.	Nombor Lot	Nombor Dokumen Hak Milik
1.	27	GRN 3430
2.	1115	GRN 4037
3.	1118	GRN 3604
4.	1119	GRN 6914
5.	1145	GRN 4035
6.	1146	GRN 3467

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu

- c. Mengikut Seksyen 9 dan 23 APT 1960, dokumen hak milik yang terlibat dengan pengambilan tanah hendaklah dibuat endorsan bagi perkara seperti Perisytiharan Pengambilan Tanah Yang Dicadangkan (Borang D), Notis Bahawa Tanah Telah Diambil Milik (Borang K) dan Warta Tarik Balik. Jika tidak diendors dokumen hak milik tersebut akan mengekalkan hak pemilik tanah asal yang sah. Hasil semakan Audit terhadap 120 carian rasmi dokumen hak milik di PTKT dan 50 carian rasmi dokumen hak milik di PTM didapati sebanyak 104 dokumen hak milik di PTKT dan 49 dokumen hak milik di PTM tidak dibuat endorsan seperti **Jadual 5.9**. Keadaan ini disebabkan Unit Pengambilan Tanah tidak mengemukakan dokumen hak milik dan borang berkaitan kepada Bahagian Pendaftaran untuk endorsan dan penyimpanan. Maklum balas daripada PTKT bertarikh 21 Mac 2012 dan PTM bertarikh 14 Februari 2012, memaklumkan tindakan telah diambil dengan mengemukakan Borang D dan Borang K ke Bahagian Pendaftaran untuk diendors.

Jadual 5.9
Maklumat Tidak Diendors Dalam Dokumen Hak Milik

Bil.	Perihal Maklumat	Bilangan Dokumen Hak Milik	
		PTKT	PTM
1.	Borang D	90	46
2.	Borang K	-	3
3.	Warta Tarik Balik	14	-
Jumlah		104	49

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu Dan Pejabat Tanah Marang

Pada pendapat Audit, pengurusan borang dan rekod pengambilan tanah perlu dipertingkatkan bagi menjamin hak pihak yang berkepentingan.

5.4.3. Penggunaan Tanah Selepas Pengambilan

Mengikut Seksyen 3 (1)(a) dan (b) APT 1960, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan bagi apa-apa maksud awam dan oleh mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri adalah benefisial untuk rakyat dan kemajuan ekonomi. Lawatan Audit pada 21 September 2011 dan 24 November 2011 ke 8 tapak yang telah selesai dibuat pengambilan tanah mendapati 2 tapak telah dibangunkan sebagaimana yang dirancang dan 6 tapak lagi belum dibangunkan seperti **Jadual 5.10** dan **Gambar 5.5** hingga **Gambar 5.11**.

Jadual 5.10
Status Penggunaan Tanah Selepas Pengambilan

Bil.	Agensi Pemohon	Tujuan Pengambilan	Kos Pengambilan (RM Juta)/ Tarikh Borang K	Status Penggunaan Tanah	Maklum Balas Auditi
a. Pejabat Tanah Kuala Terengganu					
1.	Unit Perancang Ekonomi (UPEN)	Tapak Projek Khas Perkampungan Batik Dan Kraf Di Kampung Tanjung Bunut	0.06/ 14.05.2007	Telah siap dibina Kompleks Tuanku Nur Zahirah untuk tenunan songket. (Gambar 5.5)	-
2.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu (PDKT)	Tapak Perpindahan Penduduk Kawasan Ladang Sekolah	14.10/ 18.03.2008	Telah siap dibina Pangsapuri Ladang Gemilang 2. (Gambar 5.6)	-
3.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu (PDKT)	Tapak Padang Bola Di Kawasan Bukit Tok Beng	1.37/ 29.10.2007 20.11.2007	Belum dibangunkan. (Gambar 5.7)	Maklum balas PDKT bertarikh 27 Mac 2012, PDKT dalam tindakan untuk menyiapkan projek tersebut dengan anggaran kos RM0.3 juta.
4.	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)	Tapak Tambahan Masjid Gong Tok Nasek	1.25/ 31.01.2008	Belum dibangunkan. (Gambar 5.8)	Maklum balas JHEAT bertarikh 27 Mac 2012, tawaran tender akan dikeluarkan pada 5 April 2012.
5.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu (PDKT)	Tapak Dewan Sivik Kampung Beladau Selat	1.20/ 08.09.2009	Belum dibangunkan. (Gambar 5.9)	Maklum balas PDKT bertarikh 27 Mac 2012, PDKT dalam tindakan untuk memohon peruntukan daripada UPEN
6.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTWNT)	Projek Pembinaan GHM Hotel Kuala Terengganu	10.49/ 11.03.2007	Projek telah dibatalkan dalam mesyuarat MMKN Kali Ke 21 Tahun 2009. (Gambar 5.11)	-
7.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTWNT)	Jalan Masuk Ke Tapak Projek GHM Hotel Terengganu	1.24/ 21.05.2007 13.01.2008	Tidak dibangunkan setelah projek dibatalkan. Masih kekal dengan laluan asal.	-
b. Pejabat Tanah Marang					
8.	Majlis Daerah Marang (MDM)	Kompleks Bangunan Gunasama Jabatan Persekutuan Dan Jabatan Negeri Serta Depo Pejabat Daerah Marang	9.79/ 24.08.2008	Tidak dibangunkan. (Gambar 5.10)	Maklum balas MDM bertarikh 21 Mac 2012, menyatakan peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan belum diluluskan.
Jumlah			39.50		

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu Dan Pejabat Tanah Marang

Gambar 5.5
Perkampungan Batik Dan Kraf Di
Kampung Tanjung Bunut Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perkampungan Batik Dan Kraf Di
Kampung Tanjung Bunut,
Kuala Terengganu
Tarikh: 24 November 2011

Gambar 5.6
Pangsapuri Ladang Gemilang 2
(Ladang Sekolah) Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Ladang Gemilang 2
(Ladang Sekolah), Kuala Terengganu
Tarikh: 24 November 2011

Gambar 5.7
Tapak Padang Bola Di Bukit Tok Beng



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Padang Bola Di Bukit Tok Beng,
Kuala Terengganu
Tarikh: 24 November 2011

Gambar 5.8
Tapak Tambahan
Masjid Gong Tok Nasek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Tambahan Masjid Gong Tok
Nasek, Kuala Terengganu
Tarikh: 21 November 2011

Gambar 5.9
Tapak Dewan Sivik Di
Kampung Beladau Selat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Dewan Sivik Di Kampung Beladau
Selat, Kuala Terengganu
Tarikh: 24 November 2011

Gambar 5.10
Tapak Kompleks Bangunan Gunasama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Kompleks Bangunan Gunasama,
Marang
Tarikh: 24 November 2011



Gambar 5.11
Tanah Tidak Dibangunkan Sebab
Pembinaan GHM Hotel Dibatalkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Chendering, Kuala
Terengganu
Tarikh: 21 November 2011

Pada pendapat Audit, tanah yang diambil hendaklah dibangunkan sebagaimana tujuan pengambilannya agar dapat memberi manfaat kepada rakyat dan memajukan ekonomi Negeri.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pengambilan tanah, Pejabat Tanah adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- 5.5.1.** Pentadbir Tanah perlu mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan bagi memastikan pengambilan tanah adalah teratur serta kepentingan Kerajaan dan rakyat tidak terjejas.
- 5.5.2.** Pentadbir Tanah perlu memastikan pengurusan borang dan rekod pengambilan tanah dipatuhi sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang.

PEJABAT TANAH BESUT PEJABAT TANAH DUNGUN

6. PENGURUSAN PENGELUARAN DAN PENGALIHAN BAHAN BATUAN

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Bahan batuan seperti mana mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 adalah bermaksud apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit biasa, tanah gembur, tanah liat biasa, tanah lumpur, tanah rumput, gambur, karang dan cengkerang. Selain itu, apa-apa bahan batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah dan termasuk bahan-bahan yang diproses darinya dan yang diiktiraf di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perlombongan pada masa itu berkuat kuasa.

6.1.2. Di bawah Seksyen 14 KTN 1965, Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan pengeluaran, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan dari tanah Kerajaan, tanah beri milik, tanah lombong dan tanah rizab. Menurut Peraturan Tanah Negeri Terengganu, mana-mana individu atau syarikat boleh memohon permit untuk tujuan pengeluaran bahan batuan dengan dikenakan kadar royalti yang ditetapkan. Kadar royalti yang dikenakan bagi tanah merah dan pasir di atas tanah beri milik dan tanah Kerajaan masing-masing adalah RM0.70 dan RM1.20 bagi setiap meter padu. Batu bata dan jubin pula dikenakan kadar sebanyak RM1.30 bagi setiap 1,000 keping. Manakala kadar royalti bagi bahan batuan lain adalah antara RM0.70 hingga RM1.80 setiap meter padu mengikut jenis bahan batuan seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Secara keseluruhannya, Pejabat Tanah di Negeri Terengganu telah mengutip hasil bahan batuan sejumlah RM26.44 juta bagi tahun 2008 hingga 2011 seperti **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Kutipan Hasil Bagi Tahun 2008 Hingga 2011

Bil.	Pejabat Tanah	Tahun				Jumlah (RM Juta)
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
1.	Besut	0.38	0.40	0.38	0.24	1.40
2.	Dungun	1.38	1.06	1.30	0.72	4.46
3.	Hulu Terengganu	1.85	1.67	1.48	0.85	5.85
4.	Kemaman	0.88	1.07	1.16	1.00	4.11
5.	Kuala Terengganu	1.95	1.46	1.81	1.20	6.42
6.	Marang	0.67	0.95	0.75	0.57	2.94
7.	Setiu	0.30	0.22	0.46	0.28	1.26
Jumlah		7.41	6.83	7.34	4.86	26.44

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran dan pengalihan bahan batuan dilaksanakan secara cekap, berkesan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengurusan pengeluaran dan pengalihan bahan batuan terutamanya tanah merah, pasir dan batu kuari bagi tahun 2008 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di Pejabat Tanah Besut (PTB) dan Pejabat Tanah Dungun (PTD). Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang berkaitan seperti borang permohonan, rekod hasil, fail pengusaha dan buku docket berkaitan dengan pengeluaran dan pengalihan bahan batuan dan Permit Pengalihan Bahan Batuan (Borang 4C). Selain itu, lawatan ke tapak pengeluaran bahan batuan dan temu bual dengan pegawai terlibat turut diadakan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan pengeluaran dan pengalihan bahan batuan di Daerah Dungun dan Besut adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Bayaran kompaun tidak dijelaskan.
- Laporan daripada jabatan teknikal tidak diperolehi.
- Borang Permohonan Permit Pengalihan Bahan Batuan tidak lengkap.
- Deposit untuk pengalihan tanah merah tidak dikutip.
- Permit Pengalihan Bahan Batuan dikeluarkan kepada pengusaha pasir yang tamat tempoh lesen dan yang tidak diluluskan lesen.
- Pengeluaran bahan batuan di lokasi yang tidak diluluskan.
- Pengalihan bahan batuan secara tidak sah.

6.4.1. Pengurusan Hasil

6.4.1.1. Prestasi Kutipan Hasil Bahan Batuan

Hasil yang diterima daripada perusahaan bahan batuan adalah terdiri daripada bayaran royalti dan bayaran pendaftaran permohonan. Semakan Audit mendapati hasil yang dikutip daripada aktiviti pengalihan bahan batuan di PTD dan PTB tidak mencapai

sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2009 hingga 2011. Bagi tempoh tersebut, jumlah kutipan hasil yang diterima daripada aktiviti pengalihan bahan batuan di PTD adalah sejumlah RM3.08 juta (70.8%) berbanding sasaran berjumlah RM4.35 juta. Manakala pencapaian kutipan hasil di PTB pula ialah sejumlah RM1.02 juta (64.2%) berbanding sasaran yang berjumlah RM1.59 juta seperti **Jadual 6.2**. Antara faktor yang menyebabkan sasaran hasil tidak dapat dicapai adalah kerana permintaan daripada Projek Lebu Raya Pantai Timur dan projek pembinaan lain yang berkurangan. PTD dan PTB memaklumkan, kekurangan hasil juga disebabkan pindaan KTN tahun 2008 yang tidak memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah mengeluarkan kompaun bagi kesalahan di bawah KTN.

Jadual 6.2
Prestasi Kutipan Hasil Berbanding Sasaran
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Pejabat Tanah Dungun			Pejabat Tanah Besut		
	Sasaran Hasil (RM Juta)	Hasil Yang Diterima (RM Juta)	Pencapaian (%)	Sasaran Hasil (RM Juta)	Hasil Yang Diterima (RM Juta)	Pencapaian (%)
2009	1.47	1.06	72.1	0.51	0.40	78.4
2010	1.48	1.30	87.8	0.54	0.38	70.4
2011	1.40	0.72	51.4	0.54	0.24	44.4
Jumlah	4.35	3.08	70.8	1.59	1.02	64.2

Sumber: Pejabat Tanah Dungun Dan Pejabat Tanah Besut

6.4.1.2. Bayaran Untuk Pengalihan Bahan Batuan

Mengikut Peraturan Tanah Negeri Terengganu Pindaan 1987, setiap permohonan pendaftaran untuk pengalihan bahan batuan dikenakan bayaran sejumlah RM20. Semakan Audit mendapati PTD telah mengenakan bayaran sebanyak RM20 bagi setiap permohonan pendaftaran untuk pengalihan bahan batuan. Manakala PTB tidak mengenakan bayaran pendaftaran. **Berdasarkan maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012, PTB akan menguatkuasakan kutipan bayaran permohonan pendaftaran seperti yang termaktub di dalam Peraturan Tanah Negeri Terengganu.**

6.4.1.3. Bayaran Kompaun Tidak Dijelaskan

Mengalih pasir dan/atau tanah merah tanpa permit dan gagal menunjukkan permit pengalihan adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 426 KTN 1965 yang boleh dikenakan kompaun sehingga RM500. Semakan Audit mendapati 8 daripada 12 kompaun yang dikeluarkan dari tahun 2008 hingga tarikh pengauditan masih belum dijelaskan berjumlah RM4,000 seperti **Jadual 6.3**. PTB telah mengambil tindakan dengan menghantar surat peringatan tetapi pengusaha masih gagal membuat bayaran. Sebaliknya didapati 2 pengusaha yang tidak menjelaskan bayaran kompaun tersebut masih lagi diberi kelulusan untuk menjalankan aktiviti pengalihan bahan batuan. **Mengikut maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012, surat peringatan akan terus dikeluarkan kepada pengusaha yang terlibat supaya menjelaskan bayaran kompaun dengan segera.**

Jadual 6.3
Pengusaha Bahan Batuan Yang Tidak Menjelaskan Kompaun

Pengusaha	No. Kompaun	Tarikh Kompaun	Jumlah (RM)
1	A 15929	24.02.2008	500
	A 15930	24.02.2008	500
	A 15131	24.02.2008	500
	A 17155	15.05.2008	500
	A 17156	15.05.2008	500
	A 12025	15.06.2008	500
2	A 17457	14.08.2008	500
	A 17456	14.08.2008	500
Jumlah			4,000

Sumber: Pejabat Tanah Besut

Pada pendapat Audit, PTB perlu mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melakukan kesalahan dan menguatkuasakan sepenuhnya Peraturan Tanah Negeri Terengganu dan KTN.

6.4.2. Proses Permohonan Dan Kelulusan

6.4.2.1. Laporan Siasatan Tidak Disediakan

- a. Mengikut Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu Bil. 1 Tahun 2003 antaranya menetapkan setiap permohonan mengeluarkan dan memindah bahan batuan hendaklah dijalankan siasatan dan satu laporan hendaklah disediakan oleh Penolong Pegawai Tanah. Siasatan meliputi lawatan ke tapak lokasi yang dipohon bagi menentukan keadaan dan kesesuaian tanah serta di kawasan sekelilingnya. Laporan siasatan dan ulasan tersebut akan dikemukakan kepada Pentadbir Tanah untuk pertimbangan dan kelulusan. Semakan Audit terhadap 56 permohonan pengeluaran bahan batuan mendapati berlaku 6 kes di mana tidak ada laporan siasatan disediakan oleh Penolong Pegawai Tanah sebelum permohonan diluluskan seperti **Jadual 6.4**. Ketiadaan laporan siasatan tersebut boleh menyebabkan kelulusan yang dibuat tidak berasaskan kepada pertimbangan yang sewajarnya.

Jadual 6.4
Permohonan Mengeluar Dan Memindah Bahan Batuan Diluluskan Tanpa Penyediaan Laporan Siasatan

No. Fail Pemohon	Status Tanah	No. Lot/PT	Tempat	Tarikh Permohonan
PTB:00/74/2009/0003	Kerajaan	Tiada	Kampung Anak Ikan	31.05.2009
PTB:00/74/2009/0030	Kerajaan	Tiada	Tidak dinyatakan	Tiada
PTB00/74/2009/0008	Milik	GM 5360 Lot 7625	Mukim Jabi	Tiada
PTB00/74/2009/0008	Milik	Lot 159	Mukim Kerandang	Tiada
PTD:00/72/2009/0007	Milik	Lot 5109	Mukim Kuala Dungun	16.06.2009
PTD:00/72/2010/0012	Milik	Lot 6235	Mukim Jerangau	05.07.2010

Sumber: Pejabat Tanah Besut Dan Pejabat Tanah Dungun

- b. Mengikut maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012, Pentadbir Tanah telah diberi kuasa untuk meluluskan pengalihan bahan batuan memandangkan projek yang berkaitan adalah projek Kerajaan yang memerlukan tindakan segera. Manakala maklum balas PTD bertarikh 23 Februari 2012, memaklumkan siasatan oleh Penolong Pegawai Tanah telah dibuat dan permohonan permit diluluskan setelah pemilik tanah mengisi Borang Pengakuan Kebenaran Pemilik (Pemegang Gadaian) bagi pengambilan/pengalihan bahan batuan. Bagi penambahbaikan pada masa akan datang, PTD akan memastikan setiap Penolong Pegawai Tanah mematuhi segala prosedur dan peraturan yang berkaitan bagi memastikan kelancaran dan kewajaran sesuatu permohonan.

6.4.2.2. Laporan Daripada Jabatan Teknikal Tidak Diperoleh

- a. Dasar Tanah Negeri Terengganu yang dikeluarkan oleh Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian antaranya menetapkan Pentadbir Tanah diberi kuasa untuk meluluskan permohonan permit pengalihan bahan batuan di atas tanah milik dengan keizinan bertulis daripada pemilik tanah berdaftar. Manakala kelulusan permohonan permit pengalihan bahan batuan di atas tanah Kerajaan diberikan setelah mendapat pandangan daripada jabatan teknikal antaranya Jabatan Pengairan Dan Saliran, Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.. Semakan Audit terhadap 56 fail permohonan mendapati berlaku 6 kes di mana permohonan untuk mengeluarkan dan mengalih bahan batuan di atas tanah Kerajaan tidak mendapat ulasan jabatan teknikal terlebih dahulu sebelum diluluskan seperti **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5

Kelulusan Bagi Permohonan Mengeluarkan Dan Mengalih Bahan Batuan Di Tanah Kerajaan Yang Tidak Mendapat Ulasan Jabatan Teknikal

No. Fail Pemohon	No. Lot/PT	Tempat	No. Permit	Tarikh Permohonan
PTB:00/74/2009/0003	Tiada	Kampung Anak Ikan	1402/09	31.05.2009
	Tiada	Kampung Anak Ikan	832/09	30.03.2009
PTB:00/74/2009/0030	Tiada	Tidak Dinyatakan	1409/09 dan 1021/09	Tidak Dinyatakan
PTB:00/74/2008/0089	2852	Mukim Pengkalan Nangka	197/09,1998/09, 2012/09,2052/09,2053/09	-
PTB:00/74/2010/0013	Tiada	Kampung Durian Telor	649/10	24.03.2010
PTD:00/72/2010/0024	Tiada	Kampung Batu 7	-	06.04.2011

Sumber: Pejabat Tanah Besut Dan Pejabat Tanah Dungun

- b. Berdasarkan maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012, Pentadbir Tanah telah diberi kuasa untuk meluluskan pengalihan bahan batuan memandangkan projek yang berkaitan adalah projek Kerajaan yang memerlukan tindakan segera. Manakala PTD pula melalui maklum balas bertarikh 23 Februari 2012, memaklumkan laporan jabatan teknikal tidak diperolehi pada ketika itu disebabkan kurangnya kefahaman dan

pengetahuan Penolong Pegawai Tanah kerana pertukaran tugas dan tempat bertugas. Semua permohonan permit pengalihan bahan batuan bagi tanah Kerajaan akan dihantar untuk mendapatkan pandangan daripada jabatan teknikal. Di samping itu, PTD akan memastikan setiap Penolong Pegawai Tanah mematuhi segala prosedur dan peraturan yang berkaitan bagi memastikan kelancaran dan kewajaran sesuatu permohonan.

6.4.2.3. Borang Permohonan Permit Pengalihan Bahan Batuan Tidak Lengkap

Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu Bil. 1 Tahun 2003 antaranya menetapkan setiap permohonan untuk mengalih bahan batuan hendaklah mengisi borang Permohonan Permit Untuk Mengalih Bahan Batuan (Borang BB.02). Borang ini hendaklah dilengkapi dengan maklumat antaranya butiran pemohon, butiran kenderaan dan butiran bahan batuan seperti jenis bahan batuan, isi padu pengalihan, status tanah, jarak dan bilangan perjalanan serta nombor lot tanah. Semakan Audit terhadap 388 borang Permohonan Permit Untuk Mengalih Bahan Batuan di PTB dan PTD mendapati sebanyak 330 borang tersebut tidak diisi dengan lengkap di butiran utama antaranya nombor lot, jarak pengalihan, isi padu pengalihan, status tanah, lokasi tempat ambil, tujuan serta bilangan perjalanan. Maklumat yang tidak lengkap boleh menyebabkan pengiraan royalti yang tidak tepat. Contoh Borang BB.02 yang tidak diisi dengan lengkap adalah seperti **Jadual 6.6. Mengikut maklum balas PTB bertarikh 18 April 2012, PTB akan memaklumkan dan mengeluarkan garis panduan kepada semua pengusaha bahan batuan di Daerah Besut. Maklum balas PTD bertarikh 18 April 2012, pula memaklumkan tindakan penambahbaikan telah diambil dengan segera setelah teguran Audit.**

Jadual 6.6

Borang Permohonan Permit Untuk Mengalih Bahan Batuan Yang Tidak Lengkap

No. Fail Pemohon	Tarikh BB. 02	No. Permit	Jumlah Royalti (RM)	Butiran Borang BB.02 Yang Perlu Diisi				
				No. Lot	Jarak Pengalihan	Isi Padu/ Trip	Status Tanah	Tempat Ambil
PTB: 00/74/2009/0008	02.02.2009	214/09	283.50	x	x	x	x	x
	08.02.2009	247/09	170.10	x	x	x	x	x
	09.02.2009	262/09	151.20	x	x	x	x	x
	12.02.2009	180/09	151.20	x	x	x	x	x
	17.02.2009	349/09	154.35	x	x	x	x	x
	18.02.2009	356/09	463.05	x	x	x	x	x
PTB: 00/74/2008/0089	25.02.2009	427/09	330.75	x	x	x	x	x
	02.08.2009	1997/09	151.20	x	x	x	x	√
	02.08.2009	1998/09	226.80	x	x	x	x	√
	x	2012/09	302.40	x	x	x	x	√
	09.08.2009	2052/09	189.00	x	x	x	x	√
PTD: 00/72/2010/0012	09.08.2009	2053/09	151.20	x	x	x	x	√
	x	806/10	945.00	x	√	x	√	√
	14.07.2010	826/10	315.00	x	√	x	√	√
	18.07.2010	845/10	141.75	x	√	x	√	√
	27.07.2010	829/10	141.75	x	√	x	√	√

Sumber: Fail Pengusaha Di Pejabat Tanah Besut Dan Pejabat Tanah Dungun

Nota: x - Tidak Diisi √ - Diisi TM - Tiada Maklumat

6.4.2.4. Tempoh Masa Kelulusan Permohonan Tidak Dapat Ditetapkan

Berdasarkan Piagam Pelanggan PTB, proses kelulusan permohonan pengalihan bahan batuan adalah dalam tempoh 5 hari bekerja. Manakala Piagam Pelanggan PTD pula menetapkan proses bagi mendapat kelulusan mengambil bahan batuan ditapak baru akan diselesaikan dalam tempoh 2 bulan. Mengikut Prosedur Kualiti Pejabat-pejabat Tanah Negeri Terengganu, Pejabat Tanah hendaklah mengeluarkan surat kelulusan kepada pemohon yang berjaya berserta syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Semakan Audit terhadap 56 permohonan pengalihan bahan batuan di PTB dan PTD mendapati tempoh masa yang diambil untuk meluluskan permohonan tidak dapat ditentukan kerana borang permohonan tidak dicop tarikh terima. Manakala hanya satu sahaja surat kelulusan dikeluarkan kepada pengusaha oleh PTB seperti yang ditetapkan dalam manual dan selebihnya kelulusan hanya dicatat pada borang permohonan. **Berdasarkan maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012, PTB akan mempertingkatkan lagi langkah penambahbaikan. Manakala maklum balas PTD bertarikh 23 Februari 2012, memaklumkan akan memastikan setiap permohonan akan dicop tarikh terima dan surat kelulusan akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya berserta syarat-syarat yang dikenakan.**

6.4.2.5. Deposit Untuk Pengalihan Tanah Merah Tidak Dikutip

Seksyen 74 KTN 1965 menetapkan supaya sejumlah deposit perlu dikutip daripada pengusaha bahan batuan bagi tujuan sekuriti bagi pelaksanaan dan pematuhan syarat permit dan membaik pulih kawasan yang terlibat dengan pengeluaran dan pengalihan bahan batuan. Manakala Peraturan Tanah Terengganu 1966 Pindaan 1987 pula menyatakan jumlah bayaran deposit berkenaan dengan kebenaran mengambil bahan batuan secara *ad hoc* akan ditentukan oleh Pentadbir Tanah. Semakan Audit mendapati PTB tidak mengutip bayaran deposit daripada pengusaha yang telah diluluskan permit pengalihan tanah merah disebabkan tidak mengetahui kewujudan peraturan tersebut. Bagaimanapun, PTD ada mengutip bayaran deposit bagi tujuan ini. **Berdasarkan maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012, PTB akan menguatkuasakan kutipan bayaran deposit tersebut.**

6.4.2.6. Permit Pengalihan Bahan Batuan Dikeluarkan Kepada Pengusaha Pasir Yang Tamat Tempoh Lesen Dan Yang Tidak Diluluskan Lesen

Setiap pengusaha yang menjalankan perusahaan pasir perlu mempunyai lesen dan permit yang diluluskan. Lesen bagi perusahaan pasir diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri manakala kelulusan Permit Pengalihan Bahan Batuan (Borang 4C) diberi kuasa kepada Pentadbir Tanah. Borang 4C hendaklah diluluskan kepada pengusaha yang mempunyai lesen yang masih berkuat kuasa. Berdasarkan laporan PTB, sejumlah 71 Borang 4C yang dikeluarkan pada tahun 2011 menunjukkan 6 pengusaha pasir yang telah tamat tempoh lesen dan seorang pengusaha yang tidak diluluskan lesen oleh Pihak

Berkuasa Negeri telah dikeluarkan permit seperti **Jadual 6.7** dan **Jadual 6.8**. Mengikut maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012, bagi mengelakkan kehilangan hasil Kerajaan Negeri maka Jawatankuasa Tanah Daerah telah membuat keputusan memberi kelulusan kepada pengusaha pasir berkenaan secara permit harian sehingga mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang sedang melalui proses rayuan.

Jadual 6.7
Pengusaha Yang Tamat Tempoh Lesen Tetapi Dikeluarkan
Permit Pengalihan Bahan Batuan

Bil.	No. Fail Pengusaha	Tempoh Lesen (Tarikh)		Borang 4C	
		Mula	Tamat	No. Permit	Tarikh
1.	PTB:00/74/2010/0031	16.09.2009	31.12.2009	42/11	17.01.2011
				43/11	18.01.2011
				257/11	22.03.2011
				258/11	22.03.2011
				444/11	12.05.2011
2.	PTB:05/16/2004/0009	16.09.2009	31.12.2009	6/11	04.01.2011
				7/11	05.01.2011
				8/11	06.01.2011
				9/11	08.01.2011
				15/11	11.01.2011
3.	PTB:05/16/2004/0012	06.02.2008	31.12.2010	25/11	13.01.2011
				26/11	15.01.2011
				27/11	16.01.2011
				35/11	17.01.2011
				36/11	18.01.2011
4.	PTB:02/16/2011/0001	22.07.2009	31.12.2010	453/11	12.05.2011
				498/11	19.05.2011
				562/11	04.06.2011
				674/11	26.06.2011
				778/11	19.07.2011
5.	PTB:02/16/2004/0025	23.08.2007	31.12.2008	10/11	04.01.2011
				11/11	05.01.2011
				12/11	06.01.2011
				13/11	08.01.2011
				23/11	13.01.2011
6.	PTB:02/16/2006/0001	31.12.2007	31.12.2008	225/11	15.03.2011
				226/11	05.03.2011

Sumber: Pejabat Tanah Besut

Jadual 6.8
Pengusaha Yang Tidak Diluluskan Lesen Tetapi Dikeluarkan
Permit Pengalihan Bahan Batuan

No. Fail Pengusaha	Borang 4C	
	No. Permit	Tarikh
PTB:02/16/2004/03	223/11	06.03.2011
	497/11	19.05.2011
	561/11	07.06.2011
	613/11	26.06.2011
	776/11	19.07.2011
	931/11	18.09.2011

Sumber: Pejabat Tanah Besut


Pada pendapat Audit, proses permohonan dan kelulusan hendaklah dipertingkatkan lagi dengan mematuhi semua prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

6.4.3. Kawalan Pengeluaran Bahan Batuan

Mengikut Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu Bil. 1 Tahun 2003, mana-mana orang yang diluluskan Permit Pengalihan Bahan Batuan (Borang 4C) hendaklah menyediakan doket sekurang-kurangnya dalam bentuk pendua. Setiap doket hendaklah mengandungi maklumat seperti nombor permit, nombor doket, jenis bahan batuan, nombor pendaftaran kenderaan, jumlah muatan, tarikh dan jam pengalihan serta tempat dihantar. Setiap helaian doket perlu dicop dan ditandatangani oleh Pemungut Hasil Tanah. Pemegang permit juga dikehendaki menyelenggarakan Laporan Jualan Bulanan Bahan Batuan dan mengemukakannya kepada Pentadbir Tanah yang berkenaan bersama dengan doket yang telah digunakan pada setiap bulan.

6.4.3.1. Docket Tidak Diuruskan Dengan Sempurna

- a. Helaian doket yang tidak digunakan pada tarikh yang dinyatakan hendaklah dibatalkan atau mendapat kelulusan daripada Pejabat Tanah untuk melanjutkan tempoh sah penggunaan doket berkenaan. Semakan Audit terhadap buku doket di 2 kawasan pengusaha pasir pada 6 Oktober 2011 di Kampung Pasir Merbau, Besut dan Kampung Tok Raja, Besut mendapati buku doket bernombor siri 06244 hingga 06250 yang tidak digunakan telah tamat tempoh sah pada 2 Oktober 2011. Bagaimanapun, doket tersebut tidak dibatalkan serta tidak mendapat kelulusan lanjutan tempoh daripada PTB. Docket yang telah tamat tempoh dan tidak digunakan hendaklah dibatalkan bagi mengelak ia disalahgunakan. Contoh helaian doket tersebut adalah seperti **Gambar 6.1**.




Gambar 6.1
Docket Tamat Tempoh Tidak Dibatalkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pasir Merbau, Besut
Tarikh: 6 Oktober 2011

- b. Setiap doket yang dikeluarkan hendaklah diisi dengan maklumat yang berkaitan dan menggunakan kertas karbon 2 muka sebagai pendua. Salinan doket yang telah habis diguna hendaklah diserahkan kepada Pejabat Tanah yang berkenaan. Semakan Audit terhadap salinan pendua doket yang disimpan oleh pengusaha pasir mendapati:
 - i. Docket bernombor siri 06251 hingga 06254 di Kampung Pasir Merbau, Besut tidak dicatat tarikh perjalanan seperti **Gambar 6.2**.


- ii. Docket bernombor siri 15502 hingga 15524 di Kampung Tok Raja, Besut tidak dicatat masa perjalanan seperti **Gambar 6.3**.
- iii. Salinan pendua docket yang habis digunakan oleh pengusaha tidak diserahkan kepada Pejabat Tanah.

Gambar 6.2
Buku Docket Yang Tidak Dicatat
Tarikh Perjalanan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pasir Merbau, Besut
Tarikh: 6 Oktober 2011

Gambar 6.3
Buku Docket Yang Tidak Dicatat
Masa Perjalanan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tok Raja, Besut
Tarikh: 6 Oktober 2011

- c. **Maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012** memaklumkan, kelemahan dari segi pemantauan akan diperbaiki dan ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

6.4.3.2. Laporan Jualan Bulanan Bahan Batuan Tidak Dikemukakan Ke Pejabat Tanah

Menurut Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu Bil. 1 Tahun 2003, setiap pengusaha hendaklah mengemukakan Laporan Jualan Bulanan Bahan Batuan ke Pejabat Tanah yang berkenaan. Antara maklumat penting yang perlu dicatat dalam laporan tersebut adalah nombor permit, nombor docket, jualan yang dirancang, jualan sebenar dan perbezaan antara yang dirancang dengan yang dijual. Semakan Audit terhadap fail pengusaha mendapati kesemua pengusaha tidak mengemukakan laporan tersebut kepada PTB. Semakan juga mendapati PTB tidak menyelenggarakan rekod penerimaan laporan jualan bagi memantau pengusaha mematuhi peraturan tersebut. Ketiadaan laporan ini boleh menyebabkan PTB tidak dapat membuat perbandingan jumlah sebenar royalti yang dikutip berbanding dengan jumlah yang dibayar oleh pengusaha. Contoh pengusaha yang tidak mengemukakan Laporan Jualan Bulanan Bahan Batuan adalah seperti **Jadual 6.9**. **Berdasarkan maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012**, setiap pengusaha akan diminta menyediakan dan mengemukakan laporan tersebut kepada Pejabat Tanah.

Jadual 6.9**Pengusaha Yang Tidak Mengemukakan Laporan Jualan Bulanan Bahan Batuan**

Bil.	No. Fail Pengusaha	No. Permit	Kuantiti Tanah Dikeluarkan	Jumlah Royalti Dibayar (RM)
1.	PTB:00/74/2009/0048	2209/09	<i>Lump Sum</i>	1,000
		2210/09		5,000
		2789/09		5,000
		2790/09		5,000
		3188/09		5,000
		30/10		5,000
		377/10		5,000
		629/10		5,000
		866/10		5,000
		1979/10		5,000
2.	PTB:00/74/2010/0013	649/10	<i>Lump Sum</i>	10,000
Jumlah				56,000

Sumber: Fail Pengusaha Pejabat Tanah Besut

6.4.3.3. Pengeluaran Bahan Batuan Di Lokasi Yang Tidak Diluluskan

Mengikut Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu Bil. 1 Tahun 2003, bahan batuan yang dibenarkan dibuat pemindahan hanya dari kawasan dan tapak yang diluluskan sahaja. Semakan Audit mendapati 2 pengusaha telah mengeluarkan tanah merah di lokasi berlainan daripada yang diluluskan dalam Permit Pengalihan Bahan Batuan (Borang 4C) seperti **Jadual 6.10**. Mengikut maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012, tindakan pemantauan yang lebih kerap akan dilakukan selepas ini.

Jadual 6.10**Pengeluaran Tanah Merah Di Lokasi Yang Tidak Diluluskan**

Bil.	No. Fail Pengusaha	Lokasi Yang Diluluskan		Lokasi Sebenar Dikeluarkan		No. Permit	Jumlah Royalti (RM)
		Lot	Mukim	Lot	Mukim		
1.	PTB:00/74/2009/008	7625 GM 5360	Jabi	157	Gong Lilit	1946/10	264.60
						1980/10	226.80
				1217	Batang Gergaji	1884/10	75.61
						1892/10	113.40
2.	PTB:00/74/2009/001	PT 1718 GM 341	Kerandang	PT 2829	Kerandang	1854/10	288.50
						205/09	105.00
						246/09	42.00
				316/09	122.50		
				442/09	84.00		
Jumlah							1,322.41

Sumber: Pejabat Tanah Besut

6.4.3.4. Pengalihan Bahan Batuan Secara Tidak Sah

Seksyen 426 KTN 1965 menetapkan mana-mana orang, tanpa wibawa yang sah, mengeluarkan, mengalih atau mengangkut, atau membenarkan pengeluaran, pengalihan atau pengangkutan bahan batuan dari mana-mana tanah adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, jika disabitkan, dikenakan denda yang tidak melebihi RM10,000 atau penjara untuk satu tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya sekali. Lawatan Audit pada 21 September 2011 bersama Penolong Pentadbir Tanah

Besut ke lokasi pengeluaran tanah merah di Bukit Peteri dan Batang Gergaji, Besut mendapati lori yang mengalih tanah merah tidak mempunyai permit pengalihan. Setelah ditemu bual dengan pemandu lori berkenaan, Penolong Pentadbir Tanah telah memberi amaran lisan kepada mereka. **Gambar 6.4** hingga **Gambar 6.7** menunjukkan lori yang menjalankan aktiviti pengalihan tanah merah secara tidak sah. **Maklum balas PTB bertarikh 7 Mac 2012**, memaklumkan kelemahan dari segi pemantauan akan diperbaiki dan ditingkatkan lagi.

Gambar 6.4
Lori Yang Digunakan Untuk Mengalih Bahan Batuan Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Peteri, Besut
Tarikh: 21 September 2011

Gambar 6.5



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Batang Gergaji, Besut
Tarikh: 21 September 2011

Gambar 6.6
Aktiviti Pengalihan Bahan Batuan Tanpa Permit Sedang Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Peteri, Besut
Tarikh: 21 September 2011

Gambar 6.7



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Batang Gergaji, Besut
Tarikh: 21 September 2011

Pada pendapat Audit, kawalan pengeluaran bahan batuan hendaklah dipatuhi sepenuhnya seperti pengurusan doket dan penyediaan Laporan Jualan Bulanan Bahan Batuan bagi mengelakkan penyalahgunaan doket dan kehilangan hasil kepada Kerajaan Negeri. Selain itu, tindakan pemantauan yang lebih kerap perlu dilakukan di lokasi pengeluaran dan pengalihan bahan batuan bagi mengelakkan kes pengalihan bahan batuan secara tidak sah.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbaiki dan tidak berulang lagi pada masa akan datang, Pejabat Tanah adalah disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

6.5.1. Pejabat Tanah hendaklah mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan.

6.5.2. Pejabat Tanah hendaklah mempertingkatkan proses permohonan dan kelulusan dengan mematuhi semua prosedur dan peraturan yang ditetapkan serta menguatkuasakan sepenuhnya Peraturan Tanah Negeri Terengganu dan KTN.

6.5.3. Pejabat Tanah hendaklah menjalankan pemantauan yang lebih kerap di lokasi pengeluaran dan pengalihan bahan batuan bagi mengelakkan kes pengalihan bahan batuan secara tidak sah.

6.5.4. Pejabat Tanah hendaklah mematuhi sepenuhnya kawalan pengeluaran bahan batuan seperti pengurusan doket dan penyediaan Laporan Jualan Bulanan Bahan Batuan bagi mengelakkan penyalahgunaan doket.

MAJLIS DAERAH BESUT

7. PROJEK PAKEJ A, JERTEH SOUQ

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Pelaksanaan projek Pakej A, Jerteh Souq (Projek) merupakan satu daripada 9 pakej yang terdapat dalam Projek Pembangunan Semula Dan Rejuvinasi Pusat Perniagaan Bandar Jerteh, Besut. Projek ini dibiayai oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) manakala Yang Dipertua, Majlis Daerah Besut (Majlis) dilantik sebagai Pegawai Penguasa. Pelaksanaan Pakej A adalah membina Bazar A dengan melibatkan kerja-kerja membaik pulih dan kerja infrastruktur serta menanam cerucuk Bazar B dengan kos berjumlah RM22.5 juta. Tapak Projek pada asalnya menempatkan beberapa aktiviti perniagaan dan kemudahan infrastruktur melibatkan perniagaan runcit, kedai makan, gerai pakaian dan jahitan, stesen bas, stesen kereta sewa, tandas dan kemudahan awam lain. Bagi menyediakan tapak pembangunan Projek, kemudahan infrastruktur sedia ada seperti stesen bas dan stesen kereta sewa dirobuhkan serta dipindahkan ke kawasan lain dan peniaga pula telah ditempatkan di bangunan dan gerai sementara.

7.1.2. Projek ini dilaksanakan oleh Syarikat TSP Numumwah Sdn. Bhd. (Kontraktor) dengan pemantauan dilakukan oleh SAM Arkitek Perunding (Perunding Utama) sebagai wakil Pegawai Penguasa. Sementara itu, 3 buah firma perunding lain telah dilantik oleh Perunding Utama iaitu WNA Consultant Sdn. Bhd. sebagai Perunding Sivil Dan Struktur, Wan Hussin & Associates Sdn. Bhd. sebagai Perunding Mekanikal Dan Elektrik dan AMD Associates sebagai Perunding Ukur Bahan bagi membantu untuk melaksanakan kerja pembinaan berkaitan kepakaran dalam bidang masing-masing.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek Pakej A, Jerteh Souq telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod berkaitan Projek di Majlis dan UPEN. Di samping itu, lawatan ke tapak Projek juga dilakukan bagi meninjau prestasi pelaksanaan Projek dan menemu bual pegawai serta kakitangan yang terlibat.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara umumnya, pelaksanaan Projek adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Yuran perkhidmatan perunding terlebih bayar.
- Kelewatan menyiapkan projek.
- Permohonan perakuan kelambatan dan lanjutan masa lewat diluluskan.
- Pelepasan tanggungjawab perunding terhadap perubahan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.
- Kualiti kerja tidak memuaskan.
- Penggunaan bangunan sebelum Sijil Kelayakan Menduduki/Perakuan Siap atau Sijil Kelayakan Menduduki Sementara dikeluarkan.

7.4.1. Prestasi Projek

7.4.1.1. Status Pelaksanaan

Kerja yang terkandung dalam Projek ialah membina Bazar A melibatkan kerja-kerja membaik pulih dan kerja infrastruktur termasuk kerja menanam cerucuk Bazar B telah ditawarkan secara tender terbuka kepada Kontraktor dengan nilai kontrak berjumlah RM22.5 juta dan tempoh siap selama 110 minggu. Tarikh milik tapak ialah pada 6 Mei 2007 dan tarikh patut siap Projek adalah pada 14 Jun 2009. Bagaimanapun sehingga Oktober 2011, Projek ini masih belum disiapkan sepenuhnya dengan status pencapaian kerja yang disiapkan sebanyak 96% dan pembayaran sejumlah RM21 juta telah dijelaskan kepada Kontraktor.

7.4.1.2. Kelewatan Menyiapkan Projek

- a. Semakan Audit mendapati Kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan 3 lanjutan masa telah diluluskan selama 117 minggu sehingga 7 September 2011 seperti **Jadual 7.1**. Bagaimanapun pada tarikh akhir lanjutan masa, Kontraktor masih tidak dapat menyiapkan kerja. Selaras dengan syarat-syarat kontrak, pihak Kontraktor boleh dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) pada kadar RM5,647.45 sehari di atas kegagalan Kontraktor menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Sehingga ke tarikh pengauditan, Majlis belum memutuskan sama ada hendak mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) dan dikenakan LAD atau memberikan lanjutan masa kepada Kontraktor.

Jadual 7.1
Lanjutan Masa Yang Diluluskan

Lanjutan Masa	Tempoh Lanjutan Masa	Jumlah (Minggu)	Justifikasi Lanjutan Masa Diluluskan
1	15.06.2009 hingga 27.12.2009	28	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan penyerahan tapak bina. • Kesukaran mendapatkan bahan binaan. • Pertikaian reka bentuk struktur asal antara Perunding Sivil Dan Struktur dan Kontraktor.
2	28.12.2009 hingga 23.02.2011	60	Pertikaian reka bentuk struktur asal antara Perunding Sivil Dan Struktur dan Kontraktor.
3	24.02.2011 hingga 07.09.2011	29	<ul style="list-style-type: none"> • Perubahan kepada kapasiti tangki air. • Perubahan sistem rawatan berpusat. • Pengalihan bangunan <i>substation</i> Tenaga Nasional Berhad.
Jumlah		117	

Sumber: Majlis Daerah Besut

- b. Kelewatan menyiapkan Bazar A mengikut tempoh yang ditetapkan telah menimbulkan ketidakselesaan kepada peniaga kerana mereka masih menjalankan aktiviti perniagaan di gerai dan bangunan bertaraf sementara yang kelihatan uzur seperti **Gambar 7.1** dan **Gambar 7.2**.

Gambar 7.1
Keadaan Gerai Dan Bangunan Sementara Yang Uzur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pasar Sementara, Jerteh
Tarikh: 21 September 2011

Gambar 7.2
Keadaan Gerai Dan Bangunan Sementara Yang Uzur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok D, Tapak Pasar Sementara, Jerteh
Tarikh: 21 September 2011

7.4.1.3. Permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Lewat Diluluskan

- a. Permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa oleh Kontraktor hendaklah dimohon sebelum tamat tempoh kontrak. Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa ke-2 dan ke-3 telah dikemukakan kepada Majlis untuk kelulusan selepas tamat tempoh kontrak seperti **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2

Permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Lewat Diluluskan

Tarikh Kontrak Sepatutnya Tamat	Lanjutan Masa	Tarikh Permohonan Lanjutan Masa	Lanjutan Masa Diluluskan		
			Tarikh	Tempoh	Jumlah (Minggu)
27.12.2009	2	06.04.2010	07.04.2010	28.12.2009 hingga 23.02.2011	60
23.02.2011	3	30.03.2011	21.04.2011	24.02.2011 hingga 07.09.2011	29

Sumber: Majlis Daerah Besut

b. **Maklum balas daripada Perunding Utama bertarikh 15 Februari 2012, menyatakan perkara seperti berikut:**

- i. Tempoh Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa ke-3 berakhir sehingga 7 September 2011 dan pihak Perunding Utama telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) pada 8 November 2011 untuk pengesahan pihak Majlis.
- ii. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Tapak pada 7 September 2011, pihak Kontraktor diminta membuat permohonan lanjutan masa ke-4. Ini adalah berdasarkan kelewatan mendapatkan bekalan elektrik pada bangunan Pencawang TNB untuk Blok A (yang mana melibatkan pihak ketiga).
- iii. Pihak Kontraktor telah mengemukakan permohonan pada 8 September 2011 dan ulasan semakan oleh Perunding Mekanikal Dan Elektrik telah diterima pada 31 Oktober 2011.
- iv. Perunding Utama telah mengemukakan dan memajukan ulasan tersebut bersama permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa ke-4 pada 10 November 2011.
- v. Tempoh Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa ke-4 diluluskan sehingga 21 Mac 2012.

7.4.1.4. Pelepasan Tanggungjawab Perunding Terhadap Perubahan Kerja Yang Dilaksanakan Oleh Kontraktor

- a. WNA Consultant Sdn. Bhd. sebagai Perunding Sivil Dan Struktur yang dilantik oleh Perunding Utama telah memaklumkan tidak lagi bertanggungjawab sepenuhnya ke atas reka bentuk struktur bagi bangunan Bazar A termasuk cerucuk Bazar B memandangkan kerja-kerja pembinaan di tapak dibuat berdasarkan lukisan pembinaan yang dikeluarkan oleh perunding-perunding yang dilantik oleh pihak kontraktor. Sehubungan dengan ini, perunding-perunding pihak kontraktor telah membuat Akuan Penerimaan Tanggungjawab untuk perubahan kerja serta

penyeliaan bagi reka bentuk alternatif dan kerja-kerja *special demolition work* seperti **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Pelepasan Tanggungjawab Perunding Terhadap Perubahan Kerja Yang Dilaksanakan Oleh Kontraktor

Bil.	Item Kerja	Rujukan Dokumen Kontrak	Kerja Asal Mengikut Dokumen Kontrak	Perubahan Kerja Yang Telah Dilaksanakan Oleh Kontraktor
1.	Kerja-kerja penanaman cerucuk Bazar B	Bahagian B/ <i>Piling Works</i> Helaian PILING/B/A/1 Item A	Menggunakan <i>Jacked In System Equipment</i> .	Menggunakan Jentera Cerucuk <i>Hydraulic Piling Hammer</i> .
2.	Saiz cerucuk Bazar B	Bahagian B/ <i>Piling Works</i> Helaian PILING/B/A/2 dan lukisan WNA06/ JERTEHSOUQ/ 5018/C/RT/2	250 mm x 250 mm <i>initial pile 9 m & extension pile 6 m long</i> .	200 mm x 200 mm <i>initial & extension pile 6 m long</i> .
3.	Ujian bebanan terhadap kerja-kerja cerucuk	Bahagian E/ <i>Building Block A</i> Helaian <i>BLOCK A/E/F/1</i> hingga <i>BLOCK A/E/F/3</i>	Ujian bebanan yang sepatutnya dilaksanakan adalah " <i>LoadTest</i> ".	Ujian bebanan yang telah dilaksanakan adalah <i>Pile Driving Analyzer (PDA) Test</i> .
4.	Kerja-kerja membina tembok penahan termasuk <i>Ramp Drive-Way</i>	Bahagian D/ <i>Lower Ground Block</i> Helaian LOW. GRD. A&B/D/A/1 Item M & N dan lukisan WNA06/ JERTEHSOUQ/ 5018/STR/GN/01	Menggunakan konkrit Gred 35 untuk C2(b) <i>basement slab and wall</i> .	Menggunakan konkrit Gred 25.
5.	Saiz BRC (Tetulang Jaring)	Bahagian E/ <i>Building Block A</i> Helaian <i>BLOCK A/E/A/2</i>	Saiz sepatutnya digunakan adalah BRC A9.	Kontraktor menggunakan BRC bersaiz A8 pada bangunan tambahan dan BRC bersaiz A6 pada bahagian <i>carriage way</i> semasa pembinaan.
6.	Pemasangan kekuda bambung	Bahagian E/ <i>Building Block A</i> Helaian <i>BLOCK A/E/F/1-A/E/F/4</i>	WNA Consultant Sdn. Bhd. telah mereka bentuk kerangka kekuda bambung.	Kontraktor melaksanakan perubahan reka bentuk kerangka kekuda bambung.
7.	<i>Controlled Demolition Work (CDW)</i>	Bahagian C/ <i>Demolition And Alteration Works</i>	WNA Consultant Sdn. Bhd. telah mereka bentuk kerja-kerja CDW.	Kontraktor melaksanakan perubahan reka bentuk kerja-kerja CDW.

Sumber: Majlis Daerah Besut

- b. Maklum balas daripada Perunding Utama bertarikh 15 Februari 2012, menyatakan perkara seperti berikut:**
- i.** Sehingga kini segala kerja di tapak telah dijalankan dengan berdasarkan spesifikasi yang telah dipersetujui.
 - ii.** Terdapat pindaan yang terpaksa dibuat memandangkan perubahan skop kerja telah diubah dan pembangunan fasa akan datang tidak lagi relevan. Pindaan-pindaan tersebut telah diproses dengan mengemukakan beberapa siri Arahan Perubahan Kerja kepada pihak Majlis.
 - iii.** Sehingga kini, bayaran hanya dibuat berdasarkan kerja di tapak yang mematuhi spesifikasi yang telah diluluskan sahaja. Sebarang pindaan di tapak yang tidak mendapat pengesahan perunding berkaitan tidak akan diluluskan untuk tujuan pembayaran.

Pada pendapat Audit, kerja-kerja hendaklah disiapkan mengikut tempoh kontrak dan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa hendaklah diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan.

7.4.2. Kualiti Kerja Tidak Memuaskan

7.4.2.1. Lawatan Audit ke tapak Projek pada bulan Oktober 2011 mendapati berlaku kerosakan dan kecacatan kerja seperti **Gambar 7.3**, **Gambar 7.5**, **Gambar 7.7**, **Gambar 7.9** dan **Gambar 7.11**. Bagaimanapun selepas teguran Audit, didapati pihak kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan terhadap kerosakan dan kecacatan tersebut seperti **Gambar 7.4**, **Gambar 7.6**, **Gambar 7.8**, **Gambar 7.10** dan **Gambar 7.12**.

Gambar 7.3
Air Bertakung Di Food Court



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Food Court, Bazar A, Jerneh Souq, Besut
Tarikh: 3 Oktober 2011

Gambar 7.4
Tindakan Pembaikan Telah Diambil



Sumber: Kontraktor
Lokasi: Food Court, Bazar A, Jerneh Souq, Besut
Tarikh: 28 April 2012

Gambar 7.5
Air Bertakung Di Kaki Lima Food Court




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 1, Bazar A, Jerneh Souq, Besut
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 7.6
Tindakan Pembaikan Telah Diambil



Sumber: Kontraktor
Lokasi: Tingkat 1, Bazar A, Jerneh Souq, Besut
Tarikh: 28 April 2012

Gambar 7.7
Kesan Resapan Air Di Sepanjang Rasuk




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bazar A, Jerteh Souq, Besut
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 7.8
Tindakan Pembaikan Telah Diambil




Sumber: Kontraktor
Lokasi: Bazar A, Jerteh Souq, Besut
Tarikh: 28 April 2012

Gambar 7.9
Kebocoran Bumbung Menyebabkan Resapan Air Di Siling



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat Atas Bazar A, Jerteh Souq, Besut
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 7.10
Tindakan Pembaikan Telah Diambil



Sumber: Kontraktor
Lokasi: Tingkat Atas Bazar A, Jerteh Souq, Besut
Tarikh: 28 April 2012

Gambar 7.11
Air Bertakung Di Lantai Disebabkan Bumbung Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat Atas Bazar A, Jerteh Souq, Besut
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 7.12
Tindakan Pembaikan Telah Diambil



Sumber: Kontraktor
Lokasi: Tingkat Atas Bazar A, Jerteh Souq, Besut
Tarikh: 28 April 2012

7.4.2.2. Maklum balas daripada Perunding Utama bertarikh 15 Februari 2012, menyatakan perkara seperti berikut:

- a. Sehingga kini, tapak projek masih belum diserahkan kepada Majlis. Oleh yang demikian, tanggungjawab kerosakan bahan/struktur di tapak adalah di bawah tanggungan pihak Kontraktor.
- b. Teguran kerosakan di tapak telah dikemukakan oleh Kerani Tapak secara lisan dan bertulis.
- c. Kontraktor ditegaskan perlu melaksanakan kerja pembaikan tersebut sebelum penyerahan dibuat secara rasmi.
- d. Adalah dimaklumkan juga, kerosakan yang berlaku selepas tempoh kecacatan turut menjadi tanggungjawab pihak Kontraktor selama tempoh kecacatan yang telah dipersetujui.

Pada pendapat Audit, kecacatan dan kerosakan yang berlaku perlu diperbaiki dengan kadar segera dan pemantauan hendaklah dilakukan bagi memastikan kecacatan dibaiki.

7.4.3. Penggunaan Bangunan Sebelum Sijil Kelayakan Menduduki/Perakuan Siap Atau Sijil Kelayakan Menduduki Sementara Dikeluarkan

7.4.3.1. Mengikut Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Tahun 1984, tiada seorang pun boleh menduduki atau membenarkan menduduki mana-mana bahagian bangunan melainkan Sijil Layak Menduduki atau Perakuan Siap telah dikeluarkan di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (Akta 133). Semakan Audit mendapati Kontraktor telah membuat penyerahan bangunan Bazar A kepada Majlis mulai 7 Ogos 2011 melibatkan kawasan *food court*, unit kedai di tingkat pertama dan kedua, *Mini Anchor Tenant* dan 6 unit *Mobile Kiosk*. Majlis telah memberi kebenaran kepada para peniaga untuk menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan bangunan tersebut walaupun Sijil Kelayakan Menduduki/Perakuan Siap atau Sijil Kelayakan Menduduki Sementara belum dikeluarkan. Sebahagian peniaga yang ditawarkan lot kedai telah memulakan perniagaan di Bazar A seperti **Gambar 7.13** dan **Gambar 7.14**.

Gambar 7.13
Lot Kedai Yang Telah Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bazar A, Jerteh Souq, Besut
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 7.14
Aktiviti Perniagaan Telah Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bazar A, Jerteh Souq, Besut
Tarikh: 4 Oktober 2011

7.4.3.2. Maklum balas daripada Perunding Utama bertarikh 15 Februari 2012, menyatakan perkara seperti berikut:

- a. Semasa penyerahan berperingkat dibuat, kerja-kerja struktur bangunan telah siap sepenuhnya. Oleh yang demikian, keselamatan untuk menduduki buat sementara waktu boleh dilakukan dengan penyerahan secara berperingkat di mana hanya melibatkan bangunan Bazar A sahaja.
- b. Pada masa sekarang, keadaan fizikal sebenar di tapak untuk aspek fizikal bangunan telah/boleh dikatakan sudah siap secara keseluruhan, cuma 5% lagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik iaitu sambungan bekalan elektrik secara tetap sahaja masih di dalam proses.
- c. Berdasarkan maklum balas Majlis, Sijil Kelayakan Menduduki telah dikeluarkan pada 18 Mac 2012.

7.4.4. Penyambungan Elektrik Sementara Membahayakan Pengguna

Susulan daripada kebenaran menjalankan aktiviti perniagaan di bangunan Bazar A, penyambungan elektrik secara sementara dilakukan bagi membolehkan bangunan Bazar A beroperasi. Penyambungan sementara ini dilakukan kerana pihak Tenaga Nasional Berhad tidak meluluskan elektrik disambung secara kekal disebabkan pakej-pakej lain yang terdapat dalam keseluruhan Projek belum siap dibina sepenuhnya. Penyambungan elektrik secara sementara mewujudkan keadaan yang tidak selamat dan selesa kepada para peniaga untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Lawatan Audit ke tapak Projek pada bulan Oktober 2011 menunjukkan kerja penyambungan elektrik secara sementara telah dilakukan seperti **Gambar 7.15, Gambar 7.17 dan Gambar 7.19. Bagaimanapun berdasarkan maklum balas kontraktor bertarikh 30 April 2012, didapati penyambungan elektrik telah dilaksanakan secara kekal setelah teguran Audit seperti Gambar 7.16, Gambar 7.18 dan Gambar 7.20.**

Gambar 7.15
Sambungan Kabel Elektrik Sementara
Merentangi Laluan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bazar A, Jerteh Souq, Besut
 Tarikh: 3 Oktober 2011

Gambar 7.16
Tiada Kabel Elektrik Sementara Selepas
Sambungan Elektrik Kekal



Sumber: Kontraktor
 Lokasi: Bazar A, Jerteh Souq, Besut
 Tarikh: 28 April 2012

Gambar 7.17
Sambungan Kabel Elektrik Sementara
Merentangi Laluan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bazar A, Jerteh Souq, Besut
 Tarikh: 3 Oktober 2011

Gambar 7.18
Tiada Kabel Elektrik Sementara Selepas
Sambungan Elektrik Kekal



Sumber: Kontraktor
 Lokasi: Bazar A, Jerteh Souq, Besut
 Tarikh: 28 April 2012

Gambar 7.19
Penyambungan Elektrik Sementara



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bazar A, Jerteh Souq, Besut
 Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 7.20
Tiada Kabel Elektrik Sementara Selepas
Sambungan Elektrik Kekal



Sumber: Kontraktor
 Lokasi: Bazar A, Jerteh Souq, Besut
 Tarikh: 28 April 2012

Pada pendapat Audit, pihak Majlis hendaklah mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki/Perakuan Siap Atau Sijil Kelayakan Menduduki Sementara terlebih dahulu sebagai jaminan bahawa bangunan tersebut selamat untuk diduduki.

7.4.5. Yuran Perkhidmatan Perunding Terlebih Bayar

7.4.5.1. Perunding Utama telah dilantik oleh Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Dan Pelantikan Perunding Swasta Negeri Terengganu pada 16 Mei 2006 untuk melaksanakan kerja-kerja mereka bentuk, penyediaan dokumen tender dan penyeliaan Projek. Perjanjian di antara Perunding Utama dan Kerajaan Negeri telah ditandatangani pada 12 Disember 2006. Perjanjian ini telah dipinda dengan mengambil kira perubahan kadar yuran perkhidmatan perunding yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Teknikal pada 10 Mac 2009 supaya yuran perkhidmatan perunding sebanyak 15% dikurangkan kepada 10%. Pindaan perjanjian telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri melalui surat bertarikh 3 April 2011 iaitu 2 tahun selepas keputusan Mesyuarat Teknikal. Penetapan kadar baru adalah seperti **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Kadar Baru Yuran Perkhidmatan Perunding

Nama Perunding	Perkhidmatan	Kadar Yuran (%)
SAM Arkitek Perunding (Perunding Utama)	Arkitek	4.5
WNA Consultant Sdn. Bhd.	Sivil Dan Struktur	2.5
Wan Husin & Associates Sdn. Bhd.	Mekanikal Dan Elektrikal	1.5
AMD Associates	Ukur Bahan	1.5
Jumlah		10

Sumber: Majlis Daerah Besut

7.4.5.2. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah menjelaskan yuran perkhidmatan perunding kepada Perunding Utama sejumlah RM2.86 juta berdasarkan kepada kadar yuran 15% tanpa mengambil kira kadar bayaran yang telah dikurangkan. Sekiranya mengambil kira pengurangan kadar yuran kepada 10%, jumlah bayaran yuran perkhidmatan perunding yang perlu dibayar oleh Kerajaan adalah RM2.36 juta (termasuk 5% Cukai Perkhidmatan Kerajaan). Dengan ini bayaran kepada perunding telah terlebih bayar sejumlah RM0.50 juta seperti mana kiraan **Jadual 7.5**. Pihak UPEN memaklumkan akan menuntut bayaran terlebih tersebut setelah membuat pengiraan semula dengan menimbangkan bayaran di atas kerja-kerja pakej lain yang belum dijelaskan seperti kerja-kerja tender Pakej C pada tahun 2007 dan penyediaan reka bentuk bagi Pakej B, C, D dan E yang termasuk dalam keseluruhan rancangan pelaksanaan Projek Jerteh Souq.

Jadual 7.5
Bayaran Yuran Perkhidmatan Perunding Terlebih Bayar

Perkara		Jumlah (RM Juta)
a.	Bayaran yang dijelaskan mengikut kadar lama (15%)	
	- No. Baucar V0162078 (17.12.2006) - Kerajaan Tempatan	0.80
	- No. Baucar V0162184 (19.12.2006) - Kerajaan Tempatan	0.50
	- No. Baucar V0162185 (19.12.2006) - Kerajaan Tempatan	0.37
	- No. Baucar V0163002 (06.05.2007) - Kerajaan Tempatan	0.81
	- No. Baucar V0002115 (17.03.2008) - UPEN	0.38
Jumlah Keseluruhan (a)		2.86
b.	Perkiraan mengikut kadar baru (10%)	
	- Yuran Perunding 10% - (RM22,500,000 X 10%)	2.25
	- Cukai Perkhidmatan Kerajaan 5% - (RM2,250,000 X 5%)	0.11
Jumlah Keseluruhan (b)		2.36
Jumlah Terlebih Dibayar (a-b)		0.50

Sumber: Majlis Daerah Besut

Pada pendapat Audit, lebih bayaran hendaklah dituntut semula daripada perunding.

7.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perancangan dan pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Majlis Daerah Besut mengambil langkah-langkah berikut:

7.5.1. Memastikan bayaran dibuat mengikut kadar yang ditetapkan serta memastikan perunding yang dilantik melaksanakan tanggungjawabnya bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

7.5.2. Memastikan kecacatan dan kerosakan yang berlaku diperbaiki dengan kadar segera dan pemantauan hendaklah dilakukan bagi memastikan kecacatan berkenaan dibaiki.

7.5.3. Memastikan Sijil Kelayakan Menduduki/Perakuan Siap atau Sijil Kelayakan Menduduki Sementara dikeluarkan sebelum kebenaran diberi untuk menduduki bangunan tersebut bagi menjamin keselamatan pengguna.

MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

8. PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK YANG DIBIYAI OLEH KERAJAAN NEGERI DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Majlis Daerah Hulu Terengganu (Majlis) ditubuhkan pada 1 Januari 1981, di bawah Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Daerah Hulu Terengganu berkeluasan 3,874.63 kilometer persegi yang meliputi 9 mukim iaitu Kuala Berang, Tanggul, Tersat, Penghulu Diman, Jenagor, Hulu Telemong, Hulu Terengganu, Hulu Berang dan Kuala Telemong. Objektif utama Majlis ditubuhkan adalah menyediakan dan menyenggarakan kemudahan awam dan infrastruktur serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam untuk masyarakat setempat.

8.1.2. Pembinaan kemudahan awam dan penyenggaraannya dibiayai melalui sumber dalaman Majlis dan juga peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Bagi projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri, urusan perolehan seperti membuat tawaran dan mengeluarkan tender dilaksanakan oleh Majlis manakala pemilihan kontraktor dibuat oleh Lembaga Perolehan Negeri. Majlis merupakan Pegawai Penguasa bagi projek-projek berkenaan. Selain memantau kemajuan kerja, Majlis juga mengesahkan perakuan bayaran yang disediakan oleh perunding sebelum dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) untuk pembayaran kepada kontraktor. Projek yang siap dilaksanakan akan diserahkan kepada Majlis dan penyenggaraan serta pembaikan adalah di bawah tanggungjawab Majlis.

8.1.3. Bagi tahun 2009 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM22.04 juta untuk menyiapkan 17 projek di kawasan pentadbiran Majlis. Antara projek tersebut adalah membina pasar, membina terminal pengangkutan awam dan memasang serta menaik taraf longkang.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pelaksanaan projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur serta berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek bagi tahun 2009 hingga 2011. Projek yang dipilih untuk diaudit ialah projek pembinaan pasar, projek pembinaan terminal pengangkutan awam dan 4 projek pemasangan longkang iaitu di Kampung Jak, Tanah Lot Batu 18, Sungai Petai dan Sungai Bajar yang terletak di kawasan pentadbiran Majlis. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail projek berkenaan. Selain itu, lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang terlibat turut diadakan.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Projek lewat disiapkan.
- Kualiti kerja kurang memuaskan.
- Penggunaan bangunan sebelum Perakuan Siap Dan Pematuhan dikeluarkan.

8.4.1. Projek Lewat Disiapkan

Projek hendaklah disiapkan mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati 5 daripada 6 projek yang dipilih sebagai sampel Audit tidak dapat disiapkan mengikut tempoh asal kontrak di mana berlaku kelewatan serius antara 475 hingga 825 hari seperti **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Projek Lewat Disiapkan

Bil.	Nama Projek	Dokumen Kontrak			Tarikh Sebenar Siap	Kelewatan (Hari)	Kos Projek (RM Juta)
		Tarikh Mula	Tarikh Siap	Tempoh (Minggu)			
1.	Pasar Besar Kuala Berang	03.12.2006	01.06.2008	78	05.09.2010	825	9.49
2.	Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang	03.03.2008	25.10.2009	86	06.07.2011	620	4.12
3.	Longkang di Kampung Jak, Ajil	20.12.2006	19.12.2007	52	28.02.2010	801	2.79
4.	Longkang di Sungai Petai, Kuala Berang	20.02.2007	10.02.2009	104	31.05.2010	475	4.20
5.	Longkang di Sungai Bajar, Kuala Berang	20.02.2007	10.02.2009	104	31.05.2010	475	3.19

Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu

8.4.1.1. Pembinaan Pasar Besar Kuala Berang

Pembinaan pasar besar ini adalah bagi menggantikan pasar lama yang berusia lebih 20 tahun. Ia dibina di atas tapak pasar lama dengan kos RM9.49 juta. Tujuan utama projek ini adalah untuk mengatasi ruang perniagaan yang tidak mencukupi bagi menampung jumlah peniaga yang semakin bertambah serta menyusun semula ruang niaga mengikut jenis perniagaan. Selain itu, ia juga bagi mengatasi masalah peniaga yang menjalankan perniagaan di tempat awam. Mengikut syarat kontrak, tempoh penyediaan projek ini adalah selama 78 minggu iaitu dari 3 Disember 2006 hingga 1 Jun 2008. Bagaimanapun, projek ini hanya dapat disiapkan pada 5 September 2010 setelah diluluskan 4 lanjutan masa selama 825 hari seperti **Jadual 8.2**. Kesan daripada kelewatan tersebut telah menyebabkan para peniaga dan orang awam tidak dapat berurusan dalam keadaan yang selesa.

Jadual 8.2
Lanjutan Masa Yang Diluluskan Bagi Projek Pasar Besar Kuala Berang

Lanjutan Masa	Tempoh	Bilangan (Hari)	Sebab Lanjutan Masa
1 dan 2	01.06.2008 hingga 17.01.2009	230	<ul style="list-style-type: none">• Pindaan kepada pelan perincian pasar sementara.• Kelewatan perpindahan para peniaga ke tapak pasar sementara.
3	17.01.2009 hingga 30.11.2009	317	<ul style="list-style-type: none">• Pindaan kedudukan <i>trenches substation</i> Tenaga Nasional Berhad.• Penambahan <i>retaining wall</i> untuk <i>septic tank</i>.• Tambahan <i>slab concrete</i> kedai tingkat satu bagi mematuhi keperluan Jabatan Bomba Dan Penyelamat.• Masalah bekalan konkrit bancuh siap.
4	30.11.2009 hingga 05.09.2010	278	<ul style="list-style-type: none">• Kerja-kerja merobohkan <i>substation</i> Tenaga Nasional Berhad sedia ada dan membina sebahagian bangunan <i>wet market</i> di kawasan tersebut.
Jumlah		825	

Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu

8.4.1.2. Pembinaan Terminal Pengangkutan Awam

Terminal pengangkutan awam dibina bagi menaik taraf sistem pengangkutan awam di Bandar Kuala Berang dengan menempatkan perkhidmatan bas dan teksi secara berpusat bagi memberi kemudahan kepada orang ramai. Projek ini bernilai RM4.12 juta dengan tempoh penyediaan projek selama 86 minggu iaitu bermula pada 3 Mac 2008 hingga 25 Oktober 2009. Semakan Audit mendapati projek ini tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan telah diluluskan lanjutan masa sehingga 31 Januari 2010 iaitu selama 14 minggu dengan alasan kelewatan perpindahan pejabat Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dari tapak bina serta kenaikan harga bahan binaan. Bagaimanapun, kontraktor masih gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh lanjutan masa yang diluluskan. Kontraktor telah memohon lanjutan masa yang kedua pada 17 Januari 2010 dengan alasan insiden runtuh bumbung kaca pada 21 Disember 2009 tetapi tidak diluluskan oleh Pejabat SUK. Projek ini hanya dapat disiapkan pada 6 Julai

2011 iaitu lewat selama 620 hari dari tarikh asal sepatutnya disediakan dan kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM397,868. Kelewatan ini telah menyebabkan orang awam tidak dapat menggunakan kemudahan yang disediakan mengikut waktu yang ditetapkan.

8.4.1.3. Projek Longkang Di Kampung Jak, Ajil

Tempoh penyiapan projek ini adalah selama 52 minggu iaitu dari 20 Disember 2006 hingga 19 Disember 2007 dengan harga kontrak RM2.79 juta. Semakan Audit mendapati kontraktor telah diluluskan 4 lanjutan masa selama 801 hari sehingga 28 Februari 2010 seperti **Jadual 8.3**. Projek ini berjaya disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan.

Jadual 8.3

Lanjutan Masa Yang Diluluskan Bagi Projek Longkang Di Kampung Jak, Ajil

Lanjutan Masa	Tempoh	Bilangan (Hari)	Sebab Lanjutan Masa
1	19.12.2007 hingga 19.09.2008	274	<ul style="list-style-type: none"> Masalah pengambilan balik tanah yang belum selesai.
2	19.09.2008 hingga 17.01.2009	120	<ul style="list-style-type: none"> Kenaikan harga bahan binaan. Masalah pengambilan balik tanah.
3	17.01.2009 hingga 30.06.2009	164	<ul style="list-style-type: none"> Masalah pengambilan balik tanah.
4	30.06.2009 hingga 28.02.2010	243	<ul style="list-style-type: none"> Masalah pengambilan balik tanah. Perubahan kerja tambahan bagi mendapatkan aras dasar yang dikehendaki.
Jumlah		801	

Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu

8.4.1.4. Projek Longkang Di Sungai Petai Dan Sungai Bajar, Kuala Berang

Tempoh penyiapan 2 projek longkang di Sungai Petai dan Sungai Bajar, Kuala Berang adalah selama 104 minggu iaitu bermula 20 Februari 2007 hingga 10 Februari 2009 dengan harga kontrak masing-masing berjumlah RM4.20 juta dan RM3.19 juta. Semakan Audit mendapati kedua-dua projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh asal seperti yang ditetapkan dan telah diluluskan 3 kali lanjutan masa selama 475 hari iaitu sehingga 31 Mei 2010 seperti **Jadual 8.4**. Kedua-dua projek tersebut berjaya disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan.

Jadual 8.4

Lanjutan Masa Yang Diluluskan Bagi Projek Longkang Di Sungai Petai Dan Sungai Bajar

Lanjutan Masa	Projek Sungai Petai		Projek Sungai Bajar		Sebab Lanjutan Masa
	Tempoh	Bilangan (Hari)	Tempoh	Bilangan (Hari)	
1	10.02.2009 hingga 30.06.2009	140	10.02.2009 hingga 16.07.2009	156	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah pengambilan balik tanah. • Perubahan kerja tambahan.
2	30.06.2009 hingga 15.12.2009	168	16.07.2009 hingga 15.12.2009	152	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah pengambilan balik tanah. • Perubahan kerja tambahan.
3	15.12.2009 hingga 31.05.2010	167	15.12.2009 hingga 31.05.2010	167	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah pengambilan balik tanah.
Jumlah		475		475	

Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu

Pada pendapat Audit, perancangan projek perlu dibuat dengan teliti. Koordinasi dan komunikasi antara jabatan/agensi yang terlibat perlu ditingkatkan agar proses berkaitan seperti pengambilan balik tanah, perpindahan pejabat serta keperluan ulasan daripada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta pihak swasta seperti Tenaga Nasional Berhad dapat diselesaikan bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek.

8.4.2. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Lawatan Audit ke tapak pembinaan pasar besar dan terminal pengangkutan awam di Kuala Berang pada 4 dan 5 Oktober 2011 mendapati berlaku kerosakan dan kecacatan kerja. Mengikut penjelasan Majlis bertarikh 23 Februari 2012, arahan pembaikan telah dimaklumkan secara lisan dan surat ulangan telah dikemukakan bagi kecacatan yang perlu dibaiki dengan segera serta kecacatan lain yang baru dikenal pasti. Berdasarkan maklum balas serta lawatan susulan mendapati semua kerosakan dan kecacatan telah dibaiki seperti berikut:

8.4.2.1. Pasar Besar Kuala Berang

Pasar Besar Kuala Berang telah siap dibina pada 5 September 2010 dan tempoh tanggungan kecacatan bermula pada 6 September 2010 hingga 19 Disember 2011. Berdasarkan kepada laporan kecacatan yang telah dikeluarkan oleh Majlis kepada kontraktor pada 16 Ogos 2011, terdapat 3 kecacatan telah dikenal pasti iaitu kebocoran pada atap, kerosakan pada siling dan pintu *roller shutter* tidak dapat digunakan dengan sempurna. Pemeriksaan Audit pada 26 Mac 2012 mendapati kecacatan tersebut telah diperbaiki. Selain itu, terdapat beberapa kerja yang kurang memuaskan seperti tidak ada *copper bridge* pada sambungan *trunking* dan air keluar (*overflow*) pada saluran lebihan air. **Gambar 8.1** hingga **Gambar 8.4** menunjukkan kerosakan dan kecacatan semasa lawatan Audit dan tindakan pembaikan yang diambil setelah teguran Audit.

Gambar 8.1
Tidak Ada *Copper Bridge* Pada Sambungan *Trunking*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 8.2
Copper Bridge Pada Sambungan *Trunking* Telah Dipasang



Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu
Lokasi: Pasar Besar Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 10 Mei 2012

Gambar 8.3
Air Keluar (*Overflow*) Pada Saluran Lebihan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 8.4
Saluran Lebihan Air Telah Dibaiki




Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu
Lokasi: Pasar Besar Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 10 Mei 2012

8.4.2.2. Terminal Pengangkutan Awam

Terminal pengangkutan awam telah siap dibina pada 6 Julai 2011 dan tempoh tanggungan kecacatan bermula pada 7 Julai 2011 hingga 6 Julai 2012. Pada 16 Ogos 2011, laporan kecacatan telah dikeluarkan kepada kontraktor iaitu siling tercabut, zink keliling bangunan kemek, kebocoran atap dan semua rantai besi penggantung lampu berkarat. **Gambar 8.5** hingga **Gambar 8.14** menunjukkan kerosakan dan kecacatan semasa lawatan Audit dan selepas tindakan diambil oleh pihak yang terlibat.

Gambar 8.5
Siling Tidak Dipasang Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 8.6
Siling Telah Dipasang Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 26 Mac 2012

Gambar 8.7
Rantai Besi Penggantungan Lampu Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 8.8
Rantai Besi Penggantungan Lampu Telah Dicat Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 26 Mac 2012

Gambar 8.9
Zink Keliling Bangunan Kemek




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 8.10
Zink Keliling Bangunan Telah Dibaiki




Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu
Lokasi: Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 22 Mei 2012

Gambar 8.11
Siling Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 8.12
Siling Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu
Lokasi: Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 22 Mei 2012

Gambar 8.13
Air Bertakung Disebabkan
Kebocoran Pada Atap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 8.14
Kebocoran Pada Atap Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu
Lokasi: Terminal Pengangkutan Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu
Tarikh: 22 Mei 2012

Pada pendapat Audit, semua kerosakan dan kecacatan yang berlaku perlu diperbaiki dengan kadar segera.

8.4.3. Penggunaan Bangunan Sebelum Perakuan Siap Dan Pematuhan Dikeluarkan

Perakuan Siap Dan Pematuhan adalah bertujuan memperakukan bangunan yang dibina telah mematuhi semua aspek dan selamat untuk diduduki. Ini selaras dengan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Tahun 1984 yang menetapkan tiada seorang pun boleh menduduki atau membenarkan menduduki mana-mana bahagian bangunan melainkan Perakuan Siap Dan Pematuhan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati sebahagian bangunan Pasar Besar Kuala Berang telah diduduki dan aktiviti perniagaan telah beroperasi walaupun Perakuan Siap Dan Pematuhan belum dikeluarkan. **Mengikut penjelasan Majlis bertariikh 23 Februari 2012, pihak Arkitek kini dalam proses mengeluarkan Perakuan Siap Dan Pematuhan.**

Pada pendapat Audit, bangunan Pasar Besar Kuala Berang tiada jaminan keselamatan untuk diduduki memandangkan Perakuan Siap Dan Pematuhan belum dikeluarkan.

8.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain adalah disyorkan Majlis mengambil langkah-langkah berikut:

8.5.1. Memastikan perancangan dibuat dengan teliti dan koordinasi serta komunikasi antara jabatan/agensi yang terlibat perlu ditingkatkan agar proses-proses berkaitan seperti pengambilan balik tanah, perpindahan pejabat dan keperluan ulasan daripada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta pihak swasta seperti Tenaga Nasional Berhad dapat diselesaikan bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek.

8.5.2. Memastikan Perakuan Siap Dan Pematuhan dikeluarkan sebelum kebenaran diberi untuk menduduki bangunan Pasar Besar Kuala Berang bagi menjamin keselamatan peniaga dan pengguna.

MAJLIS SUKAN NEGERI TERENGGANU

9. PENYEDIAAN KEMUDAHAN DAN PERALATAN SUKAN

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) telah ditubuhkan pada tahun 1972 selaras dengan ketetapan Seksyen 7(1) Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 yang menghendaki Majlis Sukan Negeri ditubuhkan di setiap negeri. Objektif MSNT adalah antaranya untuk memastikan kemudahan sukan yang mencukupi bagi pembangunan sukan daripada peringkat akar umbi selaras dengan Dasar Sukan Negara. Selain itu, MSNT bertanggungjawab menyenggara semua harta milik MSNT supaya berada pada tahap boleh guna yang tinggi; merancang, mencadang dan menasihati Kerajaan Negeri dalam penyediaan pusat latihan baru dan pengendalian pusat latihan sedia ada; serta menggalakkan kepelbagaian dan penggunaan optimum kemudahan milik MSNT. Antara kemudahan sukan milik MSNT adalah trek latihan olahraga, dewan gimnasium, pusat latihan angkat berat, gelanggang silat dan gelanggang sukan ekstrem.

9.1.2. Pada tahun 2009 hingga 2011, MSNT telah membelanjakan sejumlah RM3.22 juta bagi menyediakan kemudahan dan peralatan sukan seperti **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Perbelanjaan Kemudahan Dan Peralatan Sukan
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Jumlah (RM Juta)
2009	0.23
2010	1.93
2011	1.06
Jumlah	3.22

Sumber: Majlis Sukan Negeri Terengganu

9.1.3. Sepanjang penganjuran kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) bermula pada tahun 1986 hingga 2011, kontinjen Terengganu telah muncul sebagai kuasa baru sukan tanah air dengan meraih gelaran juara keseluruhan SUKMA selama 3 edisi kejohanan berturut-turut iaitu pada SUKMA ke-12 (tahun 2008) hingga SUKMA ke-14 (tahun 2011). Pada SUKMA ke-12, kontinjen Negeri Terengganu telah meraih sebanyak 61 pingat emas yang mana hampir menyamai kutipan pingat emas terkumpul bagi 11 edisi SUKMA sebelumnya dari tahun 1986 hingga 2006 iaitu sebanyak 65 pingat.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada penyediaan kemudahan dan peralatan sukan MSNT telah dirancang, digunakan dan disenggarakan dengan sempurna bagi mencapai matlamatnya.

9.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perolehan, penggunaan, penyenggaraan dan pemantauan terhadap penyediaan kemudahan dan peralatan sukan oleh MSNT bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod berkaitan penyediaan kemudahan dan peralatan sukan serta temu bual dengan pegawai MSNT, wakil persatuan sukan, jurulatih dan para atlet. Selain itu, lawatan ke beberapa lokasi kemudahan dan penempatan peralatan sukan turut dilakukan seperti di Trek Latihan Olahraga MSNT, Lapangan Sasar (Asas) Memanah di Kem Integriti Teluk Ketapang, Padang Bola Sepak (Padang C) dan Gelanggang Sukan Ekstrem di Kompleks Sukan Negeri Terengganu serta *floating jetty* di Sungai Ibai, Kuala Terengganu.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya penyediaan kemudahan dan peralatan sukan MSNT adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil tindakan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Projek lewat disiapkan.
- Kerja tidak mematuhi spesifikasi.
- Kemudahan sukan tidak disenggarakan dengan baik.
- Daftar pengagihan peralatan sukan tidak disediakan.
- Peralatan sukan belum diagihkan.
- Inden kerja tidak lengkap.

9.4.1. Projek Lewat Disiapkan

9.4.1.1. Kontraktor hendaklah menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan. Arahan Perbendaharaan 201.1(e) membenarkan perlanjutan tempoh kontrak bagi sebut harga sekiranya tidak melibatkan tambahan kos. Pegawai Pengawal boleh menamatkan kerja yang ditawarkan sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja setelah menerima surat amaran sebagaimana kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009. Semakan Audit terhadap 20 fail perolehan bagi kerja membina dan menaik

taraf kemudahan sukan bagi tahun 2009 hingga bulan November 2011 mendapati 12 projek dengan kos RM196,051 telah ditawarkan kepada kontraktor melalui kaedah pemberian terus. Manakala 8 projek dengan kos RM619,925 telah ditawarkan kepada kontraktor menggunakan kaedah sebut harga. Semakan selanjutnya mendapati 3 (15%) daripada keseluruhan 20 projek tersebut dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Manakala sebanyak 17 (85%) projek disiapkan melewati tarikh yang ditetapkan di mana tempoh kelewatan bagi 2 daripada 17 projek tersebut masing-masing adalah 69 dan 106 hari. Pihak Audit juga mendapati 13 daripada projek yang lewat ini tidak mempunyai kebenaran lanjutan masa oleh MSNT kerana tiada permohonan daripada pihak kontraktor terbabit.

9.4.1.2. Maklum balas bertarikh 26 Februari 2012, memaklumkan MSNT telah mengadakan taklimat kepada kontraktor bagi menerangkan peraturan sebut harga dan tindakan yang bakal dikenakan kepada kontraktor jika gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan pada masa akan datang.

Pada pendapat Audit, MSNT hendaklah memastikan projek disiapkan mengikut masa yang ditetapkan supaya kemudahan yang dibina dapat digunakan tepat pada masanya.

9.4.2. Kerja Tidak Mematuhi Spesifikasi

Pelaksanaan kerja hendaklah mengikut pelan dan spesifikasi sebagaimana yang ditetapkan dan setiap perubahan kerja perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu. Pemeriksaan Audit mendapati pembinaan Lapangan Sasar (Asas) Memanah di Kem Integriti Teluk Ketapang, Kuala Terengganu dan pembinaan *floating jetty* di Sungai Ibai, Kuala Terengganu tidak dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam arahan kerja. Kedua-dua projek tersebut telah disiapkan pada tahun 2010 dan pembayaran telah pun dibuat kepada kontraktor berkenaan.

9.4.2.1. Lapangan Sasar (Asas) Memanah Di Kem Integriti Teluk Ketapang, Kuala Terengganu

- a. Lapangan Sasar (Asas) Memanah yang dibina dengan kos RM190,000 di Kem Integriti Teluk Ketapang, Kuala Terengganu telah disiapkan pada 3 Ogos 2010. Berdasarkan keterangan kerja bil. 3(iii), rasuk atas laluan berbumbung memanah hendaklah dibina menggunakan konkrit bertetulang bersaiz 150 mm x 300 mm. Bagaimanapun, didapati rasuk tersebut dibina dengan menggunakan kayu bersaiz 50 mm x 125 mm dan kayu yang digunakan sebagai rasuk tersebut adalah disambung bagi mencukupkan panjang yang ditetapkan seperti **Gambar 9.1** dan **Gambar 9.2**.

Gambar 9.1
Rasuk Atas Dibina Menggunakan Kayu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kem Integriti Teluk Ketapang, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2011

Gambar 9.2
Kayu Rasuk Atas Yang Disambung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kem Integriti Teluk Ketapang, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2011

- b. **Maklum balas MSNT bertarikh 26 Februari 2012**, memaklumkan bahawa persetujuan telah dicapai antara MSNT dengan pihak kontraktor untuk menggantikan rasuk atas laluan berbumbung memanah daripada konkrit bertetulang kepada kayu bersaiz 50 mm x 125 mm. Keputusan tersebut diambil bagi mempercepatkan kerja penyiapan laluan berbumbung untuk digunakan sempena Kejohanan Memanah Sirkuit 1 Kebangsaan 2010 yang dilangsungkan pada 3 hingga 7 Mac 2010. Penggunaan kayu bersaiz tersebut tidak menimbulkan masalah keselamatan kerana ia mampu menampung berat atap yang digunakan serta telah disambung mengikut kehendak teknikal. Pihak kontraktor juga telah mengesahkan bahawa perubahan kerja tersebut tidak menyebabkan perubahan harga bagi pembinaan laluan berbumbung memanah.

9.4.2.2. Floating Jetty Di Sungai Ibai, Kuala Terengganu

Floating jetty yang dibina dengan kos RM19,800 di Sungai Ibai, Kuala Terengganu bagi kegunaan sukan mendayung telah disiapkan pada 11 Januari 2010. Berdasarkan keterangan kerja, papan lantai *floating jetty* yang digunakan hendaklah berukuran 25 mm x 200 mm x **2,400 mm** dan kontraktor dikehendaki membekal dan memasang sebanyak 30 unit tong dram plastik. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati papan lantai *floating jetty* yang digunakan hanya berukuran 25 mm x 200 mm x **1,830 mm** dan sebanyak 24 unit tong dram plastik sahaja yang dipasang pada *floating jetty* tersebut seperti **Gambar 9.3** hingga **Gambar 9.5**. Lebar jeti berkurangan sebanyak 570 mm disebabkan oleh ukuran papan lantai yang digunakan lebih pendek daripada ukuran yang ditetapkan di dalam spesifikasi. **Maklum balas MSNT bertarikh 26 Februari 2012**, memaklumkan bahawa sebahagian kayu papan lantai dan 6 unit tong dram telah digunakan untuk membaiki jeti sedia ada yang rosak di mana berbahaya kepada atlet kano SUKMA 2010 yang menjalani latihan. Perubahan kerja ini telah dipersetujui oleh pihak persatuan dan kontraktor yang dilantik.

yang pecah dan penutup atas *roller shutter* yang terkopak serta membuang besi pagar trek yang membahayakan atlet.

9.4.3.2. Gelanggang Sukan Ekstrem Tidak Disenggara

Pembinaan gelanggang sukan ekstrem di Kompleks Sukan Negeri, Kuala Terengganu meliputi kerja pembinaan tapak konkrit serta memindah dan memasang semula peralatan sukan ekstrem yang sebelumnya dibina dalam kawasan MSNT. Keputusan tersebut dibuat bagi membolehkan latihan sukan prestasi tinggi dijalankan di kawasan gelanggang asal. Selain itu, tapak gelanggang yang baru ini juga memberi lebih ruang kepada pihak persatuan dan penggiat sukan lasak untuk menggunakannya pada bila-bila masa tanpa perlu memohon kebenaran MSNT sebagaimana amalan sebelum ini. Kerja pembinaan gelanggang sukan ekstrem dengan kos RM75,175 ini telah siap dilaksanakan pada 4 Januari 2011. Lawatan Audit pada 28 September 2011 ke lokasi mendapati perkara berikut:

- a. Hujung lantai gelongsor telah terbongkas dengan bukaan setinggi melebihi 5 cm disebabkan *bolt-nut* yang mengikat lantai gelongsor kepada tapak konkrit telah rosak dan berkarat seperti **Gambar 9.6**.

Gambar 9.6
Lantai Gelongsor Yang Terbongkas



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Gelanggang Sukan Ekstrem, Kompleks Sukan Negeri, Kuala Terengganu

Tarikh: 28 September 2011

- b. Gelanggang sukan ekstrem yang baru telah dibina di kawasan terbuka bagi memudahkan semua peminat sukan ekstrem untuk melaksanakan aktiviti sukan tersebut pada bila-bila masa. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati gelanggang ini telah dicemari oleh perbuatan vandalisme dengan lakaran dan tulisan menggunakan semburan cat pada peralatan sukan yang disediakan seperti **Gambar 9.7** dan **Gambar 9.8**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Februari 2012, MSNT memaklumkan bahawa gelanggang sukan ekstrem tersebut telah diserahkan kepada Persatuan Sukan Lasak dan tidak lagi berada di bawah tanggungjawab MSNT.

Gambar 9.7
Kesan Vandalismisme



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gelanggang Sukan Ekstrem, Kompleks Sukan Negeri, Kuala Terengganu
Tarikh: 28 September 2011

Gambar 9.8
Kesan Vandalismisme



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gelanggang Sukan Ekstrem, Kompleks Sukan Negeri, Kuala Terengganu
Tarikh: 28 September 2011

9.4.3.3. Bumbung Dewan Gimnasium, Bilik Persediaan Atlet Dan Gelanggang Silat Bocor


Lawatan Audit ke dewan gimnasium, bilik persediaan atlet perempuan dan gelanggang silat mendapati berlaku kebocoran pada bumbung di 3 lokasi berkenaan. Ini berdasarkan kesan resapan air pada siling dalam dewan gimnasium dan bilik persediaan atlet serta tompokan air di atas lantai gelanggang silat seperti **Gambar 9.9** dan **Gambar 9.11**. Selepas mendapat teguran Audit, MSNT telah mengambil tindakan segera membaiki kebocoran bumbung dewan gimnasium dan bilik persediaan atlet perempuan seperti **Gambar 9.10**. Selain itu, berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Februari 2012, MSNT juga telah memohon peruntukan bagi membaiki kebocoran di gelanggang silat.

Gambar 9.9
Kesan Resapan Air Pada Siling Dalam Bilik Persediaan Atlet Perempuan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Persediaan Atlet Perempuan MSNT, Kuala Terengganu
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 9.10
Siling Dalam Bilik Persediaan Atlet Perempuan Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Sukan Negeri Terengganu
Lokasi: Bilik Persediaan Atlet Perempuan MSNT, Kuala Terengganu
Tarikh: 7 Februari 2012



Gambar 9.11
Tompokan Air Atas Permukaan
Gelanggang Silat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gelanggang Silat MSNT, Kuala
Terengganu
Tarikh: 22 November 2011

Pada pendapat Audit, kemudahan dan peralatan sukan yang disediakan hendaklah disenggarakan dan dibuat pembaikan bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna.

9.4.4. Agihan Peralatan Sukan

9.4.4.1. Daftar Pengagihan Peralatan Sukan Tidak Disediakan

Pada tahun 2009 hingga 2011, MSNT telah membelanjakan sejumlah RM2.27 juta bagi penyediaan peralatan sukan untuk kegunaan latihan dan pertandingan. Mengikut amalan MSNT, peralatan sukan yang dibeli akan diserahkan kepada persatuan sukan terlibat untuk kegunaan atlet semasa latihan dan pertandingan. Penempatan peralatan sukan tersebut bergantung kepada lokasi latihan sukan berkenaan dijalankan sama ada di persatuan sukan masing-masing atau di bangunan MSNT. Semakan Audit mendapati maklumat berkenaan dengan agihan peralatan sukan kepada persatuan sukan dan akuan penerimaan oleh persatuan tersebut ada disediakan dan disimpan dalam fail setiap acara sukan. Bagaimanapun, MSNT tidak menyediakan daftar untuk merekodkan agihan peralatan sukan kepada persatuan bagi memudahkan MSNT membuat rujukan dan pemantauan terhadap aset tersebut. Maklumat yang sepatutnya disediakan adalah seperti jenis peralatan sukan, nama persatuan sukan, nama dan jawatan pegawai yang menerima, tarikh penyerahan dan penerimaan serta kuantiti peralatan yang diagihkan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Februari 2012, MSNT telah mengambil tindakan segera dengan menyediakan buku daftar penerimaan dan agihan peralatan sukan oleh Bahagian Pengurusan Stor.**

9.4.4.2. Peralatan Sukan Belum Diagihkan

Pada tahun 2011, MSNT telah membuat perolehan peralatan sukan mendayung seperti *rowing boat* dan *sweep oar* dengan kos RM357,348. Tujuan pembelian adalah untuk kegunaan atlet sukan mendayung dalam acara tersebut yang pertama kali dipertandingkan pada SUKMA XIV yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 2 hingga 12 Jun 2011. Pemeriksaan Audit mendapati peralatan tersebut belum diagihkan kerana persatuan sukan tersebut belum ditubuhkan. Peralatan ini masih dalam kawalan MSNT


dan ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Jenderis, Hulu Terengganu. Lawatan Audit pada 4 Oktober 2011 mendapati peralatan berkenaan belum dilabelkan dengan nombor pendaftaran dan tanda “Hak Kerajaan Malaysia” seperti **Gambar 9.12**. **Maklum balas bertarikh 26 Februari 2012**, memaklumkan MSNT telah mengambil tindakan melabelkan semua peralatan mendayung seperti *rowing boat* dan *sweep oar* dengan nombor pendaftaran serta menandakan dengan “Hak Kerajaan Malaysia” seperti **Gambar 9.13**.

Gambar 9.12
Rowing Boat Belum Di Tanda Hak Milik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Jenderis, Hulu Terengganu
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 9.13
Rowing Boat Telah Di Tanda Hak Milik



Sumber: Majlis Sukan Negeri Terengganu
Lokasi: Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Jenderis, Hulu Terengganu
Tarikh: 8 Februari 2012

Pada pendapat Audit, MSNT perlu menyediakan daftar pengagihan peralatan sukan dan peralatan yang belum diagihkan hendaklah didaftarkan serta dilabelkan supaya MSNT dapat melaksanakan pemantauan dengan lebih berkesan.

9.4.5. Inden Kerja Tidak Lengkap

Borang inden kerja hendaklah dilengkapi dengan maklumat yang diperlukan antaranya nama kontraktor, arahan kerja, harga yang ditawarkan, tarikh mula, tarikh sepatut siap, tarikh dan tanda tangan Pegawai Pengawal. Tujuannya adalah untuk memastikan segala arahan kerja adalah jelas maksudnya dan ia telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap 20 fail perolehan bagi kerja membina dan menaik taraf kemudahan sukan bagi tahun 2009 hingga bulan November 2011 mendapati 19 (95%) daripada 20 inden kerja yang dikeluarkan oleh MSNT kepada kontraktor tidak dilengkapi dengan maklumat yang diperlukan seperti **Jadual 9.2**. **Maklum balas bertarikh 26 Februari 2012**, memaklumkan MSNT telah mengambil tindakan penambahbaikan dan mengeluarkan surat pemberitahuan kepada semua pegawai supaya mematuhi tatacara yang ditetapkan.

Jadual 9.2
Inden Kerja Tidak Lengkap

Bil.	Nombor		Tarikh Tandatangan		Tarikh Kerja Patut Disiapkan
	Fail	Inden	Pegawai Pengawal	Pegawai Penyelia Kerja	
1.	MSN. TR. 16/17/85	2009/06	Tiada	Tiada	Tiada
2.	MSN. TR. 16/17/90	IN 0006/09	05.10.2009	05.10.2009	Tiada
3.	MSN. TR. 16/17/93	IN 0007/09	Tiada	26.10.2009	Tiada
4.	MSN. TR. 16/17/94	IN 0006/10	Tiada	Tiada	28.04.2010
5.	MSN. TR. 16/17/95	IN 0009/09	Tiada	Tiada	Tiada
6.	MSN. TR. 16/17/96	IN 0008/09	26.11.2009	26.11.2009	Tiada
7.	MSN. TR. 16/17/98	IN 0003/10	Tiada	08.02.2010	Tiada
8.	MSN. TR. 16/17/100	IN 0001/10	Tiada	Tiada	Tiada
9.	MSN. TR. 16/17/102	IN 0001/2010	Tiada	Tiada	Tiada
10.	MSN. TR. 16/17/105	IN 0011/10	Tiada	Tiada	26.05.2010
11.	MSN. TR. 16/17/108	IN 0014/10	Tiada	Tiada	12.05.2010
12.	MSN. TR. 16/17/109	IN 0013/10	Tiada	Tiada	12.05.2010
13.	MSN. TR. 16/17/110	IN 0012/10	Tiada	Tiada	28.04.2010
14.	MSN. TR. 16/17/113	IN 0004/10	Tiada	23.03.2010	Tiada
15.	MSN. TR. 16/17/116	IN 0017/10	Tiada	Tiada	Tiada
16.	MSN. TR. 16/17/118	IN 0010/10	Tiada	Tiada	Tiada
17.	MSN. TR. 16/17/119	110140000003	18.05.2011	18.05.2011	Tiada
18.	MSN. TR. 16/17/124 A	IN 00019/10	Tiada	28.11.2010	Tiada
19.	MSN. TR. 16/17/131	IN 002/11	Tiada	Tiada	Tiada

Sumber: Fail Perolehan MSNT

Pada pendapat Audit, MSNT hendaklah memastikan maklumat dalam inden kerja dilengkapkan supaya segala arahan kerja jelas maksudnya dan diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

9.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, MSNT adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:


9.5.1. Memastikan projek-projek disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan supaya kemudahan yang dibina dapat digunakan tepat pada masanya.

9.5.2. Memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut pelan dan spesifikasi yang ditetapkan dan sebarang perubahan kerja hendaklah mendapat kelulusan secara bertulis.

9.5.3. Kemudahan dan peralatan sukan hendaklah disenggara dan dibaiki bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna terjamin.

9.5.4. Daftar pengagihan peralatan sukan hendaklah disediakan dan peralatan yang belum diagih didaftarkan dan dilabelkan supaya MSNT dapat melaksanakan pemantauan dengan lebih berkesan.

9.5.5. Memastikan maklumat dalam inden kerja dilengkapkan supaya segala arahan kerja adalah jelas maksudnya serta diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab.



BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

10. PENDAHULUAN

Seksyen 5 (1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 Pindaan 2009 telah diwartakan bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan syarikat di Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., Cas Ligas Sdn. Bhd., PTB Research Institute Sdn. Bhd. dan TTI Management Sdn. Bhd..

TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.

11. SYARIKAT PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. (Syarikat) pada asalnya adalah sebuah Jabatan Penerbitan di bawah Yayasan Islam Terengganu. Jabatan Penerbitan yang ditubuhkan pada tahun 1983 telah diperbadankan sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad di bawah Akta Syarikat 1965 pada 11 September 1985 dengan nama Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.. Modal dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal dibayar berjumlah RM9.09 juta. Pada 1 Mac 2007, sebanyak 9,090,002 unit saham biasa yang dimiliki oleh Yayasan Islam Terengganu telah diambil alih oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) iaitu anak syarikat Menteri Besar Diperbadankan menjadikan TISB sebagai syarikat induk kepada Syarikat.

11.1.2. Visi Syarikat adalah untuk menjadi sebuah badan perniagaan yang disegani berdasarkan kualiti dan perkhidmatan memenuhi kehendak pelanggan, kukuh dan teguh, profesional serta mempunyai tanggungjawab sosial. Syarikat menjalankan aktiviti utamanya dalam bidang percetakan dan beroperasi secara komersial. Syarikat mencetak bahan-bahan seperti Al-Quran, tafsir Al-Quran, Surah Yassin, buku-buku, majalah, brosur, diari, laporan tahunan, prospektus dan kalendar. Selain itu, Syarikat juga mempunyai bahagian percetakan digital yang mencetak *bunting*, kain rentang, *billboard*, *backdrop* dan lain-lain.

11.1.3. Syarikat berpejabat dan beroperasi di bangunan yang dimiliki sendiri di Kawasan Perindustrian Gong Badak, Kuala Terengganu. Sebagai langkah untuk mendapatkan pasaran yang lebih luas, sebuah cawangan telah dibuka di Kuala Lumpur. Pada tahun 2008 hingga 2010, pendapatan Syarikat adalah sejumlah RM33.32 juta manakala perbelanjaan pula berjumlah RM26.11 juta. Syarikat mempunyai seramai 106 orang kakitangan diketuai oleh Pengarah Urusan Syarikat untuk menguruskan aktiviti kewangan, pentadbiran, pemasaran dan pengeluaran.

11.1.4. Lembaga Pengarah Syarikat dianggotai oleh seramai 5 orang yang dipengerusikan oleh Setiausaha Akhbar Menteri Besar. Manakala 4 orang ahli lagi terdiri daripada Timbalan Pengarah Bahagian Makro Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pengarah Yayasan Islam Terengganu, Pengarah Yayasan Terengganu dan Pengarah Urusan Syarikat.

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan secara teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2008 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan. Analisis prestasi kewangan bagi tempoh 3 tahun dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun 2008 hingga 2010. Di samping itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai berkenaan serta lawatan tapak turut dilakukan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah baik kerana telah memperoleh keuntungan terkumpul pada tahun 2010 sejumlah RM2.62 juta berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM0.17 juta dan RM1.74 juta masing-masingnya pada tahun 2009 dan 2008. Keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2010 dan 2009 juga telah meningkat berbanding tahun 2008. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus pula telah dilaksanakan dengan teratur kecuali penyimpanan bahan siap bercetak dan stok bahan mentah kurang memuaskan di mana bahan-bahan tersebut tidak disusun dengan sempurna dan stok bahan mentah yang lama tidak digunakan; dan pengurusan aset yang kurang memuaskan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus Syarikat adalah seperti di perenggan berikut:

11.4.1. Prestasi Kewangan

11.4.1.1. Analisis Trend


- a. Pada tahun 2010, Syarikat memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM3.86 juta berbanding RM2.10 juta pada tahun 2009 dan RM1.25 juta pada tahun 2008. Kesan daripada keuntungan yang dicatatkan oleh Syarikat untuk tempoh 3 tahun tersebut menjadikan Syarikat memperoleh keuntungan terkumpul pada tahun 2010 berjumlah RM2.62 juta berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM0.17 juta pada tahun 2009 dan RM1.74 juta tahun 2008.
- b. Pendapatan utama Syarikat terdiri daripada aktiviti percetakan seperti mencetak kertas soalan peperiksaan dan buku modul, percetakan Al-Quran, diari/kalendar dan cetakan papan iklan. Pendapatan Syarikat pada tahun 2008 berjumlah RM7.37 juta telah meningkat menjadi RM11.46 juta pada tahun 2009 dan RM14.50 juta pada tahun 2010. Analisis Audit mendapati peningkatan pendapatan ini adalah disebabkan Syarikat memperoleh kerja mencetak kertas soalan peperiksaan dan buku modul daripada Kerajaan Negeri.
- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan Syarikat menunjukkan aliran peningkatan pada setiap tahun bagi tahun 2008 hingga 2010. Jumlah perbelanjaan meningkat daripada RM6.12 juta pada tahun 2008 menjadi RM9.36 juta pada tahun 2009 dan RM10.64 juta pada tahun 2010. Peningkatan sejumlah RM3.24 juta (52.9%) pada tahun 2009 dan RM1.28 juta (13.7%) pada tahun 2010 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam kos jualan khususnya bahan mentah yang berjumlah RM2.14 juta pada tahun 2008 menjadi RM3.23 juta (tahun 2009) dan RM3.80 juta (tahun 2010). Selain itu, ia juga berpunca daripada peningkatan belanja am/pentadbiran operasi khususnya pembayaran insentif kepada kakitangan yang mula dilaksanakan pada tahun 2009 yang melibatkan sejumlah RM0.52 juta (tahun 2009) dan sejumlah RM0.82 juta (tahun 2010).
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 11.1**, **Carta 11.1** dan **Carta 11.2**.

Jadual 11.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Syarikat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan Aktiviti	7,237,057	11,389,904	14,452,490
Potongan Jualan	396,620	71,558	137,802
Belanja Aktiviti	4,014,542	6,542,491	6,828,692
Untung Kasar	2,825,895	4,775,855	7,485,996
Pendapatan Lain	128,348	69,320	44,063
Belanja Am/Pentadbiran Operasi	1,652,531	2,680,074	3,636,846
Untung Operasi	1,301,712	2,165,101	3,893,213
Kos Kewangan	54,084	61,084	32,281
Untung Operasi Sebelum Cukai	1,247,628	2,104,017	3,860,932
Cukai	335,450	533,353	1,063,278
Untung Selepas Cukai	912,178	1,570,664	2,797,654
Keuntungan/Kerugian Terkumpul	-1,744,027	-173,363	2,624,291


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Carta 11.1
Kedudukan Untung Kasar Dan Untung
Sebelum Cukai Syarikat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Carta 11.2
Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

11.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Kunci Kira-kira serta Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 11.2**.

Jadual 11.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	3.81:1	3.55:1	5.43:1
Margin Untung Bersih	18.2%	18.6%	27.0%
Pulangan Ke Atas Aset	0.13:1	0.17:1	0.27:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.16:1	0.23:1	0.32:1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah ini dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Nisbah semasa Syarikat bagi tahun 2010 adalah pada kadar 5.43:1 meningkat berbanding tahun 2009 (3.55:1) dan 2008 (3.81:1). Ini menunjukkan kemampuan aset semasa Syarikat ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek adalah memuaskan.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin untung bersih Syarikat meningkat dari tahun 2008 hingga 2010. Pada tahun 2010, Syarikat mencatatkan margin untung bersih pada kadar 0.27 sen (27%) bagi setiap ringgit hasil daripada aktiviti utamanya berbanding tahun 2009 (18.6%) dan 2008 (18.2%).

c. Pulangan Ke Atas Aset

Pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh dari setiap aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan Syarikat menguruskan asetnya pada tahun 2010 meningkat berbanding tahun 2009 dan 2008.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan ke atas ekuiti adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati tahap kecekapan pengurusan modal Syarikat telah meningkat dari tahun 2008 hingga 2010 iaitu pada kadar 0.16:1 pada tahun 2008 kepada 0.23:1 pada tahun 2009 dan menjadi 0.32:1 pada tahun 2010.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat adalah baik kerana telah memperoleh keuntungan terkumpul pada tahun 2010 berbanding kerugian terkumpul pada tahun 2009 dan 2008. Keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2010 dan 2009 juga telah meningkat berbanding tahun 2008.

11.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti Syarikat adalah dalam bidang percetakan. Selain mencetak Al-Quran dan buku khususnya berkaitan dengan agama Islam, Syarikat juga mencetak laporan tahunan, prospektus, kalendar dan menjalankan kerja seperti mereka cipta grafik, *setting* dan penjilidan. Syarikat menerima tempahan kerja percetakan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri selaras dengan arahan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri supaya semua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri perlu membuat tempahan percetakan di Syarikat. Selain itu, Syarikat turut menerima tempahan daripada pihak swasta dan juga orang persendirian. Perolehan daripada aktiviti percetakan bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah berjumlah RM33.08 juta (99.3%) daripada keseluruhan pendapatan Syarikat yang berjumlah RM33.32 juta. Analisis Audit terhadap pendapatan aktiviti percetakan mendapati 40% hingga 60% merupakan pendapatan bagi kerja mencetak kertas soalan peperiksaan dan buku modul yang diterima daripada Kerajaan Negeri. Mengikut maklum balas, Syarikat telah berusaha mempelbagaikan aktivitinya seperti memperkenalkan produk pengiklanan *LED running light*. Pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti utama Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

11.4.2.1. Penyimpanan Stok Bahan Mentah Dan Bahan Siap Bercetak Kurang Memuaskan

- a.** Bahan mentah Syarikat terdiri daripada kertas dan bahan kimia/dakwat. Syarikat mempunyai sebuah stor untuk menyimpan kertas yang terletak di bangunan berasingan dari bangunan kilang. Manakala bilik stor yang terletak di dalam bangunan kilang pula digunakan untuk menyimpan bahan kimia/dakwat dan juga alat ganti mesin percetakan. Sementara itu, bahan siap bercetak seperti Al-Quran dan Surah Yassin juga disimpan di dalam bangunan kilang. Keadaan ini berlaku kerana Syarikat tidak mempunyai ruang penyimpanan yang mencukupi bagi menampung

stok bahan mentah dan bercetak pada satu-satu masa. Lawatan Audit ke bangunan stor dan kilang Syarikat mendapati stok bahan bercetak tidak disusun dengan sempurna dan sebahagian stok kertas disusun bertindan di atas pelet seperti **Gambar 11.1** dan **Gambar 11.3**. Syarikat dalam maklum balasnya bertarikh 8 Mac 2012, menyatakan sebuah bangunan stor baru telah siap dibina bagi tujuan mengemas kini penyimpanan bahan mentah dan bahan siap. Selain itu, beberapa tindakan telah diambil oleh Syarikat seperti mengenal pasti kelemahan di bahagian stor dan tindakan yang akan diambil terhadap stok lama, mengemas kini dan melupuskan bahan yang telah rosak dan lebihan bahan siap bercetak, mengenal pasti bahan yang masih boleh digunakan dan yang tidak dituntut oleh pelanggan serta melantik Penolong Pengurus Pengeluaran dan Eksekutif Pengeluaran bagi melaksanakan kerja penyusunan semula stok bahan siap bercetak dan melabelkannya seperti **Gambar 11.2**.

Gambar 11.1
Stok Bahan Bercetak Tidak Disusun Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Kilang Syarikat
Tarikh: 21 September 2011

Gambar 11.2
Stok Bahan Bercetak Yang Telah Disusun Sempurna



Sumber: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Lokasi: Bangunan Kilang Syarikat
Tarikh: 18 Mac 2012



Gambar 11.3
Stok Kertas Yang Disusun Secara Bertindan Di Atas Pelet

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Bahan Mentah Syarikat
Tarikh: 21 September 2011

- b. Lawatan Audit juga mendapati berlaku kebocoran pada bumbung bangunan stor yang menyebabkan stok sampul surat telah rosak terkena air hujan. Pihak Audit dimaklumkan kebocoran itu berlaku pada awal tahun 2011. Syarikat telah mengambil inisiatif dengan menutup stok sampul surat dengan plastik bagi mengelakkan lebih banyak berlaku kerosakan seperti **Gambar 11.4** dan **Gambar 11.5**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 8 Mac 2012, pihak Syarikat telah menghubungi beberapa kontraktor untuk mengenal pasti kaedah terbaik bagi membaiki kebocoran kerana keadaan stor agak tinggi dan kerja penyelenggaraan yang berisiko. Manakala sampul surat yang rosak akan dilupuskan.

Gambar 11.4
Kesan Kebocoran Pada Siling



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Bahan Mentah Syarikat
Tarikh: 21 September 2011

Gambar 11.5
Plastik Digunakan Untuk Menutupi Stok Sampul Surat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Bahan Mentah Syarikat
Tarikh: 21 September 2011

11.4.2.2. Stok Bahan Kimia/Dakwat/Alat Ganti Mesin Yang Lama Tidak Digunakan

- a. Semakan Audit juga mendapati beberapa jenis kertas/stok bahan kimia/dakwat/alat ganti mesin yang lama tidak digunakan iaitu antara 4 hingga 16 tahun dari tarikh terakhir dikeluarkan seperti contoh **Jadual 11.3**. Keadaan ini berlaku kerana Syarikat membuat pembelian berdasarkan tempahan pelanggan yang memerlukan jenis kertas/dakwat tertentu. Selain itu, Syarikat tidak menyediakan polisi paras simpanan stok iaitu paras minimum dan maksimum serta paras untuk membuat pesanan. Penetapan paras stok dapat membantu Syarikat memastikan pegangan stok yang bersesuaian dan mengelakkan pegangan stok yang tidak perlu. Sekiranya baki stok yang lama tidak diperlukan lagi, maka tindakan pelupusan bolehlah diambil.

Jadual 11.3

Stok Bahan Kimia/Dakwat/Alat Ganti Mesin Yang Lama Tidak Digunakan

Bil.	Jenis	Harga Kos/Unit (RM)	Catatan Akhir Pada Kad	Baki September 2011	Jumlah (RM)	Tempoh Tidak Digunakan (Tahun)
Stok Bahan Kimia						
1.	<i>Red Opaque</i>	45	20.11.2001	5	225	10
Stok Filem						
2.	Filem <i>Duplicating P411</i>	541	13.01.1997	1	541	14
3.	Filem <i>Shooting FCP 100</i>	635	29.05.2003	15	9,525	8
4.	Filem <i>Contact FKN</i>	590	25.07.2006	1	590	5
Stok Setting/Grafik						
5.	<i>Ink Cartridge Epson Stylus 500-Colour</i>	65	21.04.1998	9	585	13
6.	<i>Toner Cartridge-HP 92298 A</i>	154	11.05.2004	3	462	7
Stok Mesin						
7.	<i>4/2 Way Valve</i>	865	09.07.2003	2	1,730	8
8.	<i>Filter Cartridge</i>	511	15.10.1995	2	1,022	16
9.	<i>Roller Without Stud</i>	75	31.03.2003	10	750	8
10.	<i>Skip 5 Wheels (Backward)</i>	500	28.02.1995	2	1,000	16
Stok Dakwat						
11.	<i>Brown ICT 10854 CF 5081</i>	47	17.12.2006	26	1,212	5
12.	<i>Kustem Yellow</i>	56	27.07.2006	8	448	5
13.	<i>Purple IXOI</i>	94	05.11.2007	11	1,034	4
14.	<i>Simili Process Magenta</i>	35	06.12.2007	42	1,470	4

Sumber: Rekod Stok Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

- b. Syarikat dalam maklum balasnya bertarikh 8 Mac 2012, menyatakan polisi paras simpanan stok yang baru sedang dirangka kerana fail-fail lama yang mengandungi polisi tersebut telah rosak dan tiada lagi dalam simpanan. Syarikat bercadang untuk membeli perisian komputer terkini iaitu *UBS Stock* untuk menguruskan stok-stok bahan mentah yang semakin bertambah. Di samping itu, Syarikat juga telah mengenal pasti stok yang akan dilupuskan.

Pada pendapat Audit, Syarikat perlu menyediakan polisi berkaitan dengan penyimpanan bahan siap bercetak dan stok bahan mentah.

11.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat adalah merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal Syarikat. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu Syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi Syarikat diurus dengan baik, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

11.4.3.1. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Semakan Audit mendapati Syarikat belum

menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam. **Maklum balas bertarikh 8 Mac 2012**, Syarikat memaklumkan, cadangan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan akan dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang. Manakala bagi penubuhan Unit Audit Dalam, Syarikat belum merasakan keperluan penubuhannya memandangkan jumlah transaksi yang agak kecil. Adalah dicadangkan agar Syarikat mendapatkan khidmat audit dalaman daripada TISB yang merupakan Syarikat Induk.

11.4.3.2. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menggariskan bahawa dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan. Bayaran dividen pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun sebagai pulangan modal kepada pemegang saham adalah dijadikan sebagai matlamat. Sekiranya keuntungan lebih (*excess profit*) diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang seberapa tinggi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Selain itu, semua bayaran dividen hendaklah dibuat daripada keuntungan sahaja seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 365(1), Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mengisytiharkan pengagihan dividen pada tahun 2009 dan 2010 walaupun Syarikat mendapat keuntungan pada tahun tersebut. **Mengikut maklum balas Syarikat bertarikh 8 Mac 2012**, Lembaga Pengarah Syarikat Induk telah bersetuju memberi pengecualian kepada Syarikat daripada membayar dividen bagi tahun 2009 dan 2010 memandangkan pada tahun tersebut aliran tunai Syarikat baru hendak dipulihkan dan sebagai ganti Syarikat dikehendaki memberi sumbangan sejumlah RM0.50 juta kepada Tabung Darul Iman milik Kerajaan Negeri yang digunakan untuk bantuan antaranya mangsa bencana alam.

11.4.3.3. Pengurusan Aset

Kawalan pengurusan aset adalah bagi menentukan aset yang diperoleh telah direkodkan, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai peraturan dan garis panduan yang khusus berkaitan pengurusan aset. Selain itu, didapati daftar aset yang diselenggarakan tidak lengkap kerana terdapat aset yang mempunyai nombor pendaftaran tetapi tidak dicatatkan dalam daftar serta belum dilabelkan dengan nombor pendaftaran. **Mengikut maklum balas bertarikh 8 Mac 2012**, Syarikat telah melantik seorang pegawai yang akan mengemas kini pendaftaran aset dan Syarikat bercadang untuk mendapatkan perisian komputer yang dapat membantu sistem pengurusan aset.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat Syarikat boleh dipertingkatkan dengan memastikan pemeriksaan audit dalaman dijalankan oleh Syarikat Induk, mengadakan garis panduan dan mematuhi segala peraturan serta pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

11.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan, Syarikat adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

11.5.1. Mempelbagaikan dan mempertingkatkan aktiviti promosi serta menambah baik pengurusan bahan siap bercetak dan stok bahan mentah.

11.5.2. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

11.5.3. Menyediakan prosedur kerja sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan dan aset.

PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

12. CAS LIGAS SDN. BHD.

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Cas Ligas Sdn. Bhd. (CLSB) dahulunya dikenali sebagai Cahligah Sdn. Bhd. telah diperbadankan pada 22 Ogos 2007 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan RM0.50 juta dan modal dibayar RM0.25 juta. CLSB merupakan sebuah syarikat subsidiari milikan penuh kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dengan pegangan ekuiti sebanyak 250,000 unit saham.

12.1.2. Penubuhan CLSB bertujuan bagi meningkatkan tahap mobiliti pengangkutan penduduk dari satu kawasan ke satu kawasan, menyediakan sistem perkhidmatan untuk kemudahan para pelancong serta menyediakan perkhidmatan awam yang lebih murah, efisien dan selesa. Perkhidmatan awam yang disediakan adalah perkhidmatan bas yang mampu membawa seramai 34 orang penumpang pada satu-satu masa. Bentuk bas berkonsepkan tradisional dengan menggabungkan ukiran kayu dan songket yang melambangkan kesenian dan warisan masyarakat tempatan. Bas ini dilengkapi dengan alat penghawa dingin bagi keselesaan penumpang serta dilengkapi dengan mesin tiket elektronik untuk memudahkan pembayaran tambang.

12.1.3. Lembaga Pengarah CLSB terdiri daripada 3 orang ahli iaitu Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (Pengerusi), Timbalan Pengurus Besar PMINT dan Pengarah Eksekutif. Pengarah Eksekutif CLSB bertanggungjawab terhadap hal ehwal pengurusan syarikat dan dibantu oleh 12 orang kakitangan lain.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan CLSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan secara teratur selaras dengan objektif penubuhan.

12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat CLSB bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dengan aktiviti CLSB. Analisis prestasi kewangan bagi tempoh 3 tahun dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun 2008 hingga 2010. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai CLSB yang

berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan tapak telah dijalankan ke Depoh Bas Chendering dan 6 perhentian bas iaitu Taman Shahbandar, Chendering, Mydin Mall, Wakaf Tembesu, Pulau Kambing dan Losong, Kuala Terengganu.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan CLSB adalah memuaskan. Penyata kewangan 2010 menunjukkan CLSB masih mempunyai keuntungan terkumpul sejumlah RM0.57 juta walaupun mengalami kerugian sebelum cukai sejumlah RM0.43 juta pada tahun 2010 berbanding keuntungan sebelum cukai sejumlah RM1.08 juta pada tahun 2009. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti dan tadbir urus CLSB mendapati beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti kaedah pembayaran tambang bas dan penyimpanan wang kutipan tambang kurang memuaskan; reka bentuk dalaman bas tidak menyediakan pemegang bagi penumpang berdiri; papan tanda destinasi bas yang hilang dan rosak; serta *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak disediakan sepenuhnya. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus CLSB adalah seperti di perenggan berikut:

12.4.1. Prestasi Kewangan

12.4.1.1. Analisis Trend



- a. Pada tahun 2010, pendapatan CLSB mengalami penurunan sejumlah RM1.12 juta menjadi RM0.41 juta berbanding RM1.53 juta pada tahun 2009. Penurunan ketara ini disebabkan pada tahun 2009, CLSB menerima geran daripada Kerajaan Negeri sejumlah RM1.5 juta bagi membiayai belanja operasi manakala bagi tahun 2010, CLSB tidak menerima geran daripada Kerajaan Negeri. Ini menunjukkan CLSB memerlukan bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri bagi memenuhi tanggungjawab sosial dalam menyediakan perkhidmatan bas bandar di Kuala Terengganu. Perbelanjaan CLSB pula menunjukkan peningkatan pada setiap tahun bagi tempoh 2008 hingga 2010. Jumlah perbelanjaan meningkat dari RM0.28 juta pada tahun 2008 menjadi RM0.45 juta pada tahun 2009 dan RM0.84 juta pada tahun 2010. Peningkatan jumlah perbelanjaan adalah disebabkan peningkatan kos bagi bahan bakar (diesel dan petrol) dan penyenggaraan kenderaan.
- b. Pada tahun 2010, CLSB mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.43 juta berbanding keuntungan sebelum cukai sejumlah RM1.08 juta pada tahun 2009. Kesan kerugian tahun semasa yang dialami pada tahun 2010 menyebabkan keuntungan terkumpul CLSB menurun menjadi RM0.57 juta berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM1.06 juta.

- c. Analisis Audit mendapati jumlah aset telah menurun sejumlah RM0.70 juta menjadi RM1.69 juta bagi tahun 2010 berbanding RM2.39 juta tahun 2009. Liabiliti CLSB juga mengalami penurunan pada tahun 2010 sejumlah RM0.21 juta menjadi RM0.87 juta berbanding RM1.08 juta tahun 2009. Kedudukan aset yang melebihi liabiliti menunjukkan CLSB mempunyai lebih ekuiti pemegang saham berjumlah RM0.09 juta, RM1.31 juta dan RM0.82 juta bagi tahun 2008 hingga 2010.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi CLSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 12.1**, **Carta 12.1** dan **Carta 12.2**.

Jadual 12.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi CLSB
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan	126,418	34,888	142,093
Perbelanjaan Operasi	102,623	360,542	473,144
Untung/(Rugi) Kasar	23,795	-325,654	-331,051
Pendapatan Lain	-	1,500,000	267,890
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	180,601	89,283	365,874
Untung/(Rugi) Operasi	-156,806	1,085,063	-429,035
Kos Kewangan	60	130	320
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	-156,866	1,084,933	-429,355
Cukai	-	127,291	59,056
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	-156,866	1,212,224	-488,411
Keuntungan/Kerugian Terkumpul	-156,866	1,055,358	566,947

Sumber: Penyata Kewangan Cas Ligas Sdn. Bhd.



12.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan CLSB, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2
Analisis Nisbah Kewangan CLSB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	12.88:1	21.28:1	32.71:1
Margin Untung Bersih	-124.1%	70.7%	-104.7%
Pulangan Ke Atas Aset	-1.56:1	0.51:1	-0.29:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	-1.68:1	0.93:1	-0.60:1

Sumber: Penyata Kewangan Cas Ligas Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah ini dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Pada amnya, nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini semakin meningkat kecairan syarikat. Nisbah semasa CLSB bagi tahun 2010 adalah pada kadar 32.71:1 meningkat berbanding tahun 2009 (21.28:1) dan tahun 2008 (12.88:1). Ini menunjukkan kemampuan aset semasa CLSB ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek adalah baik.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada tahun 2009, CLSB mencatatkan margin untung bersih pada kadar 0.70 sen (70.7%) bagi setiap ringgit hasil daripada aktiviti utamanya berbanding kerugian pada tahun 2008 (-124.1%) dan 2010 (-104.7%).

c. Pulangan Ke Atas Aset

Pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh daripada setiap aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit

mendapati tahap kecekapan CLSB menguruskan asetnya pada tahun 2010 menurun berbanding tahun 2009.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan ke atas ekuiti adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecekapan pengurusan modal CLSB telah meningkat pada tahun 2009 (0.93:1) berbanding tahun 2008 tetapi menurun pada tahun 2010 (-0.60:1).

Pada pendapat Audit, pengurusan CLSB perlu menguruskan kos operasi dengan lebih berhemat supaya dapat meningkatkan keuntungannya selaras dengan peningkatan pendapatan.

12.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama CLSB adalah menjalankan perniagaan dalam bidang pengangkutan awam iaitu mengendalikan operasi bas. CLSB memiliki 6 buah bas yang beroperasi di 3 laluan utama sekitar Bandar Kuala Terengganu iaitu Laluan Chendering, Laluan Taman Tamadun Islam dan Laluan Batu Enam/Gong Badak. Contoh bas berkenaan adalah seperti **Gambar 12.1**. Kadar tambang yang dikenakan adalah antara RM1 hingga RM2 sehala bagi semua laluan. Selain itu, CLSB memberi tambang secara percuma kepada kanak-kanak berumur di bawah 7 tahun manakala diskaun 50% daripada kadar biasa diberi kepada kanak-kanak berumur di antara 7 hingga 12 tahun, pelajar beruniform, warga tua yang berumur lebih daripada 60 tahun dan Orang Kelainan Upaya (OKU). Waktu perjalanan bas adalah antara pukul 7.45 pagi hingga 7.40 malam pada setiap hari. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti CLSB mendapati perkara seperti berikut:



Gambar 12.1
Bas Bandar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Depoh Bas Chendering, Kuala Terengganu
Tarikh: 7 Disember 2011

12.4.2.1. *Standard Operating Procedures (SOP) Tidak Disediakan Sepenuhnya*

Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan Dan Alam Sekitar (MCP 1/2007) digubal secara khusus kepada majikan dan pekerja yang bergiat dalam industri pengangkutan awam khususnya yang menyediakan perkhidmatan bas awam. Kod tersebut telah menggariskan beberapa elemen penting dalam meningkatkan pengurusan keselamatan, kesihatan dan persekitaran tempat kerja seperti penyediaan SOP terhadap pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan, pengurusan perjalanan dan risiko serta Sistem Jaminan Kualiti (QAS). Semakan Audit mendapati CLSB tidak menyediakan SOP selaras dengan Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan Dan Alam Sekitar (MCP1/2007) sepenuhnya. Bagaimanapun, CLSB telah menyediakan skim perkhidmatan pemandu berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010 yang menjelaskan dengan terperinci mengenai masa bekerja, kemudahan perubatan, elaun, faedah persaraan dan lain-lain berkaitan perkhidmatan pemandu. Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 April 2012, CLSB telah mula menggunakan Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (MCP1/2007) pada tahun 2008. Selain itu, lawatan susulan dan pemeriksaan daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Terengganu ke CLSB telah dibuat iaitu pada 18 Mei 2010, 8 Mac 2011 dan 16 Januari 2012.

12.4.2.2. Prestasi Hasil Kutipan Tambang

- a. Hasil pendapatan utama CLSB adalah daripada kutipan tambang perkhidmatan bas. Pada tahun 2010 dan 2011, CLSB telah menyasarkan jumlah kutipan hasil tambang perkhidmatan bas masing-masing RM137,700 dan RM206,280. Semakan Audit mendapati pada keseluruhannya, prestasi jumlah hasil kutipan tambang sebenar bagi tahun 2010 dan 2011 adalah RM125,623 (91.2%) dan RM192,140 (93.1%) seperti **Jadual 12.3**.

Jadual 12.3

Prestasi Hasil Kutipan Tambang Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Laluan Perjalanan	Tahun 2010			Tahun 2011		
	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	Peratus (%)	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	Peratus (%)
Chendering	44,064	53,602	121.6	59,040	59,119	100.1
Taman Tamadun Islam	44,064	27,620	62.7	59,040	31,290	53.0
Batu Enam/Gong Badak	49,572	44,401	89.6	88,200	101,731	115.3
Jumlah	137,700	125,623	91.2	206,280	192,140	93.1

Sumber: Rekod Cas Ligas Sdn. Bhd.

- b. Analisis Audit mendapati hasil kutipan tambang perkhidmatan bas melebihi sasaran yang ditetapkan di Laluan Chendering bagi tahun 2010 (121.6%) dan 2011 (100.1%) dan Laluan Batu Enam/Gong Badak bagi tahun 2011 (115.3%). Kutipan tambang bagi Laluan Batu Enam/Gong Badak pada tahun 2011 telah meningkat sejumlah RM57,330 kepada RM101,731 berbanding RM44,401 pada tahun 2010. Manakala kutipan tambang di Laluan Taman Tamadun Islam adalah di bawah paras sasaran.

Laluan Taman Tamadun Islam hanya mendapat sambutan pada hari minggu, hari cuti dan musim perayaan sahaja berbanding dengan hari-hari biasa.

12.4.2.3. Kaedah Pembayaran Tambang Bas Tidak Memuaskan

- a. Pada tahun 2010, CLSB membelanjakan sejumlah RM84,510 untuk membeli 6 unit mesin tiket elektronik jenis ETM-800. Setiap bas dilengkapi dengan sebuah mesin tiket elektronik yang berfungsi secara automatik bagi mengeluarkan tiket. Semakan Audit mendapati mesin tersebut tidak dapat mengesahkan dengan tepat nilai wang kertas atau syiling yang dimasukkan ke dalam mesin. Selain itu, pemandu turut memaklumkan bahawa wang kertas yang dimasukkan dalam mesin kerap kali tersangkut apabila wang terlalu banyak dimasukkan ke dalam mesin. Oleh itu, penumpang membuat bayaran tambang kepada pemandu bas yang kemudiannya menyimpan wang tambang tersebut di dalam kotak bersebelahan dengan mesin tiket elektronik sebelum tiket dikeluarkan kepada penumpang seperti **Gambar 12.2**.



Gambar 12.2
Kotak Yang Disediakan Untuk
Menyimpan Wang Tambang
Di Dalam Bas

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Depoh Bas Chendering, Kuala
Terengganu
Tarikh: 7 Disember 2011

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 April 2012, mesin tiket elektronik yang dapat mengesahkan dengan tepat nilai wang kertas adalah bernilai tinggi yang dianggarkan berharga antara RM25,000 hingga RM30,000 seunit dan tidak sesuai dengan operasi bas CLSB di mana kadar peratusan penumpang adalah masih rendah. Manakala peratusan kemungkinan berlaku kerosakan pada mesin hanya 1% sahaja.

12.4.2.4. Penyimpanan Wang Kutipan Tambang Kurang Memuaskan


- a. Pihak Audit dimaklumkan oleh CLSB bahawa setelah tamat operasi, bas akan dihantar dan disimpan kembali ke Depoh Bas Chendering bersama-sama wang kutipan tambang sepanjang hari. Wang yang tersimpan dalam mesin tiket elektronik tersebut dibuat kiraan oleh Penyelia pada keesokan hari. Penyimpanan wang kutipan dalam mesin tiket elektronik dan keselamatan bas adalah kurang memuaskan kerana kunci pintu bas disangkut di tepi pintu bilik pemandu yang mudah diambil oleh sesiapa sahaja dan kunci enjin bas ditinggalkan dalam bas sepanjang masa seperti **Gambar 12.3** dan **Gambar 12.4**.

Gambar 12.3
Mesin Tiket Elektronik Yang Disediakan
Dalam Bas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Depoh Bas Chendering, Kuala Terengganu
Tarikh: 7 Disember 2011

Gambar 12.4
Kunci Pintu Bas Disangkut
Di Tepi Pintu Bilik Pemandu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Depoh Bas Chendering, Kuala Terengganu
Tarikh: 7 Disember 2011

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 April 2012, CLSB telah mengambil beberapa langkah keselamatan seperti berikut:

i. Kunci Tambahan

Setiap bas disediakan satu kunci khas di pintu depan bas sebagai kunci tambahan. Kunci tersebut akan disimpan di dalam kotak kunci yang berkunci dan hanya boleh dibuka oleh penyelia.

ii. Peti Besi

Satu peti besi akan disediakan dalam bilik penyelia yang sentiasa berkunci bagi menyimpan wang kutipan tambang terutamanya pada hujung minggu sebelum diserahkan ke pejabat atau Bahagian Kewangan. Kunci peti besi tersebut akan disimpan di tempat yang telah disediakan.

iii. Kotak Kunci

Semua kunci bas akan disimpan di dalam kotak kunci yang akan ditempatkan di dalam bilik Pengawal Keselamatan. Setiap pemandu hendaklah mengisi Buku Log kunci bas sebagai kawalan setiap kali hendak mengambil dan menyimpan kunci bas.

12.4.2.5. Reka Bentuk Dalaman Bas Tidak Menyediakan Pemegang Bagi Penumpang Berdiri

Keistimewaan bas yang mempunyai reka bentuk yang unik bercirikan kesenian dan warisan masyarakat Melayu mampu menarik minat pelancong melawat Negeri Terengganu. Bagaimanapun, reka bentuk tersebut tidak mengambil kira aspek keselamatan penumpang seperti tempat pemegang bagi penumpang berdiri tidak

disediakan di dalam bas seperti **Gambar 12.5**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 April 2012, reka bentuk bas telah pun diluluskan oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan. Selain itu, CLSB berpendapat bas tersebut telah memenuhi ciri keselamatan asas seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.



Gambar 12.5
Pemegang Bagi Penumpang Yang Berdiri Tidak Disediakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Depoh Bas Chendering, Kuala Terengganu
Tarikh: 7 Disember 2011

12.4.2.6. Papan Tanda Destinasi Bas Yang Hilang Dan Rosak

Papan tanda destinasi bas memaparkan jadual waktu perjalanan dan laluan bas sebagai sumber maklumat perkhidmatan yang disediakan oleh CLSB bagi memudahkan orang awam merancang perjalanan. CLSB telah membelanjakan sejumlah RM19,950 bagi memasang 35 unit papan tanda destinasi bas di perhentian bas terpilih. Lawatan Audit pada 12 Januari 2012 mendapati beberapa papan tanda destinasi bas telah hilang dan mengalami kerosakan seperti yang berlaku di Perhentian Bas Losong dan Perhentian Bas Wakaf Tembesu, Kuala Terengganu seperti **Gambar 12.6** dan **Gambar 12.7**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 April 2012, CLSB akan membaiki pulih papan tanda yang rosak secara berkala bermula pada pertengahan tahun ini selaras dengan kedudukan kewangan pada tahun 2012.

Gambar 12.6
Papan Tanda Laluan Bas Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perhentian Bas Losong, Kuala Terengganu
Tarikh: 12 Januari 2012

Gambar 12.7
Papan Tanda Jadual Waktu Perjalanan Bas Telah Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perhentian Bas Wakaf Tembesu, Kuala Terengganu
Tarikh: 12 Januari 2012

12.4.2.7. Analisis Soal Selidik Tahap Kepuasan Penumpang Bas

- a. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 89 responden (penumpang) untuk menilai tahap kepuasan penumpang terhadap perkhidmatan bas. Penilaian ke atas aspek kemudahan yang disediakan, pemanduan bas, kebersihan dan keselamatan serta operasi bas mendapati tahap kepuasan penumpang adalah antara 46% hingga 80% di mana elemen pemanduan berhema mendapat skor tertinggi iaitu 80%. Manakala penumpang kurang berpuas hati dengan kekerapan pergerakan bas iaitu 46%, kemudahan OKU yang tidak disediakan iaitu 49%, ketepatan jadual waktu perjalanan iaitu 58% dan kemudahan tempat duduk di dalam bas iaitu 58%.
- b. Antara cadangan dan pandangan penumpang bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bas adalah seperti berikut:
 - i. Menambah laluan perjalanan ke tempat/kawasan strategik seperti di Pasir Panjang, Bukit Payung, Padang Midin, Rhu Muda, Manir, Seberang Takir, Wakaf Tengah dan Batu Rakit.
 - ii. Menambah kekerapan perjalanan bas dan mengadakan perkhidmatan bas pada waktu malam bagi laluan-laluan utama dan tempat tumpuan.
 - iii. Menepati masa seperti yang ditetapkan dalam jadual waktu perjalanan.
 - iv. Menyediakan tempat pemegang bagi penumpang yang berdiri.
 - v. Kedudukan kerusi perlu diubah supaya penumpang lebih selesa.
- c. Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 April 2012, cadangan dan pandangan penumpang bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bas telah dibincangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dan penambahbaikan akan dibuat setelah CLSB mendapat peruntukan dari Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) untuk dilaksanakan secara berperingkat. Pelaksanaan Fasa 1 dan Fasa 2 ini adalah bagi memperluaskan perkhidmatan bas.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan bas boleh dipertingkatkan lagi dengan mengambil kira cadangan dan pandangan yang diberikan oleh penumpang. CLSB juga perlu meningkatkan operasi perjalanan bas dengan lebih efisien.

12.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat merangkumi kawalan pengurusan syarikat, sistem serta prosedur.

Peraturan dan panduan berkaitan pelantikan, kuasa, peranan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah ada dinyatakan dalam Akta Syarikat 1965 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2000 oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Beberapa kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

12.4.3.1. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Semakan Audit mendapati CLSB belum menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan seperti mana kehendak Pekeliling. Memandangkan PMINT adalah Syarikat Induk kepada CLSB, adalah dicadangkan CLSB mendapatkan khidmat audit dalam daripada PMINT. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 April 2012, Syarikat Induk ada menyediakan program audit dalaman. Bagaimanapun, CLSB masih belum dimaklumkan pelaksanaan program tersebut.**

12.4.3.2. *Standard Operating Procedures (SOP)*

- a. Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures (SOP)* untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Semakan Audit mendapati CLSB tidak mempunyai SOP dan peraturan khusus bagi mengurus dan mengawal urusan kewangan syarikat. Beberapa kelemahan terhadap pengurusan kewangan yang perlu diberi perhatian terutama mengenai pengurusan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset adalah seperti berikut:
 - i. Penurunan kuasa bagi memperakui baucar bayaran dan memungut wang tidak dikeluarkan secara bertulis kepada pegawai yang bertanggungjawab.
 - ii. Buku tunai tidak disemak bagi memastikan ketepatannya oleh pegawai penyelia.
 - iii. Panjar Wang Runcit tidak diuruskan dengan sempurna kerana rekupan dibuat pada jumlah RM1,000 bukan pada jumlah kurangan bagi mencukupkan semula amaun tersebut. Selain itu, Penyata Tunai Di Tangan bagi bulan Mac 2011 berbaki negatif sejumlah RM515.77 kerana rekupan lewat dilakukan.
 - iv. CLSB tidak mempunyai peraturan atau garis panduan berkaitan pengurusan aset. Selain itu, didapati aset tidak direkodkan dalam Daftar Harta Modal dan pemeriksaan fizikal juga tidak dijalankan terhadap aset CLSB.

- b. Berdasarkan maklum balas bertariikh 22 April 2012, perkara berikut telah diambil tindakan:
- i. CLSB telah menyediakan surat kuasa kepada pegawai yang berkaitan bagi menyedia dan meluluskan baucer bayaran.
 - ii. CLSB memaklumkan buku tunai tersebut disemak dan disahkan oleh Pengarah Urusan setiap bulan.
 - iii. CLSB telah membuat pembetulan tentang perkara ini dan telah menyediakan peraturan dalam menguruskan Panjar Wang Runcit.
 - iv. CLSB telah merekodkan aset tersebut dan akan mematuhi peraturan atau garis panduan berkaitan pengurusan aset mengikut kesesuaian CLSB.

Pada pendapat Audit, CLSB hendaklah mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

12.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang adalah disyorkan supaya pengurusan Cas Ligas Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

- 12.5.1.** Menambah laluan/kekerapan perjalanan bas bagi meningkatkan pendapatan.
- 12.5.2.** Mengambil kira cadangan dan pandangan yang diberikan oleh penumpang bagi meningkatkan mutu perkhidmatan bas.
- 12.5.3.** Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.
- 12.5.4.** Kerajaan Negeri perlu meneruskan bantuan kewangan dan sokongan kepada CLSB untuk memastikan operasi syarikat dapat berkembang dan seterusnya meningkatkan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU

13. PTB RESEARCH INSTITUTE SDN. BHD.

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. PTB Research Institute Sdn. Bhd. (Syarikat) telah ditubuhkan pada 26 Mac 1998 dan telah diambil alih oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) pada Ogos 2008. Syarikat memiliki modal dibenarkan dan modal berbayar berjumlah RM100,000. Syarikat merupakan pemilik hartanah yang dibangunkan sebagai hotel dan resort di Pulau Duyong Besar, Kuala Terengganu. Pada 12 November 2009, Syarikat telah memeterai perjanjian pengurusan hotel dengan Ri-Yaz Hotels & Resorts Sdn. Bhd. (Ri-Yaz Heritage) iaitu sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Melalui perjanjian ini, Ri-Yaz Heritage dilantik sebagai pengendali dan pengurus bagi segala operasi perhotelan.

13.1.2. Syarikat menjalankan aktiviti utamanya dalam bidang perhotelan. Sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, Syarikat perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

13.1.3. Syarikat mempunyai 6 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Pengurus Besar Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Pemantauan Pelaburan) dan 2 orang wakil luar yang terdiri daripada Penasihat Ekonomi kepada YAB Menteri Besar dan jurutera. Pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 129 orang kakitangan.

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan secara teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

13.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dengan aktiviti Syarikat. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun 2008 hingga 2010. Selain itu,

temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai Syarikat berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

13.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2011 hingga Mac 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan. Syarikat mengalami kerugian sebelum cukai bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 antara RM1.06 juta hingga RM3.64 juta. Semakan Audit terhadap aktiviti Syarikat dan tadbir urus Syarikat mendapati beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian antaranya kemudahan yang dibina seperti spa dan kafeteria tidak beroperasi; kerosakan pada bangunan; serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan belum ditubuhkan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus Syarikat adalah seperti di perenggan berikut:

13.4.1. Prestasi Kewangan

13.4.1.1. Analisis Trend

- a. Syarikat mencatatkan peningkatan dalam pendapatan untuk tempoh 3 tahun berturut-turut dari tahun 2008 hingga 2010. Pendapatan Syarikat tahun 2009 berjumlah RM5.19 juta meningkat sejumlah RM2.28 juta berbanding RM2.91 juta pada tahun 2008. Pendapatan pada tahun 2010 pula mencatatkan peningkatan sejumlah RM1.12 juta (21.5%) menjadi RM6.30 juta berbanding tahun 2009. Perbelanjaan Syarikat menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2009 iaitu RM8.83 juta berbanding RM3.97 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini antaranya disebabkan peningkatan perbelanjaan bagi gaji dan upah, peruntukan susut nilai dan kos utiliti yang tinggi. Manakala perbelanjaan Syarikat pada tahun 2010 menurun kepada RM8.54 juta (3.3%) berbanding tahun 2009.
- b. Pada tahun 2008, Syarikat mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM1.06 juta berbanding RM3.64 juta pada tahun 2009 iaitu meningkat sejumlah RM2.58 juta. Pada tahun 2010, jumlah kerugian sebelum cukai Syarikat menurun kepada RM2.23 juta (38.7%) berbanding tahun 2009 disebabkan peningkatan pendapatan dan penurunan jumlah perbelanjaan Syarikat.
- c. Analisis terhadap Lembaran Imbangan mendapati jumlah aset meningkat dari tahun 2008 hingga 2010 dengan masing-masing berjumlah RM8.59 juta, RM10.92 juta dan RM10.93 juta. Sementara itu, jumlah liabiliti Syarikat meningkat dari tahun 2008 berjumlah RM9.67 juta menjadi RM18.21 juta pada tahun 2010. Kedudukan liabiliti yang melebihi aset menunjukkan Syarikat mempunyai kekurangan ekuiti pemegang saham berjumlah RM7.27 juta bagi tahun 2010.


- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 13.1**, **Carta 13.1** dan **Carta 13.2**.

Jadual 13.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Syarikat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan	2,908,901	5,186,918	6,302,481
Kos Langsung	1,505,883	2,946,166	3,066,730
Untung Kasar	1,403,018	2,240,752	3,235,751
Perbelanjaan Pentadbiran	2,283,970	4,901,009	4,249,109
Perbelanjaan Kewangan	377	477	494
Susut Nilai Dan Pelunasan	182,201	983,809	1,220,828
Kerugian Sebelum Cukai	-1,063,530	-3,644,543	-2,234,680
Cukai	-	-	416,620
Kerugian Selepas Cukai	-1,063,530	-3,644,543	-2,651,300
Kerugian Terkumpul	-1,078,326	-4,722,869	-7,374,169


Sumber: Penyata Kewangan PTB Research Institute Sdn. Bhd.

Carta 13.1
Kedudukan Untung Kasar Dan Kerugian
Sebelum Cukai Syarikat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan PTB Research Institute Sdn. Bhd.

Carta 13.2
Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan PTB Research Institute Sdn. Bhd.

13.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 13.2**.

Jadual 13.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.19:1	0.14:1	0.15:1
Margin Untung Bersih	-36.6%	-70.3%	-35.5%
Pulangan Ke Atas Aset	-0.12:1	-0.33:1	-0.20:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.99:1	0.79:1	0.31:1

Sumber: Penyata Kewangan PTB Research Institute Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah ini dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Pada amnya, nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini semakin meningkat kecairan syarikat. Nisbah semasa Syarikat bagi tahun 2009 dan 2010 adalah pada kadar 0.14:1 dan 0.15:1. Ini menunjukkan aset semasa Syarikat tidak mampu untuk menampung liabiliti jangka pendek.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai margin untung bersih kerana Syarikat mengalami kerugian pada tahun 2008 hingga 2010. Ini menunjukkan Syarikat mengalami kerugian bagi setiap ringgit yang dipungut daripada aktiviti utama Syarikat.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh dari setiap aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan Syarikat menguruskan aset kurang memuaskan kerana pulangan ke atas aset Syarikat bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah negatif.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan ke atas ekuiti adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan

perkiraan Audit, tahap kecekapan pengurusan modal Syarikat bagi tahun 2010 menurun kepada 0.31:1 berbanding tahun 2009 (0.79:1) dan 2008 (0.99:1).

13.4.1.3. Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 10 Mei 2012, tahun 2011 merupakan tahun pertama prestasi kewangan Syarikat menunjukkan peningkatan dengan memperoleh keuntungan kasar. Pertambahan hasil untuk 2 bulan pertama pada tahun 2012 juga memberi galakan kepada Syarikat bagi memfokuskan semula strategi pemasaran ke arah pasaran korporat yang mempunyai pulangan hasil yang lebih tinggi dan mengurangkan segmen pasaran yang memberi pulangan yang rendah. Syarikat juga sedang cuba untuk mengurangkan perbelanjaan operasi dan mengurus bagi menambahkan pulangan hasil.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Syarikat kurang memuaskan kerana mengalami kerugian untuk tempoh 3 tahun berturut-turut dari tahun 2008 hingga 2010.

13.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama Syarikat adalah menyediakan perkhidmatan perhotelan yang diuruskan oleh Ri-Yaz Heritage. Pada masa kini, Syarikat mempunyai sebanyak 97 buah bilik yang terdiri daripada 13 *Royal Suite* dan selebihnya terdiri daripada *Deluxe Chalet* (Serambi), *Executive Deluxe Chalet* (Anjung), *Executive Suite* (Teratak) dan *Cemara Suite* seperti **Gambar 13.1** dan **Gambar 13.2**. Hasil sewaan bilik dan perkhidmatan lain merupakan penyumbang utama kepada sumber pendapatan Syarikat. Selain itu, penyediaan makanan dan minuman, perkhidmatan dobi, sewaan ruang kedai, spa dan pusat kecergasan merupakan perkhidmatan lain yang disediakan. Prestasi hasil sewaan bilik penginapan dan perkhidmatan lain menunjukkan peningkatan dari tahun 2008 hingga 2010 masing-masing berjumlah RM2.91 juta, RM5.19 juta dan RM6.30 juta. Pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti utama Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

Gambar 13.1
Penginapan Jenis *Royal Suite*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Royal Suite*, Ri-Yaz Heritage
Tarikh: 21 Mac 2012

Gambar 13.2
Penginapan Jenis *Deluxe Chalet* (Serambi)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Deluxe Chalet* (Serambi), Ri-Yaz Heritage
Tarikh: 21 Mac 2012

13.4.2.1. Prestasi Aktiviti Utama

- a. Semakan Audit mendapati prestasi hasil Syarikat menunjukkan peningkatan dari tahun 2008 hingga 2010. Penyumbang utama hasil adalah daripada sewaan bilik penginapan dan penyediaan makanan dan minuman terutama semasa kejohanan Piala Monsun. Kedudukan hasil Syarikat bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 13.3**.

Jadual 13.3
Hasil Syarikat Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Jenis Hasil	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Bilik	1,382,690	1,905,541	2,189,075
Makanan dan minuman	1,469,181	3,039,367	3,743,835
Spa	0	0	27,944
Lain-lain hasil	57,030	242,010	341,627
Jumlah	2,908,901	5,186,918	6,302,481

Sumber: Laporan Tahunan PTB Research Institute Sdn. Bhd.

- b. Semakan Audit mendapati bilangan pengunjung yang menginap di Ri-Yaz Heritage pada tahun 2008 adalah seramai 5,373 orang dan meningkat kepada 8,638 orang pada tahun 2009. Bagaimanapun bilangan pengunjung pada tahun 2010 menunjukkan penurunan kepada 8,454 orang.
- c. Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 10 Mei 2012, walaupun terdapat penurunan bilangan pengunjung pada tahun 2010 tetapi hasil sewaan bagi setiap bilik bertambah kerana perubahan segmen pasaran daripada pakej percutian kepada pakej korporat.

13.4.2.2. Spa Dan Kafeteria Tidak Beroperasi

- a. Selain menyediakan bilik penginapan, kemudahan lain yang disediakan oleh Syarikat antaranya spa (Sembunyi Spa) dan kafeteria (*Oasis Lounge*). Sembunyi Spa seperti **Gambar 13.3** merupakan tempat bagi pengunjung berehat sambil menikmati rawatan dan urutan badan serta rawatan wajah. Semakan Audit mendapati spa tersebut mula beroperasi pada tahun 2010 dan tahun 2011 ianya beroperasi semasa berlangsungnya kejohanan Piala Monsun. Keadaan ini disebabkan masalah kesukaran mendapatkan pakar terapi. Manakala kafeteria (*Oasis Lounge*) seperti **Gambar 13.4** yang terletak di kawasan kolam renang dibina untuk kemudahan pengunjung menikmati hidangan ringan. Bagaimanapun, kafeteria ini tidak beroperasi sejak tahun 2008 kerana tidak mendapat sambutan daripada pengunjung.

Gambar 13.3
Sembunyi Spa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ri-Yaz Heritage
Tarikh: 10 Januari 2012

Gambar 13.4
Oasis Lounge



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ri-Yaz Heritage
Tarikh: 10 Januari 2012


- b. Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 10 Mei 2012, spa di resort tidak beroperasi kerana tidak mendapat permit daripada Kerajaan untuk membawa masuk ahli terapi spa luar negara. Pihak resort juga telah cuba untuk mendapatkan tenaga pekerja dari pusat pengajian di Malaysia bagi mengisi kekosongan tersebut tetapi tidak mendapat maklum balas. Manakala analisis Syarikat terhadap operasi Oasis Lounge menunjukkan tidak kos efektif. Oleh itu, pihak resort menyediakan perkhidmatan makanan dan minuman untuk tetamu yang ada di kolam renang serta perkhidmatan room service. Oasis Lounge juga mengadakan perkhidmatan lain seperti jamuan hari lahir kepada pihak luar atau tetamu resort bergantung kepada permintaan dari semasa ke semasa.

13.4.2.3. Kerosakan Bangunan

Mengikut Klausula 9.4 kepada Kontrak Pembinaan Projek Pembangunan Marina, Chalet Dan Fasiliti Berkaitan, kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membaiki sebarang kerosakan yang berlaku dalam tempoh tanggungan kecacatan. Berdasarkan surat daripada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) kepada kontraktor bertarikh 9 Disember 2010 mendapati kontraktor telah gagal mengambil tindakan membaiki kecacatan yang telah dikemukakan oleh pihak perunding. Antara kecacatan tersebut adalah seperti kerosakan di dewan pameran, kerja-kerja tanah di bahagian Marina, bilik mesyuarat bocor, kemas lantai dan panel kaca. Walaupun pihak PMINT dan kontraktor telah bersetuju untuk membaiki kerosakan tersebut, bagaimanapun berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4 Tahun 2011 pada 11 Disember 2011, kedua-dua pihak berkenaan belum mengambil tindakan pembaikan. Selain itu, lawatan Audit pada 10 Januari 2012 mendapati terdapat beberapa kerosakan lain yang perlu diambil tindakan pembaikan antaranya kebocoran bumbung di bilik Royal Suite dan papan dinding di bilik Cemara Suite reput dan tertanggal. Berdasarkan maklum balas daripada PMINT bertarikh 10 April 2012, tindakan bagi memanggil tender akan dijalankan pada 16 Mei 2012. Manakala lawatan tapak pula akan dijalankan pada tarikh tender dibuka iaitu pada 21 Mei 2012 dan tarikh tutup tender pada 11 Jun 2012.

13.4.2.4. Maklum Balas Pengunjung Melalui Soal Selidik So How dan Laman Sesawang Tripadvisor.com Terhadap Kualiti Perkhidmatan Yang Disediakan Di Ri-Yaz Heritage

- a. Pada tahun 2010, Syarikat menjalankan soal selidik bagi mendapatkan skor penilaian pengunjung terhadap 4 perkhidmatan utama iaitu makanan dan minuman, dapur, *front office* dan *house keeping*. Penilaian berdasarkan skor 1 hingga 5 di mana 1 adalah lemah, 2 sederhana, 3 baik, 4 sangat baik dan 5 cemerlang. Secara keseluruhannya penilaian pengunjung terhadap perkhidmatan Syarikat pada tahun 2010 dan 2011 adalah baik dengan mendapat skor 3 dan ke atas. *Front Office* mendapat skor penilaian yang tertinggi bagi tahun 2011 iaitu 3.91 terutama di bahagian *Front Desk*. Manakala perkhidmatan makan dan minum mendapat skor tertinggi pada tahun 2010 iaitu 3.81 terutama perkhidmatan *banquet*.
- b. Hasil tinjauan Audit di laman sesawang tripadvisor.com mengenai maklum balas pengunjung yang menginap di Ri-Yaz Heritage mendapati 41 pengunjung telah memberikan pandangan mereka terhadap nilai, lokasi, bilik, kebersihan dan perkhidmatan yang disediakan. Daripada jumlah tersebut, seramai 13 pengunjung telah memberi aras cemerlang, 18 pengunjung menyatakan sangat bagus, 6 pengunjung menyatakan sederhana, 3 pengunjung menyatakan lemah dan seorang pengunjung menyatakan sangat lemah seperti di **Carta 13.3**.



Sumber: Laman Sesawang Tripadvisor.Com

- c. Antara maklum balas yang boleh diambil perhatian oleh pengurusan Ri-Yaz Heritage untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti kebersihan bilik yang tidak memuaskan, tidak ada kemudahan sewa kenderaan (van) untuk pengunjung melawat Bandar Kuala Terengganu, spa dan kafeteria kolam renang tidak beroperasi, peralatan di dalam bilik seperti penghawa dingin dan pemain cekera padat tidak berfungsi serta layanan kakitangan kurang memuaskan.

Berdasarkan maklum balas Syarikat, kemudahan sewa kenderaan (van) telah pun disediakan untuk pengunjung yang ingin melawat Bandar Kuala Terengganu. Pihak Ri-Yaz Heritage juga sedia mengaturkan penyewaan kereta bagi pengunjung yang tidak menggunakan perkhidmatan sewa kenderaan (van) tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan Syarikat perlu mengambil tindakan terhadap kerosakan dan maklum balas daripada pengunjung yang dikemukakan melalui laman sesawang.

13.4.3. Tadbir Urus Korporat

13.4.3.1. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan Syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Semakan Audit mendapati Syarikat belum menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Mei 2012, Syarikat bercadang untuk mendapatkan khidmat audit dalaman daripada Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. bagi membantu meningkatkan kawalan pengurusan Syarikat bermula tahun 2012.**

13.4.3.2. Bayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menyatakan bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar. Semakan Audit mendapati bayaran bonus berjumlah RM54,092 pada tahun 2010 kepada kakitangan Syarikat telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat tetapi tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 10 Mei 2012, kelulusan pembayaran bonus ini akan dibincangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang akan datang.**

13.4.3.3. Pengurusan Aset

Kawalan pengurusan aset merupakan satu elemen penting dalam pengurusan Syarikat bagi menentukan aset yang diperolehi telah direkodkan, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai peraturan dan garis panduan yang khusus berkaitan pengurusan aset. **Maklum balas daripada Syarikat bertarikh 10 Mei 2012, memaklumkan perkara tersebut akan diambil kira dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang akan datang.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat Syarikat perlu dipertingkatkan dengan mematuhi peraturan mengenai pembayaran bonus dan menyediakan garis panduan mengenai pengurusan aset.

13.5. SYOR AUDIT

Syor Audit bagi mengatasi kelemahan dan meningkatkan pengurusan Syarikat ini adalah seperti berikut:

13.5.1. Mengenal pasti punca penurunan pengunjung yang menginap serta mengambil tindakan terhadap maklum balas pengunjung bagi meningkatkan perkhidmatan yang diberikan.

13.5.2. Mengambil tindakan pembaikan terhadap kerosakan yang berlaku bagi mengelak aduan/rungutan daripada pengunjung.

13.5.3. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

13.5.4. Menyediakan prosedur kerja sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan dan aset.

PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

14. TTI MANAGEMENT SDN. BHD.

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. TTI Management Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat milik penuh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah diperbadankan sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad di bawah Akta Syarikat 1965 pada 10 Julai 2007. Syarikat ini mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.50 juta.

14.1.2. Aktiviti utama Syarikat adalah mengurus dan mengendalikan Taman Tamadun Islam (TTI) yang terletak di atas Pulau Wan Man Kuala Terengganu. TTI merupakan sebuah taman tema yang dibangunkan sebagai suatu pelaburan strategik Kerajaan Negeri di dalam sektor pelancongan Negeri Terengganu yang diharapkan dapat memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negeri terutamanya di bidang-bidang seperti perhotelan, peruncitan, pengangkutan, pembuatan dan sebagainya. Ia berunsurkan pendidikan dan lipur diri di mana sebahagian besarnya adalah berbentuk *non-profit making activities* dan pengunjung mempunyai akses serta dapat menggunakan kemudahan secara percuma. Berprinsipkan taman rakyat dengan tidak meletakkan keuntungan sebagai matlamat utama, caj masuk tidak dikenakan pada pintu masuk utama tetapi hanya merangkumi Taman Monumen iaitu sekitar 30% dari kawasan keseluruhan TTI sementara kawasan selebihnya adalah kawasan awam yang tidak dikenakan sebarang caj. Selain menguruskan taman tema, Syarikat juga menyediakan perkhidmatan perundingan dan konsultasi, restoran dan catering serta penyewaan pusat konvensyen. Manakala aktiviti sampingan lain termasuk sewaan rumah rehat, penjualan pokok dan tanaman hiasan.

14.1.3. Lembaga Pengarah Syarikat terdiri daripada 6 orang ahli iaitu Timbalan Pengurus Besar PMINT sebagai Pengerusi, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Pengurus Projek Khas PMINT, Pengurus Sumber Manusia dan Pentadbiran PMINT serta seorang ahli perniagaan. Pengurusan Syarikat diterajui oleh Pengarah Urusan yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah dan dibantu oleh Pengurus Besar serta 164 kakitangan yang terdiri daripada 23 pegawai eksekutif dan 141 pegawai bukan eksekutif.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhan.

14.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2008 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan. Analisis prestasi kewangan bagi tempoh 3 tahun dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun 2008 hingga 2010. Di samping itu, temu bual dengan pegawai berkenaan dan lawatan tapak juga turut dilakukan.

14.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan. Syarikat mencatatkan keuntungan pada tahun 2009 dan 2010 berbanding kerugian pada tahun 2008. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti dan tadbir urus Syarikat mendapati beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti pembinaan bangunan Muzium Lebah telah tergendala; dan pematuhan terhadap pekeliling. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus Syarikat adalah seperti di perenggan berikut:

14.4.1. Prestasi Kewangan

14.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pada tahun kewangan 2009 dan 2010, Syarikat telah mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM0.18 juta dan RM0.14 juta berbanding kerugian berjumlah RM0.39 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, terdapat penurunan keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2010 berjumlah RM0.04 juta (23.3%) berbanding tahun 2009. Keuntungan bersih yang diperoleh oleh Syarikat bagi tahun 2010 menjadikan kerugian terkumpul Syarikat berkurang menjadi RM0.08 juta pada tahun 2010 berbanding RM0.22 juta pada tahun 2009 dan RM0.39 juta pada tahun 2008.
- b. Pendapatan Syarikat pada tahun 2010 meningkat sejumlah RM1.17 juta (13.6%) kepada RM9.75 juta berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM8.58 juta. Peningkatan ini didorong oleh peningkatan hasil taman monumen (26.7%), peruncitan (13.3%) dan kerja-kerja teknikal (38.1%). Selain itu, Syarikat juga telah mewujudkan aktiviti baru seperti pengurusan Masjid Kristal dan pusat konvensyen, kerja-kerja penyenggaraan dan unit perkhidmatan sokongan yang turut


menyumbangkan hasil kepada Syarikat sejumlah RM0.77 juta (7.9%) pada tahun 2010.

- c. Perbelanjaan operasi Syarikat telah meningkat sejumlah RM2.14 juta (37.4%) iaitu daripada RM5.72 juta pada tahun 2009 kepada RM7.86 juta pada tahun 2010. Manakala perbelanjaan pentadbiran pada tahun 2010 menunjukkan penurunan sejumlah RM0.92 juta (34.2%) iaitu daripada RM2.70 juta pada tahun 2009 menjadi RM1.78 juta. Penurunan perbelanjaan ini disebabkan sebahagian perbelanjaan seperti perbelanjaan jualan dan pemasaran, penyenggaraan dan pembersihan, perbelanjaan khidmat sokongan dan perbelanjaan taman awam serta perbelanjaan Masjid Kristal telah dimasukkan sebagai perbelanjaan operasi.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 14.1**, **Carta 14.1** dan **Carta 14.2**.

Jadual 14.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Syarikat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan	5,756,203	8,584,486	9,750,049
Perbelanjaan Operasi	4,016,256	5,716,686	7,856,003
Untung Kasar	1,739,947	2,867,800	1,894,046
Pendapatan Lain	-	16,182	26,012
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	2,133,714	2,703,163	1,779,747
Untung/(Rugi) Operasi	-393,767	180,819	140,311
Kos Kewangan	-	-	-
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	-393,767	180,819	140,311
Cukai	-	4,000	4,736
Untung/(Rugi) Bersih	-393,767	176,819	135,575
Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul	-393,767	-216,948	-81,373

Sumber: Penyata Kewangan TTI Management Sdn. Bhd.



Sumber: Penyata Kewangan TTI Management Sdn. Bhd.



Sumber: Penyata Kewangan TTI Management Sdn. Bhd.

14.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 14.2**.

Jadual 14.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	1.02:1	1.05:1	1.04:1
Margin Untung Bersih	-6.8%	2.1%	1.4%
Pulangan Atas Aset	-0.06:1	0.03:1	0.03:1
Pulangan Atas Ekuiti	-3.7:1	0.62:1	0.32:1

Sumber: Penyata Kewangan TTI Management Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah ini dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Nisbah semasa Syarikat bagi tahun 2010 adalah pada kadar 1.04:1 iaitu menurun berbanding tahun 2009 (1.05:1). Ini menunjukkan kemampuan aset semasa Syarikat ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek adalah memuaskan.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin untung bersih Syarikat meningkat pada tahun 2009 (2.1%) berbanding tahun 2008 (-6.8%) tetapi menurun pada tahun 2010 (1.4%). Pada tahun 2010, Syarikat mencatatkan margin untung bersih pada kadar 0.014 sen (1.4%) bagi setiap ringgit hasil daripada aktiviti utamanya berbanding tahun 2009 (2.1%).

c. Pulangan Atas Aset

Pulangan atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh daripada setiap aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan Syarikat menguruskan asetnya pada tahun 2009 meningkat berbanding tahun 2008 dan tidak berubah pada tahun 2010.

d. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan atas ekuiti adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecekapan pengurusan modal Syarikat meningkat pada tahun 2009 (0.62:1) berbanding tahun 2010 (0.32:1).

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan di mana Syarikat telah mencatat keuntungan bagi tahun 2009 dan 2010 berbanding kerugian pada tahun 2008.

14.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama Syarikat adalah mengurus Taman Tamadun Islam (TTI) yang terletak di Pulau Wan Man, Kuala Terengganu. TTI merupakan sebuah taman tema milik penuh PMINT dengan kos pembinaan berjumlah RM249.3 juta meliputi pembinaan Taman Monumen, Masjid Kristal, pusat konvensyen serta kemudahan-kemudahan lain. TTI merupakan salah satu pelaburan strategik Kerajaan Negeri dalam sektor pelancongan. Hasil pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti Syarikat adalah seperti di perenggan berikut:

14.4.2.1. Prestasi Pencapaian Aktiviti Syarikat

- a. Syarikat mempunyai 7 jabatan/bahagian yang menjalankan 15 aktiviti perniagaan antaranya Taman Monumen, *river cruise*, restoran, pusat konvensyen dan perunding reka bentuk. Aktiviti perniagaan ini dilaksanakan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan memperoleh pulangan jangka panjang yang stabil. Sasaran pendapatan dan keuntungan bagi setiap aktiviti telah ditetapkan dan menjadi petunjuk aras kepada prestasi Syarikat. Semakan Audit mendapati prestasi pencapaian aktiviti berbanding sasaran pendapatan dan keuntungan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti **Jadual 14.3**.

Jadual 14.3
Prestasi Pencapaian Aktiviti Berbanding Sasaran Pendapatan Dan Keuntungan
Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Bil.	Aktiviti	2010			2011		
		Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	Prestasi (%)	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	Prestasi (%)
1.	Taman Monumen	888,509	693,085	78.0	1,042,037	497,223	47.7
2.	TTI <i>River Cruise</i>	52,879	123,746	234.0	157,405	186,275	118.3
3.	<i>Cafe Wan Man</i>	88,660	109,822	123.9	91,563	34,047	37.2
4.	Restoran B'beteng	32,563	58,395	179.3	71,317	-99,094	-138.9
5.	TTI <i>catering</i>	54,706	75,064	137.2	92,708	294,115	317.2
6.	Pengurusan Masjid Kristal	-126,063	-187,260	-148.5	-159,020	466,757	293.5
7.	Pusat Konvensyen TTI	153,024	192,508	125.8	42,020	73,368	174.6
8.	TTI <i>Souvenir</i>	85,209	70,973	83.3	138,608	198,767	143.4
9.	Arked Terengganu	132,613	108,696	82.0	75,933	-32,658	-43.0
10.	TTI <i>Sales & Marketing Service</i>	15,960	-29,460	-184.6	103,776	38,625	37.2
11.	TTI <i>Design Consultant</i>	470,544	1,085,711	230.7	767,820	874,583	113.9
12.	TTI <i>Graphic Shop</i>	6,654	-14,020	-210.7	6,552	-4,589	-70.0
13.	TTI <i>Landscape & Florist</i>	42,697	25,606	60.0	7,560	-72,051	-953.1
14.	TTI <i>Park Maintenance</i>	-35,361	-353,168	-998.8	-497,388	-297,976	-60.4
15.	TTI <i>Security & Support Service</i>	307	-68,682	-22,372	1,696	-257,028	-15,155.0
Jumlah		1,862,901	1,891,016	101.5	1,942,587	1,900,364	97.8

Sumber: TTI Management Sdn. Bhd.

- b. Analisis Audit terhadap jadual di atas mendapati secara keseluruhannya pada tahun 2010, prestasi pencapaian aktiviti telah mencapai sasaran yang ditetapkan sejumlah RM1.89 juta (101.5%) berbanding RM1.86 juta yang disasarkan. Bagaimanapun pada tahun 2011, prestasi pencapaian aktiviti tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dengan keuntungan sebenar sejumlah RM1.90 juta (97.8%) berbanding sasaran sejumlah RM1.94 juta. Bagaimanapun, analisis Audit menunjukkan keuntungan bagi 6 aktiviti telah melebihi sasaran manakala 9 aktiviti lagi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

14.4.2.2. Kedatangan Pengunjung Ke Taman Monumen Berkurangan

Kedatangan pengunjung ke TTI adalah berkait rapat dengan usaha pemasaran dan jualan yang dilakukan oleh Syarikat. Sehingga akhir tahun 2011, TTI telah berjaya mencatat jumlah kedatangan pengunjung seramai 3.78 juta orang dengan 20% daripadanya mengunjungi kawasan bertiket iaitu Taman Monumen yang menjadi salah satu sumber pendapatan utama Syarikat. Bagi tahun 2009 hingga 2011 purata kemasukan bulanan pelawat telah menurun dari 16,307 pelawat pada tahun 2009 menjadi 10,226 pelawat pada tahun 2010 dan terus menurun kepada 9,190 pelawat pada tahun 2011. Kedudukan kedatangan pengunjung adalah seperti **Jadual 14.4**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2012, Syarikat telah mengambil langkah-langkah promosi untuk meningkatkan kedatangan pengunjung ke TTI antaranya memberi tawaran pelbagai pakej mengikut kategori, TTI *website*, edaran melalui pos, TTI *privilege card*, *facebook*, tawaran khas harga agen kepada agensi pelancongan dan *signature product*.

Jadual 14.4
Jumlah Kedatangan Pengunjung Bagi Tahun 2009 Hingga 2011


Tahun	Sasaran (Bilangan)	Jumlah Pengunjung (Bilangan)	Prestasi Kedatangan Pengunjung (%)	Purata Pengunjung Setiap Bulan
2009	218,734	195,684	89.5	16,307
2010	178,428	122,714	68.8	10,226
2011	157,200	110,282	70.2	9,190
Jumlah	554,362	428,680	77.3	

Sumber: TTI Management Sdn. Bhd.

14.4.2.3. Projek Pembinaan Muzium Lebah Telah Tergendala

- a. Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke 9-3/2010 pada 15 Ogos 2010 telah bersetuju pada dasarnya untuk membina sebuah Muzium Lebah dalam usaha untuk mempelbagaikan produk di TTI. Berdasarkan minit mesyuarat tersebut, projek ini dijalankan secara usahasama dengan sebuah syarikat swasta yang melibatkan perkongsian keuntungan iaitu Syarikat sebanyak 80% manakala syarikat swasta tersebut sebanyak 20%. Kos pembinaan bangunan berjumlah RM0.3 juta dibiayai oleh syarikat swasta berkenaan di samping menyediakan program latihan. Syarikat pula hanya menyediakan tapak bangunan muzium serta menanggung kos utiliti dan tenaga kerja. Semakan Audit mendapati satu perjanjian telah disediakan bagi menjalankan projek usahasama ini tetapi tidak ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak. Lawatan Audit pada 20 Januari 2012 ke tapak projek mendapati pembinaan Muzium Lebah telah tergendala seperti **Gambar 14.1** dan **Gambar 14.2**.

Gambar 14.1
Pembinaan Muzium Lebah Tergendala



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu
Tarikh: 20 Januari 2012

Gambar 14.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu
Tarikh: 20 Januari 2012

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2012, pada awalnya syarikat swasta tersebut telah memberi komitmen dan mula membina bangunan Muzium Lebah secepat mungkin dengan menggunakan sumber kewangan persendirian. Pada masa yang sama, syarikat swasta ini juga cuba untuk mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan bagaimanapun pinjaman tidak diluluskan kerana menghadapi masalah perkongsian. Kekangan kewangan ini telah menyebabkan kerja-kerja pembinaan dihentikan. Maklum balas bertarikh 20 Mei 2012, pihak Audit telah dimaklumkan bahawa rundingan untuk mula atau sambung kerja telah dibuat dan Syarikat dalam proses memuktamadkan harga.

Pada pendapat Audit, Syarikat perlu mempertingkatkan usaha untuk menarik lebih ramai pelancong melawat TTI dan meneruskan pembinaan Muzium Lebah yang telah tergendala.

14.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat adalah merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan baik, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

14.4.3.1. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan pelantikan semua ahli Lembaga Pengarah Syarikat perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Syarikat memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 19 April 2012 bahawa pelantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah

mengikut syarat-syarat di dalam Akta Syarikat 1965, tanpa mengambil kira arahan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993. Syarikat memaklumkan akan memastikan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah yang baru pada masa hadapan akan memenuhi syarat-syarat termaktub di dalam Akta Syarikat 1965 dan pekeliling yang berkaitan.

14.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan Syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Sebaliknya fungsi audit dalam boleh juga dijalankan oleh Unit Audit Dalam Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati Syarikat belum menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam seperti mana kehendak Pekeliling. Mengikut maklum balas Syarikat bertarikh 19 April 2012, PMINT sebagai Syarikat Induk turut membuat pemantauan berterusan melalui Jawatankuasa Pemantauan Pelaburan Dalam Syarikat Anak yang memerlukan Syarikat melaporkan kemajuan fizikal dan kewangan untuk tempoh tertentu. Syarikat berpendapat langkah yang diambil ini memadai dengan keperluan operasi dan keadaan kewangan Syarikat untuk memastikan pengurusan Syarikat berada dalam keadaan cekap dan efektif.

14.4.3.3. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat perlu membayar dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan selaku pemegang saham syarikat. Syarikat perlu mengemukakan kepada Kementerian Kewangan sebab-sebab yang munasabah sekiranya ia gagal membayar dividen kepada Kerajaan. Selain itu, semua bayaran dividen hendaklah dibuat daripada keuntungan sahaja sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 365 (1), Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mengisytiharkan pengagihan dividen pada tahun 2009 dan 2010 walaupun Syarikat mendapat keuntungan pada tahun-tahun tersebut. Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2012, Syarikat merasakan keputusan untuk tidak mengumumkan pembayaran dividen adalah wajar berdasarkan keuntungan dan kedudukan kewangan di mana nilai ekuiti boleh diagih kepada pemegang syer Syarikat masih kurang dari RM1 iaitu nilai 1 syer biasa Syarikat. Syarikat merasakan adalah bersesuaian untuk membuat sebarang keputusan ke atas pengisytiharan dan pembayaran dividen sekiranya kedudukan Syarikat telah stabil.

14.4.3.4. Bayaran Bonus Dan Sagu Hati

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menyatakan bahawa bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah

dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar. Semakan Audit mendapati Syarikat telah membayar bonus dan sagu hati kepada pegawai dan kakitangan sejumlah RM0.27 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, pembayaran bonus dan sagu hati tersebut tidak dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan. **Mengikut maklum balas bertarikh 19 April 2012, Syarikat sekali lagi tidak menyedari akan kewujudan garis panduan pekeliling tersebut bagi tujuan pembayaran bonus. Syarikat akan memperbetulkan keadaan yang membabitkan Syarikat Induk, memandangkan pembayaran bonus adalah sah dari segi Akta Syarikat 1965 dan memastikan pembayaran bonus di masa hadapan akan memenuhi syarat-syarat termaktub di dalam Akta Syarikat 1965 dan pekeliling berkaitan.**


Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat Syarikat perlu dipertingkatkan dengan memastikan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat.

14.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang adalah disyorkan supaya pengurusan Syarikat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

14.5.1. Mengambil tindakan menyegerakan pembinaan bangunan Muzium Lebah yang tergendala.

14.5.2. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat.



BAHAGIAN III PERKARA AM

BAHAGIAN III PERKARA AM

15. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

15.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 Dan 2010.

15.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

15.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.

16. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 DAN 2010

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 dan 2010 yang masih belum selesai berkaitan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 1 April 2012, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 32 daripada 39 syor bagi tahun 2009 dan 2010 yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010. Bagi 7 syor lagi, 2 syor telah diambil tindakan susulan oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan bagaimanapun perkara tersebut masih belum selesai dan 5 syor pula masih belum diambil tindakan susulan seperti butiran di **Perenggan ini**. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan segera bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor-syor Audit.

16.1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI - Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Penyimpanan pakaian dan alatan sekolah yang belum diagihkan disimpan di dalam bilik mesyuarat Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Terengganu.	Pakaian dan alatan sekolah tersebut telah dipindahkan ke stor Sekolah Kebangsaan Langgar, Hulu Terengganu dan masih belum diagihkan.

16.2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Pengurusan Kwarters Kerajaan Negeri

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Kwarters yang tidak diduduki. <ul style="list-style-type: none">Daerah Marang<ul style="list-style-type: none">Lima unit kwarters terbiar, rosak serta terdedah kepada hakisan pantai.Daerah Hulu Terengganu<ul style="list-style-type: none">Sepuluh unit kwarters terbiar, mengalami kerosakan, usang dan tidak sesuai diduduki.	<ul style="list-style-type: none">Daerah Marang<ul style="list-style-type: none">Dua daripada 5 unit kwarters yang terbiar dan rosak iaitu JKR18/2 dan JKR144 masih belum diambil tindakan.Daerah Hulu Terengganu<ul style="list-style-type: none">Kwarters di Jalan Loji Air Kuala Berang dan Jalan Hashim masih belum diambil tindakan.
2.	Sewa kwarters Kerajaan Negeri tidak dibayar.	Jabatan Penyiaran Kawasan Timur masih menunggu maklum balas daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK) untuk membuat pelarasan antara sewa kwarters tidak dibayar dengan sewa kwarters terlebih dibayar.
	Sewa kwarters terlebih dibayar kepada Kerajaan Negeri.	Jabatan Penyiaran Kawasan Timur masih menunggu maklum balas daripada Pejabat SUK untuk membuat pelarasan antara sewa kwarters tidak dibayar dengan sewa kwarters terlebih dibayar.

16.3. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Sub Sistem Yang Tidak Digunakan <ul style="list-style-type: none">Majlis Perbandaran Dungun<ul style="list-style-type: none">Lima sub sistem di bawah Sistem Perakaunan tidak digunakan iaitu Pelaburan, Pinjaman, Akaun Kena Bayar, Pengurusan Harta dan Pengurusan Projek.	Majlis Perbandaran Dungun masih belum mengguna pakai sub sistem tersebut.

16.4. PEJABAT TANAH MARANG

- Pengurusan Tukar Syarat Tanah

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Pelanggaran syarat penggunaan tanah di Pejabat Tanah Marang.	Penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat tanah di Pejabat Tanah Marang belum dibuat kerana masih belum ada arahan daripada Kerajaan Negeri.

16.5. YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

- Program Jaya Diri

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Tunggakan bayaran balik pinjaman. - Sehingga 31 Disember 2010, seramai 48 atau 3.4% daripada 1,399 peminjam Program Jaya Diri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman antara satu hingga 25 bulan yang berjumlah RM45,722.	<ul style="list-style-type: none">Sehingga Februari 2012, bilangan peserta yang mempunyai tunggakan telah berkurangan daripada 48 peserta kepada 22 orang. Peratus penurunan adalah sejumlah 54.2%.Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu telah melaksanakan usaha berterusan bagi menyelesaikan tunggakan bayaran balik yang masih ada.

16.6. PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

- Pengurusan Perpustakaan Awam

Bil.	Isu-isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Pembinaan bangunan Perpustakaan Daerah Setiu lewat disiapkan.	Pembinaan bangunan Perpustakaan Daerah Setiu telah disiapkan pada 15 Februari 2011 dan diserahkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam pada 31 Oktober 2011. Bagaimanapun, bangunan tersebut belum dapat digunakan kerana kerja-kerja pembaikan kecacatan sedang dijalankan.

17. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2010 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 5 Disember 2011.


18. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2011, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2008 dan 2009. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali pada tahun 2011 untuk membincangkan isu-isu yang berbangkit dalam Laporan tersebut. Selain itu, Jawatankuasa juga telah melakukan lawatan ke lokasi kajian untuk melihat secara lebih jelas isu berkaitan. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa sepanjang tahun 2011 adalah seperti **Jadual 18.1**.

Jadual 18.1**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Terengganu Sepanjang Tahun 2011**

Bil.	Tarikh	Perkara
1.	10 Mac 2011	Sesi pendengaran/penjelasan mengenai isu pewartaan kawasan tadahan air yang belum dibuat dan kawalan keselamatan di kawasan tadahan air tidak dijalankan oleh Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU).
		Sesi pendengaran/penjelasan mengenai isu pewartaan hutan perlindungan dan pewartaan hutan simpan oleh Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri.
2.	10 Julai 2011	a. Sesi pendengaran/taklimat serta soal jawab bersama Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri dan Ketua Pegawai Eksekutif SATU.
		b. Mengkaji Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.
3.	30 Oktober 2011	a. Lawatan ke Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Besut diiringi oleh beberapa Jabatan yang terlibat meninjau ke 2 buah projek Rumah Kos Rendah (RKR) di Daerah Besut iaitu: i. RKR Pasir Akar, Besut ii. RKR Padang Luas, Besut
		b. Mesyuarat membincangkan mengenai kelewatan menyiapkan projek perumahan.

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Terengganu



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembedulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembedulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembedulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

24 Mei 2012

